Jilid III
Bil.66

Hari Selasa
21hb. Disember, 1993

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 12435]

USUL-USUL:

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam [Ruangan 12468]

Akta Kastam 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.25), (No.28) hingga (No.31) 1992;
Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1993 hingga (No.15) 1993 [Ruangan 12610]

Akta Eksais 1976—

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.12) hingga (No.14) 1992;
Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1993 hingga (No.9) 1993 [Ruangan 12629]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 12537]

KANDUNGAN—*(Samb.)*

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Langkawi (Pindaan) 1993 [Ruangan 12543]

Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 1993 [Ruangan 12558]

Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1993 [Ruangan 12560]

Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 1993 [Ruangan 12577]

Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 1993 [Ruangan 12596]

Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 1993 [Ruangan 12599]

Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1993 [Ruangan 12608]

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad.**
(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menleri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHLM, S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P., D.G.S.M. (Labis).

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.MJ., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

" Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

" Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Yang Amat Berbahagia Menteri Hal Ehwal Sabah, TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K., K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang).

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

" Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

" Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

" Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

" Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P,, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., B.S.I. (Pulai).

" Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN BIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

" Menteri Perpaduan Negaradan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

" Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR. MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

" Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

" Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

" Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

" Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).

" Menteri Belia dan Sukan, DATUK ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

" Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).

" Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

" Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

" Timbaian Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.MJ. (Batu Pahat).

" Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEKANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

" Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

" Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

" Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

" Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

" Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAJLEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

" Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

" Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

" Timbalan Menteri Pendidikan, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

" Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

" Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau).

" Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).

" Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

" Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

" Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim/Bandar Baharu).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

" Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., PJ.K. (Setiu).

" Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

" Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

" Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

" Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.P.M.S. (Lipis).

" Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).

" SetiausahaParlimen Kementerian Kebudayaan, Keseniandan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

" Setiausaha Parlimen di Jabatan PerdanaMenteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).

" Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

" Sctiausaha Parlimen Kemenlerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZT BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan lndustri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).

" TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

" DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

" TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

" TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

" TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

" DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,P.P.T. (KualaTerengganu).

" TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

" DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD, D.P.M.T., A.M.N., PJ.K. (Kuala Nerus).

" DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).

" TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

" DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

" TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

" TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

" TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

" DATO' ALTAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

" DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

" TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

" TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).

Yang Berhormat DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

" DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

" TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).

" TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).

" TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

" TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).

" TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

" DR. V. DAVID (Puchong).

" TUAN FONG KUI LUN (Klang).

" TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).

" TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).

" TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

" TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

" TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

" TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

" TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah),

" TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

" TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

" CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).

" LT. KOL (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).

" PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).

" TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).

" DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).

" TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

" TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGA, P.B.S. (Kapit).

" TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).

Yang Berhormat TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

" TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

" TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Panji).

" DR. KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

" TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan).

" TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).

" TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

" TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

" TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

" TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

" TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

" PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

" DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).

" TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).

" DATUK MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).

" DR. T. MARIMUTHU (Telok Kemang).

" TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

" TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).

" DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.T.M.P., P.J.K. (Maran).

" TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Niiam Puri).

" TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).

" TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).

" DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

" DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

" TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

Yang Berhormat DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).

" DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

" TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

" DR. NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

" DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

" TUAN ONG TIN KIM (Telok Jntan).

" DR. OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

" DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

" TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

" DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

" DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebal).

" DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).

" TUAN RADIN MALLEH (Padas).

" PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP, (Shah Alam).

" Mulia TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

" TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

" PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).

" TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).

" TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).

" DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

" TUAN SHAHTDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

" TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

" PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

Yang Berhormat TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).

" TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

" DATUK DANTEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

" TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

" DR. TAN SENG GIAW (Kepong).

" TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

" TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).

" WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).

" WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).

" TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

" WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).

" TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).

" DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).

" TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).

" TUAN WONG WING ON (Kampar).

" TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).

" TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).

" TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).

" TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).

" TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Sctiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMl PARLIMEN

Pegawai Penerbitan; Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Hajah Shamsiah binti Mohd Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 21hb. Disember, 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

CUTI KEPADA AHLI—KEBENARAN

Y.B. Dr. V. David (Puchong)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb. April, 1961 saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Dr. V. David, Ahli Parlimen bagi kawasan Puchong dari 13hb. Disember, 1993 hingga 23hb. Disember, 1993.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

LAWATAN PEMIMPIN KERAJAAN KE LUAR NEGERI—KESAN

1. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Luar Negeri menyatakan kesan lawatan-lawatan berhubung dengan perdagangan, kebudayaan dan diplomatik seperti berikut:

(a) Amerika Selatan;

(b) Negeri China;

(c) Vietnam; dan

(d) Negara-negara mcrdeka di Soviet Russia.

TimbalanMenteri LuarNegeri(Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, kesan lawatan-lawatan tersebut ialah seperti berikut:

(a) Amerika Selatan:

Dalam bidang perdagangan, misalnya, perdagangan dua hala antara Malaysia dengan Mexico telah meningkat sebanyak 34.6% iaitu dari RM277 juta pada tahun 1991 kepadaRM373juta pada tahun 1992.

Perdagangan duahala antara Malaysia dengan Peru juga telah meningkat sebanyak 71.1% dari RM58.9 juta pada tahun 1991 kepada RM100.8 juta pada tahun 1992. Sejak akhir-akhir ini, minat negara-negara daripada Amerika Selatan telah menjalinkan hubungan perdagangan yang lebih erat dengan Malaysia kian meningkat.

Sepanjang tahun ini, beberapa delegasi perdagangan daripada ncgara-negara Amerika Selatan seperti Brazil, Chile dan Uruguay telah membuat lawatan ke

Malaysia. Hasil daripada pertukaran lawatan dengan negara-negara di Amerika Selatan, Malaysia kini lebih dikenali di kalangan negara-negara di rantau tersebut. Beberapa buah negara di rantau tersebut telah menunjukkan minat untuk menjadi rakan niagadan menjalin hubungan kerjasama dengan Malaysia dalam berbagai bidang termasuk bidang ekonomi, saintifik dan teknikal. Dalam hubungan ini, Malaysia telah menandatangani beberapa perjanjian dengan beberapa buah negara di Amerika Selatan seperti perjanjian perdagangan, perjanjian ekonomi, saintifik dan teknikal, perjanjian pembayaran dua haladan perjanjian perkhidmatan udara. Rundingan untuk menandatangani perjanjian jaminan pelaburan juga telah pun diadakan dan proses perbincangan di antara Malaysia dengan beberapa buah negara di rantautersebutuntukmeningkatkan kerjasama pelaburan.

(b) *Negeri China:*

Persefahaman serta persahabatan erat yang dijalinkan antara pemimpin hasil pertukaran lawatan-lawatan tersebut telah membolehkan kedua-dua buah negara meneruskan kerjasama yang rapat khususnya dalam bidang politik serta memperluaskan kerjasama dua hala dalam bidang-bidang seperti ekonomi dan perdagangan serta sains dan teknologi. Setakat ini, sebanyak 9 perjanjian dua hala telah pun ditandatangani oleh kedua-dua buah negara di antara lainnya merangkumi kerjasama di bidang perdagangan dan pelaburan, pengangkutan udara, sains dan teknologi serta sukan. Jumlah perdagangan dua hala telah mencatatkan peningkatan menggalakkan daripada RM3.96 ribu juta pada lahun 1990 kepada RM4.4 ribu juta pada tahun 1992 yang meletakkan Republik Rakyat China sebagai rakan perdagangan yang kesembilan terbesar Malaysia pada masa kini. Prospek perdagangan dua hala diperkembangkan lagi adalah baik sekali memandangkan minat yang semakin meningkat oleh Republik Rakyat China dalam memperluaskan hubungan ekonominya dengan Malaysia.

(c) *Vietnam:*

Salah satu hasil lawatan-lawatan tersebut adalah penandatanganan perjanjian antara Malaysia dengan Vietnam yang meliputi kerjasama ekonomi, perdagangan, perlindungan pelaburan, perkhidmatan udara dan mengelak cukai dua kali. Lawatan-lawatan ini juga memberi peluang kepada kedua-dua belah pihak melihat dengan lebih dekat lagi peluang kerjasama ekonomi dan perdagangan yang boleh dijalankan.

Semenjak pertukaran lawatan yang kerap antara kedua buah negara, jumlah perdagangan dua hala telah meningkat dari RM235 juta pada tahun 1991 kepada RM449 juta pada tahun 1992. Bagi tempoh bulan Januari hingga Mei 1993 jumlah perdagangan mencatat RM308 juta. Usahawan Malaysia juga telah mula menjalankan aktiviti pelaburan dalam bidang pencarigalian petroleum, projek pembinaan hotel dan bangunan pejabat, perladangan, pemerosesan makanan dan hartanah di Vietnam. Setakat ini pelaburan Malaysia di Vietnam adaiah dianggarkan sebanyak RM638 juta.

Dalam bidang kebudayaan pula, kcdua-dua buah negara sedang mengambil tindakan susulan untuk mengeratkan lagi kerjasama merangkumi pertukaran kumpulan kebudayaan, pertukaran maklumat mengenai kcbudayaan, pcrtukaran para penyclidik dan para cendiakawan di bidang kesenian, muzium dan arkib.

(d) *Negara-negara Merdeka di Soviet Russia:*

Lawatan Perdana Mentcri ke Uzbekistan telah mcndatangkan hasil pada mula Jun tahun ini di mana Kedutaan Besar Malaysia tclah ditubuhkan di Tashkent, Uzbekistan untuk mcmudahkan hubungan dua hala antara Malaysia dengan Uzbekistan scrta negara-ncgara di Asia Tengah yang lain.

Di samping itu, hasil daripada lawatan-lawatan rasmi tersebut, Malaysia tclah menandatangani empat perjanjian dua hala dengan Kerajaan Uzbekistan, antaranya ialah Perjanjian Kcrjasama Kcbudayaan dan Sainlifik, Perjanjian Kerjasama Ekonomi dan Tcknikal, Pcrjanjian Pcrkhidmatan Udara dan Perjanjian Pcngaturan Pembayaran Dua Hala.

Semenjak lawatan rasmi Perdana Mcnteri ke Turkistan dan lawatan Menteri Luarjugakenegara Asia Tengah.hubungan perdagangan dua hala antara Malaysia dan negara tersebut tcrutamanya dengan Uzbekistan telah bertambah. Malaysia juga telah mengadakan pcrbincangan dengan rakan-rakan sejawat rnereka di ncgara-negara Asia Tengah, mengcnai dengan usaha-usaha perlombongan, minyak dan gas serta emas, pembinaan hotel dan pejabat, telekomunikasi, industri pcmerosesan kapas, pcmbuatan coklat dan perbankan. Usaha-usaha ini tertumpu terutamanya ke negara Uzbekistan. Terdapat juga beberapa orang pakar-pakar ukiran plaster dan kayu yang diambil bekerja untuk menghiasi dan memplaslcr siling serta dinding scbuah masjid di Langkawi. Sektor swasta Malaysia juga sedang menerokai pcluang-peluang baru untuk menjalin usahasama perniagaan dengan rakan-rakan sejawat mereka di negara-negara Asia Tengah yang lain.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yangdi-Pertua.berhubungdenganjawapan Yang Berhormat bagi soalan *(d),* Yang Berhormat telah menyebut tcntang hubungan kita dengan Uzbekistan. Jadi, saya hcndak bertanya kepada Yang Berhormat, sejauh manakah pcnglibatan Kerajaan untuk memastikan supaya pihak swasla yang digalakkan untuk berurusniaga dengan Uzbekistan tidak membuat apa-apa manipulasi yang membolehkan suasana penetapan harga sebab ada masalah di Uzbekistan ini iaitu dia tidak tahu meletakkan harga. Contohnya macam sebuah kapal tcrbang, kadang-kadang harganya diletakkan seolah-olah macam scbuah kereta. Jadi, oleh kerana Kerajaan melepaskan pihak swasta pergi dahulu, dan liba-tiba Kerajaan hcndak beli balik barang daripada Uzbekistan, adakah kemungkinan berlaku manipulasi harga dari pihak swasta Malaysia yang mengambil kesempatan daripada suasana yang tidak mcnenlu di Uzbekistan, pada hal mereka di sana menunjukkan secara ikhlas untuk membuat hubungan dengan Malaysia.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, lerutamanya pihak Kerajaan mcnasihat sesiapa sahaja pihak swasta yang ingin melabur atau mengambil pcluang perniagaan di Uzbekistan atau mana-mana negara agar bersifat betul, adil dan saksama dan tidak menggunakan kcscmpatan untuk memanipulasikan apa-apa sahaja di mana-mana negara yang mereka berniaga ataupun

berdagang. Selaindari itu, kalau pun mereka cuba hendak memanipulasikan mana-mana barangan dengan menaikkan harga sesuka hatinya, saya kira ianya tidak akan dapat terus dilakukan oleh kerana selain dari negara kita yang berdagang di Uzbekistan sebagai contoh, lain-lain negara pun pergi juga. Maka kini pihak Uzbekistan telah juga terdedah dengan pelbagai jenis dan bentuk rupa peniaga-peniaga yang datang ke sana. Walaupun ada pihak dari Malaysia yang ingin hendak memanipulasikan harga di sana, ianya saya kira tidak akan dapat terus diadakan. Insya- Allah, mungkin ianya akan dihentikan oleh kerana lain-lain peniaga akan dapat membetulkan suasana dan pihak Uzbekistan tidak mudah tertipu selama-lamanya.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Mcnteri, apakah negara-negara di Amerika Selatan yang masih belum dilawali dan dijalin hubungan? Jika ada, apakah rancangan akan datang dan apakah tinjauan selama ini?

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, apakah negara-negara yang masih belum membalas kunjungan lawatan pemimpin-pemimpin kita ke negara tersebut? Jika ada, mengapa?

Dato' Dr. AbduIIah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, kita bercadang untuk berurus niaga dan mengadakan hubungan, kalau boleh, dengan semua negara di sebelah Amerika Selatan tetapi terpulang kepada keadaan dan suasana sebelum ia membolehkan kita membuka satu hubungan diplomatik ataupun menguruskan perniagaan dengan negara-negara berkenaan. Saya kira, lain-lain negara pun akan turut serta dcngan negara-negara seperti Chile, Argentina, Brazil, Uruguay yang telah pun rapat dengan kita, Mexico sebuah lagi negara di Amerika Selatan, serta lain-lain negara pun bila tiba masa dan ketika yang sesuai bagi kita untuk menghubungi antara satu sama lain dalam bidang politik dan bidang perdagangan, saya kira mereka akan tetap dan kita juga akan mengalu-alukan kerjasama dengan negara-negara mereka. Juga kita maklum tentang lawatan balas itu akan diikhtiarkan apabila tiba masa dan ketika yang difikirkan sesuai dan apabila keadaan di negara yang berkenaan itu pulih semulasistem ekonomi, sistem perdagangannya agak sesuai antara kita, maka itulah kita akan membuat lawatan balik dan kita akan menjalinkan hubungan diplomatik serta hubungan dagangan dengan mereka,

JALAN DARI SABAK BERNAM KE TELUK INTAN— MEMBAIKPULIH

2. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah beliau sedar bahawa keadaan jalan dari Sabak Bernam ke Teluk Intan sangat buruk dan sempit. Bilakah jalan ini akan dilebarkan dan dipertingkatkan dan berapa lama dijangka siap.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Bcrhormat, Kementerian memang sedar mengenai keadaan jalan dari Sabak Bernam ke Teluk Intan yang agak sempit. Berikutan dari itu, Kerajaan bercadang untuk membaikpulih sebahagian dari jalan tersebut iaitu dari sempadan Selangor/Perak ke Teluk Intan sepanjang 24 km. Projek yang dicadangkan itu adalah masih dalam peringkat mereka— bentuk dan kemajuan reka-bentuk semasa ialah 85% telah siap. Tawaran dijangka akan dikeluarkan pada pertengahan tahun 1994 dan dijangka siap pada pertengahan tahun 1996.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya jawapan dari Timbalan Menteri menyatakan itu adalah satu jangka masa panjang untuk

melebarkan jalan-jalan dari Sabak Bernam ke Teluk Intan yang begitu buruk dan sempit tetapi apakah langkah-langkah yang berjangka pendek khasnya pada hari perayaan? Jalan-jalan itu memang menghadapi kesesakan yang buruk yang mungkin lebih daripada apa yang diramalkan. Soalan yang lebih teruk lagi ialah jalan-jalan daripada bandar Ipoh ke Tapah yang sedang digunakan sekarang ini adalah begitu sempit dan begitu sesak, apakah langkah-langkah yang boleh diambil khasnya semasa menghadapi hari perayaan yang mungkin sudah dekat dan apakah langkah-langkah yang berkesan dapat mengatasi kesesakan. Takkan sampai 12 jam, 13 jam untuk sampai ke rumah dari Kuala Lurnpur ke lpoh dan Penang khasnya. Saya mintalah dia menjawab soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soal jalan dari Ipoh ke Tapah itu tidak bersangkutan dengan soalan asal. *(Ketawa)*

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya selalu melalui jalan-jalan itu iaitu Tapah dan juga Teluk Intan/Sabak Bernam.saya memahami keadaan itu.Kalau hari perayaan, Polis akan menjaga kesesakan lalulintas pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua: YangBerhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad.

(Soalan No. 3—Y.B. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad tidak hadir)

PROGRAM BERKEMBAR UNTUK KURSUS IJAZAH SARJANA MUDA— KAWALAN MUTU DAN PERATURAN

4. Tuan Wee Choo Keong mintaMenteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat banyak kolej-kolej swasta di Malaysia telah menawarkan kursus ijazah sarjana muda (degree courses) dari kolej negara asing melalui peraturan "twinning". Jika ya, sila nyatakan apakah langkah-langkah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk menentukan bahawa orang awam tidak dikelirukan (misled) dan apakahperaturan-peraturanyangditetapkan oleh Kementerian ini untuk mengawal atau menjaga mutu (standard) pengajaran di kolej berkenaan. Sila berikan butir-butir penuhnya.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang sedar terdapat banyak institusi pendidikan swasta (IPS) di Malaysia yang menawarkan kursus ijazah sarjana muda melalui Program Berkembar atau "twinning" dengan universiti luar negeri. Kementerian juga mernberi perhatian kepada penubuhan dan perkembangannya bagi memastikan orang awam tidak dikelirukan. Beberapa langkah telah diambil termasuklah:

(a) penubuhan dan pendaftaran IPPS dipastikan mematuhi peruntukan-peruntukan perundangan dalam Akta Pelajaran 1961, Peraturan-peraturan Perlu (Yayasan Pelajaran Tinggi) 1969 dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971;

(b) permohonan penubuhan IPTS diteliti dengan rapi untuk memastikan segala peruntukan perundangan dan syarat-syarat dipatuhi. Kelulusan penubuhan IPTS dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan;

(c) bagi memastikan kualiti pendidikan tidak diabaikan, kawalseliaan IPTS sentiasa dijalankan bukan sahaja oleh Kementerian Pendidikan, tetapi juga dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan;

(d) tenaga pengajar asing dipastikan mempunyai pas pengajaran daripada Jabatan Imigresen serta mempunyai permit mengajar seperti disyaratkan kepada tenaga pengajar tempatan;

(e) kelayakan tenaga pengajar juga diteliti oleh pihak Kementerian Pendidikan untuk memastikan kualiti dan kursus yang ditawarkan.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita menyambut baik usaha Kcrajaan untuk menggalakkan dan menambahkan bilangan pelajar di peringkat pengajian tinggi di negara kita ini. Soalnya sekarang ialah tentang kualiti pelajar-pelajar yang akan dihasilkan oleh pusat-pusat pengajian tinggi ini.

Saya ingin tahu lentang syarat-syarat kemasukan pelajar-pelajar kita ke pusat-pusat pengajian swasta ini. Adakah Kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan, mengawalselia tentang kelulusan pelajar-pelajar yang ingin memasuki pusat-pusat pengajian tersebut? Misalnya, adakah mereka dikenakan syarat-syarat seperti yang dikenakan oleh universiti-universiti tempatan, iaitu mcrcka yang layak, tetapi tidak mendapat tempat di universiti tempatan diberi peluang untuk memasuki pusat-pusat pengajian ini?

Soalan saya yang kedua ialah tentang adanya ijazah-ijazah seperti "Drs." yang saya ingat dikeluarkan secara berleluasa oleh setengah-sctengah pusat pengajian tinggi ini. Adakah Kerajaan meneliti tentang kualiti ijazah yang dikeluarkan ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, tentang kualiti pendidikan yang ditawarkan oleh institusi-institusi pendidikan tinggi swasta itu,terlebih dahulu saya ingin memberi jaminan kepadaDewan yang mulia ini bahawa Kementcrian Pendidikan hanya mcmberi pengiktirafan selepas kita dapat jaminan bahawa kualiti pendidikan yang ditawarkan adalah di peringkat yang tinggi, iaitu kita memberi kelulusan kepada program-program kcpada pihak swasta yang bekerjasama dengan universiti-universiti di luar negeri yang mempunyai imej atau universiti-universili di luar negcri yang diiktiraf sebagai universiti-universiti yang mcmpunyai kualiti yang tinggi.

Di sini, syarat-syarat untuk memasuki kursus tersebut adalah sama dengan syarat-syarat yang membolehkan calon-calon memasuki program-program yang sama di universiti-universiti diluarnegeri atausama dengan parent university itu, dengan izin. Dari segi keseluruhannya, kelulusan itu adalah sama dengan kelulusan yang disyaratkan oleh universiti-universiti tempatan, iaitu di pcringkat "A" level atau di peringkat STPM. Jadi, dari segi kcseluruhannya, kita dapati bahawa syarat-syarat untuk kemasukan ke program-program berkembar itu adalah tinggi dan Kementerian Pendidikan selalunya memastikan bahawa syarat-syarat tersebut tidak diabaikan untuk menjamin kualiti pendidikan yang ditawarkan.

Di sini juga, oleh kerana ijazah yang ditawarkan adalah oleh parent university di luar negeri, jadi kalau kila memberi pengiktirafan kepada universiti yang mempunyai imej atau mempunyai prestasi yang panjang, ini dengan sendirinya akan mcnjamin akan kualiti pendidikan tersebut kerana univcrsiti-universiti dari luar negeri itu yang akan menawarkan dcgree. Kalau degree tersebut tidak mempunyai kualiti, bcrmakna imej universiti terscbut akan terjejas.

Jadi, dari segi ini, Kementerian Pendidikan hanya memberi kelulusan kcpada universiti-universiti yang kita fikir bahawa ia mempunyai kualiti yang tinggi. Dari segi ijazah Drs., kita hanya membcri kclulusankepadatwinningprogrammeyang menawarkan Bachelors degree atau Masters degree sahaja. Pada masa sekarang, tidak ada twinning programme yang menawarkan ijazah Kedoktoran.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui daripada pihak Kemcnterian khasnya, apakah syarat-syarat yang membolehkan satu permohonan twinning programme ini diluluskan oleh pihak Kementcrian? Adakah bermakna apabila sebuah kolej mcmohon untuk mengadakan twinning programme ini, pihak Kementerian mcluluskan permohonan itu? Apakah syaral-syarat yang menyebabkan pihak Kementerian menilai untuk meluluskan permohonan daripada mana-mana kolej? Sehingga setakat sekarang ini, berapa banyakkah kolej yang telah mengadakan twinning programme dengan mana-mana institusi daripada luar negeri. Berapa banyak yang telah diluluskan, yang telah menjalankan program ini dan berapa banyak lagi yang telah memohon dan yang sedang menunggu keputusan kelulusan daripada pihak Kementerian?

Soalan yang kedua ialah, saya ingin mengetahui berapa ramaikah yang dilahirkan pelajar-pelajar yang mengikuti twinning programme ini setahun?

DatukDr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya tentang syarat-syarat yang dikenakan sebelum Kementerian Pendidikan meluluskan permohonan. Syarat-syarat yang dikenakan termasuklah kualiti kemudahan dan kualiti tenaga mengajar yang ditawarkan termasuklah kemudahan seperti pcrpustakaan dan sebagainya. Perkara yang Kemcnterian memberi keutamaan ialah kualiti atau imej univcrsiti dari luar negcri yang akan bekerjasama dengan kolej swasta tersebut. Kita memberi keutamaan kepada universiti-univcrsiti yang mempunyai imej dan yang mempunyai tradisi yang tinggi dari segi sejarahnya.

Dari segi bilangan kolcj-kolej swasta yang telah dibcri kelulusan pada masa sekarang, ada dalam lingkungan 20 hingga 30 buah kolej swasta yang kita telah memberi kelulusan yang menawarkan program-program twinning tersebut. Dari segi bilangan yang sedang menunggu kelulusannya, saya tidak ada maklumat. Saya minta kalau boleh, saya jawab secara bertulis.

Jumlah bilangan pelajar-pelajar yang telah mendapat manfaat daripada program-program ini pada masa sekarang, dari maklumat-maklumat yang kita dapati, jumlah pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus dalam program-program twinning tersebut adalah dalam lingkungan 3,000 hingga 4,000 orang pelajar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Drs. bukan ijazah Kedoktoran, ia atas sedikit daripada BA dan di bawah sedikit daripada MA—sebagaimana soalan Yang Berhormat tadi. Bukan Kedoktoran.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Ya, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak memberi kelulusan kepada program-program Kedoktoran tersebut. Kita hanya memberi kelulusankepadaBachelorsdegreedanjuga Masters degree.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Sanusi bin Daeng Mariok.

(Soalan No. 5—Y.B, Dr. Sanusi bin Daeng Mariok tidak hadir)

PERCERAIAN—SEBAB-SEBAB PENINGKATAN KADAR

6. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Perdana Menteri menyatakan sebab kadar penceraian yang semakin meningkat dan adakah kursus-kursus yang diadakan untuk bakal-bakal pengantin mencapai matlamat.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang diperolehi, keadaan keruntuhan rumahtangga masyarakat Islam masa kini sebenarnya tidaklah

meningkat. Umpamanya pada tahun 1990, tahap penceraian berbanding dengan perkahwinan adalah 13.3%,manakala pada tahun 1991 dan 1992, kadar itu adalah 10.4% dan 11.5%.

Di antara sebab berlakunya penceraian di kalangan pasangan umat Islam di negara ini masa kini ialah kurangnya sikap bertanggungjawab di kalangan pasangan suami isteri, campur tangan kcluarga-keluarga kedua belah pihak.pengaruh sosial dan material terutamanya di bandar-bandar besar dan kurangnya sikap setia dengan pegangan kepada nilai-nilai agama.

Untuk memastikan supaya institusi keluarga kukuh, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri telah dipertanggungjawabkan untuk mengadakan aktiviti-aktiviti yang sesuai. Di antara aktiviti-aktiviti itu ialah kursus-kursus perkahwinan, ceramah-ceramah kepada bakal pengantin dan khidmat nasihat kekeluargaan.

Kursus-kursusyangdianjurkanmemberi sumbangan yang positif di dalam memantapkan institusi kekeluargaan dan membantu mengurangkan kadar kejadian krisis rumah tangga.

Jabatan Agama Islam sentiasa mengemaskini kurikulum kursus dari semasa ke semasa agar dapat memenuhi keperluan masyarakat dan membentuk keluarga yang bahagia sesuai dengan hasrat "Rumahku Syurgaku".

KEMENTERIAN HAL EHWAL SABAH—JUSTIFIKASI

7. Tuan Jawah Ak. Gerang minta Menteri Hal Ehwal Sabah menyatakan usaha-usaha yang sudah dijalankan dan yang sedang dijalankan oleh Kementerian ini. Apakah tugas-tugas yang diberikan kepada Kementerian ini?

9. Tuan Lai Lun Tzee minta Perdana Menteri menyatakan bolehkah beliau memberi justifikasi tentang pengwujudan Kementerian Hal Ehwal Sabah begitu mendesak sckali sekarang pada hal perkara ini tidak mendapat perhatian yang serius dari Kerajaan Pusat sebelum ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bagi menjawab soalan ini bersekali dengan soalan nombor 9 daripada Ahli Yang Berhormat dari Sandakan kerana soalan-soalan yang tersebut berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Sabab.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa memperkemaskan jentera pentadbiran dari semasa ke semasa. Sehubungan dengan itu, pengwujudan Kementcrian Hal Ehwal Sabah adalah bertujuan untuk mengenal pasti isu-isu yang berkaitan dengan Sabah dan mengemukakan syor-syor kepada Kerajaan Persekutuan mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi mcmastikan rakyat Sabah mendapat perubahan yang adil.

Kementerian Hal Ehwal Sabah akan melaksanakan tugas-tugasnya yang dipertanggungjawabkan itu bersama-sama dengan Kementerian-kementerian lain dalam soal perancangan dan pembangunan negeri Sabah.

Tuan Jawah anak Gerang: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hoi Chew.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Sila.Sila. Nanti sekcjap. Nanti sekejap. Dia hendak bertanya. Tadi dia lambat bangun.

Tuan Jawah anak Gerang: Soalan tambahan. Saya minta penjelasan kerana ingin tahu. Walaupun saya berasal dari Sabah tetapi saya tidak tahu dimana Pejabat

Hal Ehwal Negeri Sabah ini. *(Ketawa)* Saya ingin tahu di mana tempatnya dan kemudian saya ingin tahu juga siapakah Timbalan Menterinya, Setiausaha Parlimennya, itu yang saya mahu tahu.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Pejabat Menteri Hal Ehwal Sabah ini ialah di Jabatan Pcrdana Menteri dan cawangannya, Insya-AIlah, akan dibuka di negcri Sabah.Tentang kedudukan Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen ini, bergantunglah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Mcnteri untuk melantik siapa sahaja yang difikirkan layak.

SUKOM 1998—PERSEDIAAN

8. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

(a) kcmajuan dalam menyediakan Sukan Komanwel 1998; dan

(b) sama ada Kcmenterian dapat mempertimbangkan untuk mengatur ahli sukan kebangsaan kita untuk mclancong ke berbagai negeri,terutama sekali Sarawak dan Sabah di mana penduduk-penduduknya mendapati amat mahal untuk ke Kuala Lumpur bagi menyaksikan sukan-sukan dan memberi pertunjukan demontrasi bagi kemudahan rakyat tempatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said); Tuan Yang di-Pertua,

(a) Mengenai kemajuan dalam menyediakan Sukan Komanwel, soalan ini telah dijawab dalam Dewan ini pada 30hb. November, 1993 dan saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi.

(b) Ahli-ahli sukan negara sentiasa menyertai kejohanan-kejohanan di luar Kuala Lumpur termasuklah negeri Sabah dan Sarawak. Penyertaan mereka bergantung kepada pengelolaan kejohanan berkenaan. Sekiranya persatuan-persatuan sukan negeri mengelolakan kejohanan-kejohanan tempatan, mahupun kejohanan-kejohanan kebangsaan di negeri berkenaan, maka atlet-atlet negara akan mengambil bahagian dan menyertai pertandingan tersebut. Begitu juga pertandingan-pertandingan yang diadakan di Kuala Lumpur di mana atlet-atlet di negeri-negeri lain termasuklah negeri Sabah dan Sarawak akan mengambil bahagian di pertandingan-pertandingan yang diadakan di Kuala Lumpur. Dari itu, terpulanglah kepada persatuan-persatuan sukan negeri untuk mengelolakan kejohanan-kejohanan tempatan yang dapat menarik minat penyertaan ahli-ahli sukan negara menyertai pertandingan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan nombor 9 sudahpun dijawab.

KEMUDAHAN GSP—KESAN TERHADAP EKONOMI NEGARA

10. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

(a) bagaimanakah kedudukan taraf GSP negara ini;

(b) apakah kesannya terhadap ekonomi negara ini jika GSP ditarik balik; dan

(c) apakah persediaan yang telah dan akan dibuat oleh Kementerian sekiranya GSP ditarik balik.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Ghua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah dijawab bersama-sama soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat

dari Shah Alam pada 15 Disember tahun ini. Oleh itu, tiada maklumat tambahan yang hendak disampaikan.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Bcrhormat Timbalan Menleri tentang kesannya kedudukan taraf GSP memandangkan bahawa Perjanjian GATT yang baharu ditandatangani baru-baru ini, dan apakah jumlah dan nilainya GSP kepada negara ini sckarang dari segi eksport negara kita kc Amerika Syarikat?

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bilakah kita akan kehilangan kedudukan taraf GSP? Adakah ini ialah bergantung kepada GNP perkapita yang saya rasa dalam lingkungan US$3,000 sekarang. Adakah GSP akan dengan sendirinya hilang apabila kita sampai ke suatu tahap dan apakah tahap tersebut?

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, kesan Uruguay Round yang hampir hendak selcsai, hanya hcndak tunggu Kongres memberikan kelulusan kepada permohonan daripada pentadbir Amerika Syarikat. Kesannya ialah bila selesai Uruguay Round, ini bermakna tarif yang dikenakan, khasnya oleh negara-negara yang tetah membangun akan dikurangkan. Bila ia dikurangkan, ini bermakna keutamaan di bawah GSP di mana kita diberikan tarif yang lebih rendah berbanding dengan negara-negara yang tidak menerima GSP, ini mengakibatkan keutamaan yang diberikan kepada kita di bawah GSP akan dikurangkan. Sebab perbezaan antara negara yang ada GSP dengan negara yang tidak ada GSP telah dikecilkan/ dikurangkan. Inilah kesan daripada Uruguay Round kepada GSP.

Mengenai jumlah eksport di bawah GSP berbanding dengan eksport scluruhnya daripada Malaysia ke pasaran antarabangsa, pada tahun ini, umpamanya bulan Januari sehingga bulan Jun tahun ini jumlah cksport di bawah GSP sehanyak 14.88% daripada jumlah eksport kita kc pasaran seluruh dunia. Ini mencerminkan betapa mustahak GSP untuk negara kita.

Mcngenai soalan yang terakhir, kita boleh dikeluarkan daripada negara-negara yang berkelayakan untuk menerima GSP jika perkapita GDP kita melampaui, kalau tidak salah saya, US$8,000 dan bukan US$3,000 seperti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Soalan tambahan. Saya ada satu sahaja. Satu lagi tclah di"hijack" olch Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka! Soalan saya—kita ucap syabas dengan satu sensitiviti atau kepekaan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka—adakah Kerajaan sedar, ada rakan dari Kota Melaka yang terlibat dalam pergerakan kesatuan (union) kita. Usaha yang kita dengar lahun lalu, mercka melalui gerakan kcsatuan international mcreka di Amerika cuba menggunakan "baling batu sembunyikan tangan"—melalui kawannya di Amerika—supaya GSP ini ditarik balik daripada kita. Kita difahamkan ada satu "hearing" pun dibuat di Kongres. Adakah ini benar? Apakah pandangan Kerajaan tentang usaha anti-nasional, anti-negara ini yang dilaksanakan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat Kota Melaka dalam DAP?

Tuan Chua Jui Meng: Kerajaan memang sedar tentang perkara ini dan perkara ini telah banyak kali ditimbulkan di dalam Dewan Rakyat ini. Kita hendak mengingalkan bahawa kilang-kilang di negara kita yang menikmati manfaat daripada sistem GSP. laitu kalau orang-orang sepcrti "musuh di dalam selimut" ini berbuat scdemikian, ia akan menjejaskan prestasi eksport mereka ke pasaran-pasaran negara-negara yang memberikan keutamaan GSP kcpada kita. Kita hendak mengingatkanlah sektor swasta, jangan selalu memberikan sokongan kepada mercka yang menjadi "musuh di dalam selimut"!

LAGU KEBESARAN NEGERI—PERUBAHAN RENTAK

11. Tuan Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyalakan:

(a) sama ada beliau akan mengemukakan cadangan kepada negeri-negeri supaya lagu-lagu negcri di sctiap negeri di Semenanjung Malaysia diubah rentaknya agar lebih rancak, seiring dengan rentak lagu Negaraku yang baru;dan

(b) apakah Kerajaan sedar bahawa lagu-lagu negeri telah ada sejak sebelum merdeka dan tidak lagi sesuai pada masa ini, dan oleh itu Jabatan Perdana Menteri diminta mencadangkan pcrubahan tiap-tiap lagu negcri bagi seliap negcri di Semenanjung Malaysia.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua,sebagaimana yang diketahui Lagu Kebesaran Negeri adalah terletak di bawah bidang kuasa Kcrajaan-kerajaan Ncgeri masing-masing. Oleh itu, terpulanglah kepada Kerajaan Negeri sama ada ingin mengubah rentak Lagu Kebesaran Ncgeri supaya selaras dengan perubahan rentak Lagu Negaraku yang baru.

Walau bagaimanapun, pada pandangan Kerajaan Pusat memang wajar Lagu Kebesaran Kerajaan Negeri diubah rentaknya supaya ianya lebih rancak dan seiring dengan rentak Lagu Negaraku yang baru. Tujuan mengubah kepada rentak baru ini ialah untuk memberi kesedaran kcpada rakyat bahawa negara Malaysia telah berubah ke arah sebuah negara membangun yang maju dan memerlukan setiap rakyatnya berfikir dan bertindak dengan cepat dan pantas.

ADUAN ENCIK R. RAJAMANICKAM—SIASATAN PIHAK POLIS

12. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Dalam Ncgeri menyatakan apakah kcputusan siasatan pihak polis ke atas kes di mana pada 15.6.92, seorang pcmimpin DAP Jawatankuasa Negeri Perak, R. Rajamanickam telah dicederakan olch scorang di hadapan beberapa orang anggota Polis di hadapan panggung Rex bcrhadapan dengan Balai Polis Sungai Siput (Laporan Polis; 2229/92 Sg. Siput).

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, pada 15hb. Jun, 1992, Encik R. Rajamanickam telah membuat pcngaduan mengatakan yang beliau tclah ditumbuk oleh dua orang lelaki. Hasil daripada siasatan yang dijalankan, didapali tidak ada apa-apa kecederaan atau luka yang dialami oleh pengadu. Pengadu telah dinasihatkan supaya mendapatkan pemeriksaan di hospital, tetapi beliau tidak berbuat dernikian. Anggola Polis yang menjalankan tugas di tempat kejadian juga melaporkan tidak ada bukti-bukti yang menunjukkan berlakunya pergaduhan di tempat tersebut. Oleh kerana tidak bukti untuk menuduh mana-mana pihak, kcs ini telah dikategori sebagai kes untuk disimpan.

BANK NEGARA—KERUGIAN ATAS KERTAS

13. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan susulan yang dibuat ke atas kerugian atas kertas yang melcbihi RM9 bilion yang dialami oleh Bank Negara baru-baru ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuan Yow): Tuan Yang di-Pertua, scbagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, isu mengenai kemerosotan rizab Bank Ncgara Malaysia telah dijawab berulang-ulang kali di Dewan yang mulia ini. Dan dalam jawapan tersebut ditegaskan

bahawa ia tidak melibatkan sebarang pecah amanah ataupun penyelewengan. Penjelasan juga telah dibuat di Dewan ini bahawa pengurusan rizab oleh B ank Ncgara Malaysia adalah bagi tujuan menjaga kekukuhan nilai ringgit dan untuk melindungi kepentingan negara. Dengan demikian, sebarang langkah susulan ataupun strategi di dalam pengurusan rizab tersebut tidak dapat diumumkan.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana apabila kerugian rizab akibat daripada spekulasi forex oleh Bank Negara dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan ada membuat satu jaminan bahawa beliau sendiri akan "monitor" perkara ini setiap minggu, Ini bererti bahawa Kerajaan tahu keadaan sekarang mengenai kedudukan rizab akibat daripada spekulasi forex di pasaran antarabangsa. Bukankah benar bahawa kcrugian sckarang sudah meningkat kepada satu angka yang lebih besar daripada angka yang dicatat dalam Laporan Tahunan 1992, dan kenapa Kerajaan lidak mahu memberi angka ini, pada saat ini? Adakah ini oleh kerana ada satu lagi usaha untuk mengelak daripada akauntabiliti Kerajaan dalam perkara ini?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kemerosotan rizab Bank Negara Malaysia, saya tidak ingin menggunakan perkataan "kerugian" itu, kerana ini hanya kemerosotan rizab Bank Negara Malaysia diatas kertas sahaja.

Kementcrian Kewangan termasuk Menteri Kewangan juga sentiasa monitor keadaan forex handling, dengan izin, oleh Bank Negara. Dan adalah tidak benar bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa kerugian ataupun kernerosotan rizab Bank Ncgara ini adalah lebih buruk tahun ini.

Saya di sini ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat yang berkenaan bahawa kedudukan rizab luar yang semakin baik dapat dilihat daripada nilaian emas dan pertukaran asing yang semakin meningkat, iaitu kcdudukan nilai emas dan tukaran asing negara adalah sebagai berikut:

- Pada 30hb. September, 1993 nilaian dalam Ringgit Malaysia ialah RM50 bilion lebih kurang; dan

- Pada l5hb.November, 1993 hanya lebih kurang dua bulan sahaja telah meningkat kepada RM60 bilion.

Jadi, kalau dibandingkan dengan nilaian dalam Ringgit Malaysia, angka yang saya sebutkan tadi, iaitu nilaian pada 15hb. November tahun ini kalau dibandingkan dengan nilaian pada 3 Ihb. Disember tahun lalu ialah lcbih kurang RM14 bilion kcnaikannya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar, walaupun Yang Berhormat menerangkan ini hanya satu strategi pihak Bank Negara untuk mempertahankan sistem kewangan kita, tetapi penerangan yang diberi sctakat ini tidak begitu meyakinkan kepada orang-orang yang lebih mengetahui mengenai, dengan izin, aggressive and successful forays into the foreign exchange market. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Bank Negara memandangkan keadaan yang sedemikian telah bercadang untuk menjualkan saham di dalam Malaysia Airlines System (MAS) yang mana Bank Negara memegang 42% sahamnya akan dijual sekurang-kurangnya 32% dengan harga mungkin meningkat kepada RM2 bilion, dan wang ini mungkin akan digunakan untuk mcmpertahankan sistcm kewangan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, excess liquidity from the booming economy, and to remove a heavy infiow of foreign funds from the financial system. Adakah Yang Berhormat sedar? Kalau sedar, apakah akan dibuat olehBank Negara dan mengapa saham ini akan dijual?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara kita ini mempunyai pengalaman yang cukup baik untuk mengurus keadaan kewangan dalam negara kita ini. Dan Bank Dunia pun memuji kita bahawa Bank Negara kita telah menjalankan tugas yang baik, dan apa yang ditegur olch Ahli Yang Berhormat tadi supaya Bank Negara menjual saham MAS itu adalah sebagai satu langkah untuk membuat sesuatu atau membaiki keadaan yang telah dicetuskan oleh kemerosotan rizab Bank Negara yang kita bincangkan itu. Ini tidaklah benar bahawa keputusan yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia untuk menjual saham MAS itu adalah satu keputusan perniagaan. Bank Negara kita.sepertimana-mana bank pusat negara lain, membuat keputusan dari semasa ke semasa untuk menjaga kcpentingan negara dan juga Bank Negara scndiri. Itu saya yang dapat saya jawab.

KANAK-KANAK SEKOLAH MAUT AKIBAT KEMALANGAN JALAN RAYA—JUMLAH

14. Tuan G. Palanivel minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah jumtah kanak-kanak sekolah yang maut akibat kemalangan jalan raya di seluruh negara dalam tempoh lima tahun yang lepas. Daripada jumlah ini berapa ramai yang terlibat dalam kemalangan bas sekolah dan apakah tindakan yang diambil ke atas pemandu-pemandu bas ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kanak-kanak berumur antara 6 hingga 17 tahun yang maut akibat kemalangan jalan raya di seluruh negara bagi tempoh 1989 sehingga bulan Julai 1993 adalah 2,045 orang. Daripada jumlah ini, jumlah yang terlibat dalam kemalangan bas sekolah tidak dapat diperolehi memandangkan bahawa sistem perangkaan yang tidak mengasingkan perangkaan mengikut jcnis kemalangan.

Tindakan yang diambil terhadap pemandu-pemandu bas sekolah yang melakukan kesalahan adalah seperti yang diambil terhadap pcmandu-pemandu kenderaan lain jika sabit kesalahannya. Umpamanya. denda tidak melebihi RM 10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kerana memandu secara merbahaya dan menyebabkan kematian.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kemalangan jalan raya bukan sahaja melibatkan anak-anak sekolah tetapi kemalangan jalan raya maut secara keseluruhannya makin menggerunkan sekarang. Dahulu Kementerian ada memperkenalkan satu sistem iaitu Sistem KEJARA di mana mereka yang melakukan kesalahan lalulintas dicatatkan pointnya, kemudian lesennya sampai satu peringkat digantung. Saya hcndak tahu, kerana ini pada pandangan saya adalah satu cara yang amat berkesan untuk menafikan hak pemandu-pemandu yang merbahaya ini beradadi atas jalan raya. Tetapi nampaknya sistem ini tidak berkesan sekarang, kerana tidak adanya satu koordinasi di antara peringkat penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan dengan pihak Polis dan peringkat mahkamah. Akhirnya sistem KEJARA tidak memberi apa-apa kesan. Saya hendak tahu apakah kedudukan Sistem KEJARA sekarang yang ada hubung-kait dengan kemalangan maut ini, kerana saya percaya ini adalah satu cara yang amat baik untuk menafikan pemandu merbahaya daripada memandu di atas jalan raya?

Kedua, baru-baru ini pihak Kementerian Pengangkutan ada mengumumkan unluk mengenakan compulsory pergantungan lesen ataupun mereka yang terlibat dengan kemalangan jalan raya maut akan digantung lesennya untuk beberapa tahun. Sebenarnya, sudah ada dalam peruntukan Akta Pengangkutan Jalan kita sekarang tetapi ini tidak dipraktikkan. Apakah cara persiapan

yang scdang dibuat untuk mcnentukan bahawa mereka yang terlibat, kerana tidak scmua yang terlibat akan didapati bersalah. Jadi apakah cara yang akan digunakan di bawah Akta yang dicadangkan ini?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail; Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Sistem KEJARA ini kila laksanakan dahulu dan kita telah dapat mengesan begilu besar bilangannya. Tetapi oleh kerana pada masa ilu kita tidak ada komputer maka agak sukar bagi mengesan mcreka dan tambahan pula masalah pertukaran alamat di mana kebanyakan daripada orang bila kita bertukar alamat dia tidak memberi tahu kcpada Jabatan Pengangkutan Jalan apabila berlaku pertukaran alamat itu. Bila dia hantar notis atau surat kebanyakannya balik, tidak sampai.

Perkara yang kcdua yang Yang Berhormat katakan Sistem KEJARA ini tidak bcgitu berkesan ialah, untuk Pcgawai Penguatkuasa berada sepanjang masa di jalan-jalan raya kita tidak mampu untuk mengadakan sebegitu ramai. Jadi kita telah meminta supaya pegawai-pegawai kumpulan "A" dan termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil tanggungjawab itu melaporkan kalau ternampak kejadian-kejadian melanggar pcraturan lalulintas jalan raya. Tetapi response atau maklum balas daripada kumpulan-kumpulan ini nampaknya begitu kccil sekali. Sebabnya ialah ramai di antara mereka tidak mahu terlibat, kerana bila ada laporan daripada seseorang, apabila kes itu dibawa ke mahkamah, orang yang melaporkan itu terpaksa berada di mahkamah untuk menjadi saksi dan ramai di antaranya enggan menjadi saksi. Olch itu mereka hanya tutup mata sahaja.

Jadi, inilah keadaannya dan kita sudah ada komputer sckarang ini dan kita terpaksa susun balik semula dan saya mintalah jaminan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, terulamanya tolong laporkan. Saya boleh beri borang untuk melaporkan kcjadian-kejadian di jalan raya yang memang melanggar pcraturan-pcraturan lalulintas. Bersctuju atau tidak?

Beberapa Ahli: Bersetuju!

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pcrtua, semua sudah sctuju. Maknanya lulus ya.

Baru-baru ini bukan Kcmentcrian mengumumkan bahawa mereka yang lcrlibat dalam kemalangan maut digantungkan Icsennya. Saya yang mencadangkan.

Ini sedang dikaji olch Jabatan Pengangkutan Jalan. Saya harap semua orang akan bersetuju terutama sekali di pihak Jabatan dan Kementerian Pengangkutan, kcrana pada pendapat saya ini adalah satu-satu caranya sebagai pencegahan, supaya ada sekatan. Apabila dia teringat hukuman-hukumannya itu, dia kala, "Kita tidak boleh buat." Inilah harapan kila.

Denda-denda, saya sudah sebutkan tadi, iaitu bagi sesiapa sahaja yang memandu secara merbahaya dan menyebabkan kematian, dendanya RM10,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.Sepatutnya, ini pun sudah menjadi satu pencegahan atau deterrcnt. Itulah pcnjelasan saya.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan yang pertama, saya ada menulis 4 pucuk surat kepada Jabatan Pengangkutan Jalan di Sarawak tetapi tidak satu surat pun yang dijawab. Surat itu mengkomplen pasal dri ver, pcmandu yang kurang ajar atau tidak bersopan di jalan raya. Walaupun Jabatan Pengangkutan Jalan di Kuala Lumpur ini ada membuat jawapan dan teksi yang bcrkenaan dihukumkan ada diberi maklum kepada saya, jadi saya minta Timbalan Menteri bcrtanya dengan pihak di Sarawak kenapa surat saya tidak dijawab dan apakah keputusan komplen yang saya buat. Saya pun rela memberikan bukti di mahkamah.

Soalan kedua, kalau pemandu bas sekolah di Sarawak sebagai satu "yardstick" corak dan cara memandu di jalan raya, mcmang kita boleh katakan pemandu-pemandu bas sckolah ini tidak mengirakan kcsclamatan anak-anak orang awam yang duduk di dalam bas-bas mercka. Soalan saya, apakah pendekatan yang palut dibual dan mahu dibuat oleh pihak Kementerian agar pemandu bas sekolah ini mempunyai satu peruntukan yang khas. Umpamanya, pernah saya cadangkan kalau peiriandu menjalankan basnya dengan laju atau cuai sepatutnya operator bas atau yang punya bas itu didcnda ataupun lesennya ditarik balik kcrana itu adalah satu cara pcngawalselia daripada jauh oleh pihak Kementerian dan pihak Polis.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pcrtua, saya akan soallah pejabat yang berkcnaan mengenai surat yang tidakdijawab. Mungkin dia tidak jawab tetapi tindakan sudah diambil, ini saya tidak tahu. Saya bcrjanji akan mengambil perhatian atas pcrkara ini.

Pcmandu di Sarawak menjadi "yardstick" sepcrti katanya tadi, yang lidak mcngira keselamatan. Ini berlaku bukan di Sarawak sahaja bahkan di Semenanjung dan di Sabah juga ada pemandu-pemandu seperti itu. Itulah sebabnya Kemcnterian menggubal Kurikulum Baru Sekolah Memandu, dijadikan pemanduan berhemat di mana tiap-tiap pcmandu mesti berhemat iaitu berjaga-jaga semasa berada di jalan raya menjaga keselamatan dirinya dan juga keselamatan pengguna-pengguna jalan raya yang lain dan di samping itu bertimbang rasa dan berdisiplin pada dirinya scndiri untuk menenlukan bahawa kemalangan dapat dielakkan. Itu sebabnya saya kata apabila mcreka ini terlibat atau mercka ini membuat salah besar, saya mencadangkan supaya lesennya digantung sehingga dianya pergi berkursus Pcmanduan Berhemal dan setclah lulus kursus terscbut barulah kita berikan semula lesennya. Dengan cara ini rasa saya kita dapat menentukan bahawa pcmandu-pemandu yang berada di jalan raya itu adalah pemandu yang bertimbang rasa, berdisiplin dan berhemat. Itulah satu pendekatan yang dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhortnat Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail.

(Soalan No.l5—Y.B. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail tidak hadir)

PROJEK INDUSTRI KECIL—KEMUDAHAN INKRASTRUKTUR

16. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pembangunan Luar Bandar mcnyatakan sejauh mana kejayaan usaha mcmbangunkan seklor perindustrian (Industri Kccil) di kawasan Rancangan termasuk FELCRA dan FELDA di negara ini. Apakah bentuk bantuan dan kemudahan inlrastruktur yang telah disediakan dan digunakan.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari): Tuan Yang di-Pertua, schingga kini sebanyak 2,620 buah projek industri kecil telah pun dapat dibangunkan di kawasan-kawasan Rancangan Kemajuan Tanah dan Wilayah yang berada di bawah pcngawasan Kementerian Pembangunan Luar Bandar termasuklah FELDA dan juga FELCRA. Projek-projek industri kecil yang dibantu itu banyak terlibat dalam bidang bukan tradisional seperti kejuruteraan ringan, tekstil, bahan binaan dan pcrkhidmatan, Agensi-agensi di bawah Kcmenterian Pembangunan Luar Bandar juga terlibat dalam memajukan tapak scbagai kawasan induslri. Setakal ini kawasan seluas 794.85 hektar telah dimajukan melibatkan penyediaan 627 lot industri.

Tuan Yang di-Pertua, berbagai bentuk bantuan telah disediakan dalam usaha untuk mcmbangunkan sektor industri kccil di kawasan-kawasan rancangan. Bentuk-bcntuk bantuan tersebut bolehlah dikategorikan kepada lima komponen utama seperti berikut:

(i) Kursus dan Latihan Kemahimn

Komponen ini mengadakan kursus bengkel-bengkel atau seminar-seminar yang meliputi bidang pengurusan kewangan, perakaunan, teknik pengeluaran, motivasi dan pemasaran, lawatan-lawatan dan juga latihan-latihan sambil bekerja adalah turut diadakan.

(ii) Bantuan Mesin

Bantuan dalam bentuk mesin dan peralatan diberikan kepada pengusaha-pengusaha baru dan untuk tujuan peningkatan.

(iii) Khidmat Perunding dan Bimbingan

Khidmat nasihat dan teknikal diberikan kepada pengusaha dengan kerjasama agensi-agensi teknikal dan penyelidikan.

(iv) Pemasaran

Membantu pengusaha memasarkan dan mempromosikan barangan mereka termasuklah penyertaan ekspo dan pameran. Pembangunan rekabentuk dan produk juga disediakan.

(v) lnfrastruktur

Membantu dalam penyediaan tapak-tapak, bengkel-bengkel atau kilang-kilang kepada pengusaha-pengusaha dengan kadar sewa yang termampu.

Kerajaan telah menyediakan pcruntukan berjumlah RM 1,077.19 juta di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan sebanyak RM256J4 juta bagi tahun 1993 untuk membangunkan infrastrukturjalan,bekalan air dan elektrik sebagai sokongan kepada pembangunan sektor industri kecil di kawasan-kawasan Rancangan Pembangunan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang beradadi bawah pengawasan Kementerian Pembangunan Luar Bandar termasuklah juga FELDA dan FELCRA.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, apakah Yang Berhormat mempunyai maklumat daripada 2,600 industri kecil yang wujud dalam kawasan pembangunan wilayah ini kesemuanya membuat keuntungan? Dan apakah benar bahawa selama ini terdapat banyak juga industri kecil yang diwujudkan tetapi terpaksa ditutup kerana menghadapi berbagai-bagai kesulitan dan kesukaran terutamanya mencari pasaran dan juga mendapat pelanggan bagi menentukan program industri kecil ini berjaya?

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Tuan Yang di-Pertua, dari jumlah angka yang tersebut, kita dapati semua projek-projek yang telah dijalankan membawa keuntungan kepada pengusaha-pengusaha.

Namun begitu, Kementerian menyedari bahawa di peringkat awal dahulu di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan Kelima, ada projek-projek industri kecil yang dijalankan telah mengalami beberapa masalah dan akhtrnya membawa kepada kerugian-kerugian dan akhirnya ditutup.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambaban. Di dalam mewujudkan industri, walaupun industri kecil, kita memerlukan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu. Adakah Kerajaan bercadang untuk meliberalisasikan FELDA dengan mengizinkan pihak swasta tcrlibat sama misalnya secara "joint venture" dengan syarikat ataupun koperasi-koperasi yang terdapat di FELDA untuk menjalankan sesuatu perusahaan kerana pihak swasta yang mempunyai kemahiran, pengalaman dan jaringan pemasaran akan dapat membantu syarikat-syarikat FELDA dan pihak-pihak tertentu dalam FELDA untuk menjalankan industri ini?

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Tuan Yang di-Pertua.sebagaimana yang kita telah sama-sama maklum, sebenarnya FELDA melalui anak-anak syarikatnya membuka peluang-pel uang untuk mengadakan projek-projek secara usahasama dengan pihak-pihak swasta, dan begitu juga kepada koperasi-koperasi peserta-peserta FELDA. Kita juga membuka banyak ataupun mengadakan berbagai-bagai usaha dan langkah-langkah bagi memungkinkan untuk mengambil kcsempatan industri-industri kecil ataupun "supporting industries" kepada industri-industri yang besar di bandar-bandar untuk dibawa masuk ke dalam rancangan tanah FELDA ataupun Rancangan-rancangan Kemajuan Wilayah yang lainnya, yang terdapat di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut selesai.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3,5,15 dan 17 hingga 22 adalah dijilid dalam buku berasingan)

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 25 mengenai penerangan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun diberi tahu bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sudah pun menyiapkan satu laporan kepada Jemaah Kabinet mengenai tragedi di Hulu Klang. Dan pada 14hb. Disember ini, penerangan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berucap di bawah apa itu?

Dr. Tan Seng Giaw: Di bawah Peraturan Mesyuarat 25.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat 25?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. Saya minta dia menerangkan kepada Dewan yang mulia ini berkenaan tragedi tersebut.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak boleh berbuat demikian.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu sebagai penerangan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan Yang Berhormat berhak meminta seseorang Menteri memberi penerangan. Yang Berhormat tidak berhak berbuat demikian.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak berhak?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi penerangan yang diberi pada 14hb tidak begitu lengkap.

Tuan Yang di-Pertua: Jika lengkap atau tidak lengkap, itu bukan soal kita, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia patut memberi penerangan kepada Dewan yang mulia ini, bukan sahaja kepada Jemaah Kabinet.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang kita masuk kepada Peraturan Mesyuarat.

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEENAM

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan atas masalah,

"Bahawa Dewan yang mulia im,

menyedari pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan dan kejayaan yang ketara dalam pencapaian matlamat sosio-ekonomi dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam.

mengambil maklum dan mengesahkan usaha berterusan Kerajaan dalam pclaksanaan Dasar Pernbangunan Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama, selaras dengan matlamat yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua.

melulus dan mengesahkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam yang dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta mcnyediakan pcruntukan bagj mencapai matlamat dan memenuhi tanggungjawab kita dalam Dasar Pembangunan Nasional seperti yang ditetapkan di dalam Kcrtas Pcrintah Bil.42 Tahun 1993.

Bahawa bagi meluluskan Kajian Separuh Pcnggal ini Dcwan yang mulia ini menyeru semua pcnduduk Malaysia daripada pclbagai lapisan hidup berusaha lebih gigih dan dengan hasrat pencapaian yang lebih teguh, ke arah membina satu bangsa yang adil, bersatupadu, maju, mampu bersaing dan mempunyai tahap kctahanan yang tinggi selaras dcngan cita-cita negara di bawah Wawasan 2020".

(20hb. Disember, 1993)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Bcrhormat dari Kota Setar. Yang Berhormat ada lima minit.

3.37ptg.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, enam minit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, enam minit. *(Ketawa)*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin' menyambung pcrbahasan saya daripada semalam dengan menjawab penjelasan Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru yang mengatakan bahawa Langkawi banyak terdiri daripada orang-orang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru ini, sejak pembangunan Langkawi diakhir-akhir ini boleh dikatakan banyak menyenangkan orang Langkawi dan saya percaya bahawa tuduhan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar, semata-mata fitnah dan boleh dikatakan tcguran yang tidak ikhlas. Boleh dikatakan DAP ini memang tidak suka melihat bcnda-benda yang clok.....

Tuan Ahmad bin Nor: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masa, saya ada sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pcrtua, saya jawab yang semalam. Sebab Yang Berhormat kata.....

Tuan Ahmad bin Nor: Dia tuduh bahawa saya kata fitnah,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat!

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tidak mengapalah! Yang Bcrhormat tuduh lagi dasyat. Sila duduk!

Tuan Yang di-Pcrtua, di Langkawi sejak pembangunan ini boleh dikatakan kurang dcngan orang-orang miskin. Kalau ada pun orang-orang miskin barangkali orang yang

bersikap macam DAPlah, yang malas, yang suka duduk di kedai-kedai kopi mengata, mengutuk,mencerca dan semua orang tidak betul itu, itulah sikap yang akan memiskinkan orang-orang di Langkawi.

Dan DAP ini memang tidak suka melihat benda yang elok, bila kita buat Langkawi itu clok, dia tidak suka tengok sebab dia tidak ada apa benda yang hendak komen. Dia suka tcngok benda-benda yang buruk, macam di Hulu Klang itu. Selepas itu kalau dia lalu di lebuhraya yang kita buat elok pun dia tidak tengok. Kalau yang ada drivcr, dia lena. Kalau yang memandu sendiri, dia buat-buat tidak tengok, sebab lebuhraya itu kita buat elok, sebab kalau benda elok itu akan mengecewakan parti Pcmbangkang.

Tuan Ahmad bin Nor: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Hcndak beri jalan kepada dia, Yang Berhormat?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tidak. Sekarang saya hendak pergi kepada lajuk saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Menyahut kepada seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya negara kita mengeksport education.

Jadi,saya mencadangkan supaya sebuah international university diwujudkan di Langkawi. Olch sebab Langkawi sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat semua tahu adalah sudah tcrkenal seantero dunia. Dengan kejayaan kita menganjurkan LIMA, kita sudah internationally known.

Selain daripada itu, Langkawi juga adalah sebuah pulau yang bertaraf frceport di mana kalau ada wujud universiti di situ, maka senanglah kita mendapatkan barang-barang yang murah dan studcnt pun akan menghadapi keadaan hidup yang lebih selesa.

Yang ketiganya, Langkawi sebagai sebuah pulau yang canlik, beautilul island, dengan pantai-pantai yang menarik. Kalau ada international university di silu, kita akan mendorong pelajar-pelajar, ibu bapa pelajar, keluarga pelajar, sahabat-handai pelajar. Boleh dikatakan kalau universiti international ada di situ, banyak yang menguntungkan. Yang tidak menguntungkan hanyalah orang-orang DAP, sebab bilajadi universiti kita berjaya, maka orang-orang DAP pada ketika itu, orang sudah tidak percaya lagi pada parti Pembangkang.

Yang keempatnya, dengan adanya international university di Langkawi, bukan sahaja orang-orang Langkawi untung, bahkan orang Malaysiapun untung, ncgara-negara jiran kita pun akan untung, pendek kata seluruh dunia akan beruntung.

Dalam perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa terlalu pendek, saya juga ingin mencadangkan, memandangkan kepada tren yang wujud di masyarakat Melayu sekarang ini yang berkehendakan anak-anak mereka pandai dan beriman, maka saya mencadangkan supaya di sekolah-sekolah kebangsaan dan mencngah kebangsaan ditambah dengan pelajaran bahasa Arab sebagai bahasa yang ketiga. Sebab kita tengok sekarang ini banyak tumbuh sekolah-sekolah rendah Islam dan sekolah-sekolah menengah agama, dan ramai ibu bapa kita menghantar anak-anak mereka ke sana. Oleh sebab, pada ketika ini, ibu bapa ingin anak mereka bukan sahaja pandai, tetapi seperti yang saya katakan tadi beriman. Oleh sebab itu, kita wujudkan sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan yang ada sekarang ini supaya selaras dcngan kehendak masyarakat kita. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan mengkaji semula "syllabus" agama di sekolah-sckolah supayakita dapat mewujudkan keadaan yang sesuai dengan kehendak masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hcndak bercakap panjang lagi. Sekali lagi saya menyokong cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalarn hal Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua: Tasek Chenderoh. Selepas itu, Lembah Pantai, dan selepas itu Menteri-rnenteri menjawab.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Rompin, ada lagi.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Semalam persetujuan Tasek Cenderoh dan Rompin.

Tuan Yang di-Pertua: Rompin, ya okay. Rompin seorang lagi.

3.44 ptg.

Tuan HajiHamzah bin Haji Mohamed Zain (Tasek Chenderoh): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba meringkaskan, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan cuba meringkaskan ucapan saya, mungkin tak sampai lO minit untuk memberi kesempatan kepada rakan-rakan yang lain.

Dalam rancangan sisipan yang dislarkan melalui RTM tidak berapa hari yang lalu, rancangan yang bernama MINDA, ada tersiar sebaris ungkapan daripada seorang pemikir sains dan futurist, S.G. Welds yang berbunyi, dengan izin, saya mengungkap, "Human history is becoming morc and more a race between education and catastrophy."

Tuan Yang di-Pertua, ungkapan ini seolah-olah satu pandangan yang perennial yang nampaknya relevant, bertepatan sctiap masa walaupun telah disebut oleh S.G. Welds lama dahulu. Saya bukan seorang pessimist.Saya yakin bahawa kita mungkin sebagai sebuah negara yang benar-benar mempunyai iltizam yang tinggi. Dalam usaha untuk membina sebuah peradaban yang besar, peradaban yang dihormati oleh dunia, mungkin akan dapat mengatasi sifat perennial—ungkapan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita melihat bahawa semakin maju satu masyarakat dcngan nilai kemajuan yang ada pada hari ini semakin meningkat jumlah, bentuk dan kepelbagaian masalah yang dihadapi, sama ada masalah yang kecil ataupun masalah kecil yang berbentuk sehingga menjadi catastrophy sama ada ianya catastrophy material, fizikal ataupun calastrophy moral. Tetapi dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu membentang Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam ini, kita melihat kesungguhan Kcrajaan kita hari ini untuk meningkatkan atau membangun sektor pendidikan kita sehingga seolah-olah kita akan menjadi sebagai sebuah negara "centre of learning". Kalau pun tidak "centre of lcarning" bagi seluruh dunia, tetapi sekurang-kurangnya untuk kawasan di mana kita berada. Saya sebagai salah seorang Ahli Parlimen, sesungguhnya mengalu-alukan cita-cita Kcrajaan kita pada hari ini dan mengharapkan semoga cita-cita kita ini akan dapat dicapai.

Sebenarnya education ataupun pendidikan yang akan kita laksanakan bersesuaian dengan kehendak kita supaya ianya menjadi education yang mcnepati sebagaimana disebut di dalam Laporan Kajian Separuh Penggal ini yang perbunyi, saya baca:

> "Dalam tempoh kajian semula, penekanan yang lebih telah diberi kepada kecekapan dan keberkesanan sistem pendidikan untuk melengkapkan rakyat Malaysia dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai positif. Di samping penekanan kepada pengajaran dan perolehan pengetahuan dalam mata pelajaran akademik, perhatian yang lebih

telah diberi kepada penyemaian nilai dan etika murni serta perasaan bangga dan cinta kepada negara."

Tuan Yang di-Pertua, walaupun di dalam Laporan ini cuma disebut sebagai perhatian yang lebih "di samping"—menggunakan perkataan "di samping"—pendidikan akademik, perhatian yang lebih diberi kepada penanaman-penanaman nilai-nilai murni dan juga perasaan bangga dan cinta kepada negara. Saya berharap semoga kita tidak menganggap bahawa penanaman nilai murni dan cinta kepada negara ini, cuma suatu yang "di samping", malahan ia sepatutnya mcnjadi "central" kepada satu sistem pendidikan dimana-mana sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ayat ini tidak menggambarkan kehendak sebenar apa yang sedang berlaku di dalam reformasi pendidikan kita. Kehendak sebenar mungkin berdasarkan kepada falsafah pendidikan negara, kita ingin mclahirkan sebuah masyarakat yang benar-benar bermoral, masyarakat yang mempunyai nilai etika yang tinggi, masyarakat yang mempunyai kecintaan dan kebanggaan kcpada bangsanya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ingin menjadi sebuah negara yang mempunyai peradaban yangbesardan tinggi,pendidikan hendaklah mempunyai nilai normative. Ada percanggahan ataupun perbalahan, perbahasan di antara ilmuan tentang sama ada ilmu pengctahuan itu seharusnya objektif, empiricist, tetapi tidak normative ataupun mempunyai kandungan nilai.

Kita seharusnya mempunyai dan mengembangkan ilmu pengetahuan kita berdasarkan kepada kesungguhan kita untuk menanamkan nilai-nilai yang murni ini semoga kita akhirnya dapat mengatasi ungkapan yang saya sebut tadi yang telah discbutkan oleh S.G. Welds.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong semoga kita mendirikan lebih banyak lagi universiti, malahan universiti yang bertaraf antarabangsa. Kita tidak perlu takut dengan taraf keantarabangsaan universiti itu kalau sebenarnya ia menanamkan pendidikan yang benar-benar berasaskan kepada nilai etika yang tinggi dan bersifat menanam semangat cinta kepada bangsa dan negara. Tidak menjadi masalah kalau universiti itu menggunakan bahasa Inggeris, bahasa Jerman, bahasa Perancis ataupun bahasa Arab atau apa sahaja bahasa di dalam dunia ini, kalau kita bena-benar ingin menjadi sebuah negara yang mempunyai kemajuan penyebaran dan pendidikan yang tinggi.

Pada saya, saya mengalu-alukan bentuk pendidikan yang seperti ini dan malahan saya lebih mengalu-alukan kajian semula Akta Kolej dan Kolej Universiti seperti yang digambarkan di dalam ucapan Perdana Menteri tempoh hari kerana sesungguhnya dalam keadaan yang bebas, semangat yang liberal, pendidikan yang mempunyai nilai etika yang tinggi dapat melahirkan salu suasana kependidikan ataupun kebudayaan ilmu pengetahuan yang tinggi. Saya bersetuju semoga Akta Kolcj dan Kolej Universiti ini dikaji semula dan malahan kepada saya dengan kematangan masyarakat kita, bukan sahaja Akta Kolej dan Kolej Universiti patutdikaji tetapi juga Akta Keselamatan Dalam Negeri (IS A) pun patut di kaji sama ada harus ada penyesuaian semula ke dalam sebuah masyarakat dan negara yang ingin membina sebuah tamadun yang tinggi. Keadaan liberal dan keadaan suasana membina ilmu pengetahuan inilah yang harus kita bentuk kalau kita benar-benar ingin menjadi sebuah negara yang besar.

Tuan Yang di-Pcrtua, kita tidak perlu takut kepada kebudayaan asing.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya minta untuk menggulung satu minit.

Dalam membina universiti yang banyak ini—untuk keperluan orang kawasanlah—untuk menjadi sebuah pusat pendidikan yang tinggi saya mengharap, sebagaimana Ahli dari Kota Setar minta dibina universiti di Langkawi,saya pun begitujugalah mohon semoga Kerajaan memikirkan tidak sahaja membina universiti ini di Kuala Lumpur, tetapi mungkin juga boleh bina universiti sebagaimana sekarang di Sintok. Tempat yang dahulu saya pun tidak pernah dengar tetapi sekarang sudah ada universiti. Begitu juga di Samarahan, Sarawak.

Kalau kita hantar anak kita ke Australia umpamanya, ada sampai ke universiti di Townsville nun jauh di ceruk utara Australia ataupun di Wollongong, di gunung ulu di New South Wales. Kalau boleh ke Universiti Wollongong, apa salahnya satu masa nanti kita ada University ofLenggong *(Ketawa)* di kawasan Parlimen Tasek Chenderoh.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya dalam usaha kita untuk menambahkan universiti dan institusi pengajian tinggi, kita jangan lupa bahawa pembinaan institusi ataupun pusat-pusat pengajian tinggi di kawasan luar bandar boleh membantu masyarakat luar bandar menikmati limpahan daripada pembangunan pendidikan yang sedang kita usahakan bagi membangunkan bangsa Malaysia yang besardan bertamadun tinggi ini untuk mencapai Wawasan 2020.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit sebanyak ucapan saya dalam menyokong Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam tahun 1991-1995 ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Rompin.

3.55 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis (Rompin): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyertai perbahasan tentang Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995 yang baru dibentang oleh pemimpin yang kita kasihi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini dalam Dewan yang mulia ini.

Saya turut memberikan ucapan syabas kepada Kerajaan. Apa yang kita lihat satu laporan, bukan sekadar menunjukkan prestasi ekonomi negara kita yang baik tetapi Kerajaan tidak lupa mengambil kira kepentingan yang miskin dan lebih dari itu juga, ia tidak meninggalkan kewajipan untuk membela orang-orang Melayu di bawah penyusunan semula.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit dari segi pembangunan dan pertumbuhan ekonomi. Saya rasa selain dari kita memastikan supaya ada satu kaedah pembangunan ke arah pertumbuhan yang baik, tetapi sudah semestinya rakyat jelata juga mahu satu pertumbuhan, satu perkembangan ekonomi yang berkualiti. Apa yang saya maksudkan dengan konsep kualiti ini sebagai contoh, kalau ada industri yang membuat bateri, kita tidakmahu ada satu kilang pun menjual air bateri dengan air paip, bukan air bateri yang sebenar. Kita tidak mahu pengilang-pengilang yang menjual ubat, ada pula satu dua peratus yang menjual ubat tiruan. Kita tidak mahu kondominium, bangunan yang tinggi yang dibangunkan, berlaku pula keruntuhan seperti yang berlaku baru-baru ini. Kita tidak rnahu jalan yang dibina tenggelam oleh kerana "erosion" ataupun kehakisan tanah.

Oleh kerana itu, saya mengesyorkan supaya Kerajaan mesti mengambil satu pendekatan mengukuhkan "regulatory agency" yang mengawasi semua aktiviti ekonomi negara ataupun perkukuhkan badan pengawas, khususnya mengambil kesempatan "specific" kepada binaan. Walaupun kita ada Lembaga Jurutera yang mengawasi pcndaftaran jurutera tetapi Lembaga Jurutera ini tidak mengawasi lukisan atau design untuk bangunan yang hendak dibangunkan.

Saya mengesyorkan supaya Lembaga Jurutera dikaji semula skop tugasnya supaya bukan sekadar mendaftarkan jurutera tetapi juga memastikan lukisan dan design bangunan yang hendak dibangunkan itu hendaklah diluluskan juga oleh Lembaga. Saya syorkan kalau mana-mana bangunan yang runtuh, projek yang runtuh, kita "suspend" jurutera yang "approved" drawing itu sehingga "finding" ataupun satu kajian siasatan dibuat untuk menentukan sesiapa yang didapati bersalah jika sesuatu insiden itu berlaku.

Kita lihat juga bahawa dalam industri binaan di negara kita dari segi yang membuat kerja, kontraktor, sub-kontraktor, subtrade, tidak ada satu badan yang mendattarkan aktiviti mereka. Mengapa tidak kita bentuk satu badan yang mungkin kita panggil sebagai Lembaga Industri Binaan ataupun Structural Industry Board yang bukan sekadar mendaftar all the trades of construction ini tetapi pastikan kerja-kerja yang dilaksanakan itu mengikut kaedah-kaedah yang sesuai dan baik seperti dalam "Building By-laws".

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dari segi human resources, dengan izin, ataupun pembangunan tenaga manusia. Kalau kita lihat dari segi prestasi dalam Jadual 34, saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan bahawa satu kemajuan yang terserlah atau visible dari segi pertambahan bidang-bidang profesional. Apa yang saya ingin melahirkan kebimbangan ialah dalam bidang akauntan. Kemaraan ataupun kemajuan yang ditunjukkan peningkatan bumiputera dalam bidang akauntan tidaklah kepada tahap yang membanggakan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat)*

Kalau kita lihat dari segi pembangunan ekonomi akan datang, banyakmenekankan kepada kegiatan ekonomi bidang korporat. Bermakna,peranan atau tenaga kerja dalam bidang akauntan amat penting sekali.Kalau Kerajaan mahu melibat kejayaan dasar ekonomi masa-masa yang akan datang yang mahu melibatkan semua masyarakat, sudah semestilah perlu kita melihat pertambahan yang lebih tinggi tentang bilangan akauntan yang sekarang hanya 12% sahaja. Kalau kita lihat pukul rata profesional bumiputera 31%, tetapi dalam bidang akauntan, hanya 12%sahaja.

Khususnya dalam bidang human resources atau tenaga kerja ini, saya merasakan bahawa Kerajaan sudah banyak melabur dalam membangunkan universiti-universiti tempatan dan saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan yang mahu menukarkan corak universiti ini sebagai satu industri pendidikan. Tetapi, saya nampak bahawa kalau hendak menggerakkan industri itu kepada satu industri pendidikan atau menggerakkan institusi pendidikan itu sebagai satu industri, the players juga mestilah bottom life orientated. Kalau tidak, bagaimana dia boleh bergerak sebagai satu kumpulan sektor swasta? Syor saya, apa salahnya universiti-universiti yang ada ini dicorporatisekan ataupun biar diambilalih oleh tokoh-tokoh korporat—mungkin diambilalih oleh Tenaga Nasional, STM dan PETRONAS mengambilalih supaya universiti ini lebih sensitif kepada keadaan pasaran.

Research yang mereka buat itu are market orientated berdasarkan kehendak masyarakat. Saya belum mendengar lagi bahawa satu penemuan oleh universiti yang boleh menjayakan satu industri yang besar boleh kita eksport. Kita belum lihat. Adakah ini satu masalah struktur dalam institusi pendidikan kita? Mungkin Bahagian Pendidikan di Kementerian Pendidikan boleh mengkaji tentang perkara ini.

Perkara yang ketiga, saya sentuh dari segi ekuiti. Dalam Jadual 3-5, baru-baru ini dalam pembentangan kita mendengar bahawa pemimpin yang kita kasihi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merasa tidakpuas hati dengan kemajuan bumiputera seperti yang digambarkan dalam Jadual 3-5, iaitu peratus sebanyak 19.2% jatuh kepada 18.2%. Pada pandangan saya, saya rasa

Kerajaan patut bangga, walaupun dari segi global picturenya penyertaan bumiputera turun daripada 19.2% kepada 18.2%, tetapi dari segi absolutenya, peningkatan individual bumiputera telah meningkat daripada tahun 1990 iaitu RMI5 bilion kepada RM20 bilion.

Yang sebenarnya, yang menyebabkan peratusan bumiputera itujatuh adalah kerana ekuiti kepunyaan asing meningkat daripada RM27 bilion pada tahun 1990 kepada RM42 bilion pada tahun 1992. Ini yang menyebabkan overall peratus itu turun, tetapi dari segi peningkatan, amat jelas sekali peningkatannya ialah 25%-30% daripadaRM15 bilion kepada RM20 biIion, iaitu RM5 bilion tambahan in two years. Ini saya nampak satu kcjayaan dasar Kerajaan sendiri untuk membangunkan bumiputera supaya ia terus dapat menyertai dalam pembangunan negara, khususnya dalam pembangunan ekuiti ini.

Saya ingin menyentuh sedikit dari segi peranan PUNB. Walaupun kita dengar banyak usaha-usaha yang dikendalikan oleh PUNB, namun demikian, saya minta penjelasan, dalam perancangan meningkatkan ekuiti bumiputera, kita ada sasaran dan ada target sebanyak 30%. Adakah Kerajaan juga,dalam pembangunan usahawan bumiputera ini mempunyai satu target atau satu sasaran dalam jangka masa lima tahun atau sepuluh tahun? Ini persoalan saya. Sebab saya rasa, perlu ada sasaran, perlu ada target dan perlu ada bottom life. Kalau tidak nanti, arah kemajuan itu tidak boleh disemak sama ada scsuatu kejayaan dapat dijayakan dalam satu masa satu period yang ditentukan.

Khususnya dari segi membangunkan usahawan PUNB di bawah PUNB, saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan yang baru-baru ini kita dengar menambahkan RM50 juta kcpada Tabung Pernbangunan Usahawan Bumiputera. Namun demikian, saranan saya, kita difahamkan bahawa kaedah di PUNB sekarang ini adalah hanya kepada sektor-sektor tertentu sahaja. Mengapa tidak diperbesarkan sektor yang mana dibangunkan usahawan ini? Kadang-kadang usahawan Melayu atau usahawan bumiputera, mereka ini ada kepakaran dan adaskillnya, tetapi tidak ada modal. Bidang-bidang seperti perkhidmatan protesional, teknologi maklumat, kejuruteraan dan lain-lain perkhidmatan teknikal, mcngapa tidak diperbesarkan juga kepada kaedah-kaedah yang saya sebutkan tadi?

Yang keduanya, kadang-kadang, ramai usahawan-usahawan ataupun potential bumiputera enterpreneur ini, mcreka tidak tinggal di Kuala Lumpur. Mereka duduk di luar-Iuar bandar. Mengapa tidak PUNB membuat satu "road show", pergi ke negeri-negeri dan menerangkan facilities dan menerangkan bantuan dan terangkan khidmat yang boleh diberikan untuk membangunkan usahawan. Kalaulah "road show" ini dapat dibuat, saya penuh yakin bahawa matlamat Kerajaan untuk membela dan membantu usahawan bumiputera ini mendapat pasaran atau penyertaan yang lebih besar lagi bagi kaum bumiputera yang duduk di luar bandar.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang imbangan bayaran seperti di dalam Jadual 2 (10).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Sebagai menggulung. Kita lihat dalam Jadual 2-10, masalah yang dihadapi dari segi imbangan bayaran ialah dari segi tiga perkara iaitu tambang dan insurans; pendapatan pelaburan; dan perkhidmatan-perkhidmatan lain. Persoalan yang saya ingin mendapat sedikit penjelasan, dari segi perkhidmatan-perkhidmatan lain ini, yang negatif, peningkatannya dari segi absolute numbersnya masih lagi yang negatif. Adakah Kerajaan bercadang, sebab kila difahamkan bahawa khidmat yang negatif ini menyebabkan kita defisit ialah dari segi

pembayaran tees ke luar negara dari segi perkhidmatanjurupcrunding,perkhidmatan binaan dan kos kita mengimport teknologi.

Adakah Kerajaan, dengan persetujuan GATT baru-baru in i akan mengadakan satu strategi pendekatan baru untuk mengurangkan imbangan atau deficit dalam imbangan bayaran seperti yang tcrtera dalam Jadual 2(10).

Saya mewakili kawasan Parlimen Rompin mengucapkan syabas dan tahniah sekal i lagi kepada Kerajaan di mana laporan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini dalam Kajian Scparuh Penggalnya menunjukkan bahawa Kerajaan telah menjalankan tugas yang baik dan kita mengucapkan syabas.

Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Lembah Pantai. Selepas Yang Berhormat berucap, Kementerian yang berkenaan diminta menjawab.

4.08 ptg.

Tuan Mohamed Kamal bin Hussain (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam seperti yang telah dibentangkan ke Dewan ini tempoh hari oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir.

Saya berpendapat bahawa angka-angka pencapaian kita amat mengkagumkan dan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan di atas kejayaan yang telah tercapai. Saya rasa angka-angka yang telah dinyatakan di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam ini bukanmerupakanangka-angkabiasa.tetapi angka-angka luar biasa dan jikalau ada sesiapa yang memperkatakan bahawa angka-angka ini merupakan angka-angka biasa, ini hanya biasa ditimbulkan atau tertimbul hasil daripada usaha-usaha Kerajaan yang cekap.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh beberapa perkara dengan serba ringkas. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan cadangan Kerajaan untuk menubuhkan Amanah Pelaburan Bumiputera yang saya anggap sudah begitu lewat untuk ditubuhkan dan sepatutnya dipercepatkan kerana ini merupakan di antara alat-alat yang akan memastikan bahawa kemelesetan ataupun hakisan pegangan ekonomi bumiputera tidak akan begitu teruk.

Sayajuga ingin mencadangkan bahawa, di samping Kerajaan mengkaji penubuhan Amanah Pelaburan Bumiputera, Kerajaan juga perlu mengkaji sama ada boleh menubuhkan satu Majlis yang mungkin boleh dipanggil Majlis Amanah Hartanah Bumiputerajuga untuk memastikan bahawa pegangan-pegangan hartanah bumiputera tidak akan berkurangan hasil daripada kemelesetan ekonomi ataupun kegagalan perniagaan oleh bumiputera-bumiputera yang terlibat di dalam perniagaan.

Dengan penubuhan Majlis Amanah Hartanah Bumiputera juga akan boleh dijadikan sebagai suatu alat untuk membangunkan kawasan-kawasan perkampungan Melayu tradisi seperti Kampung Bahru di Wilayah Persekutuan, Segambut, Sungai Penchala, Bukit Lanjan dan sebagainya dan lain-lain kampung di seluruh negara kita. Di antara masalah-masalah besar di Wilayah Persekutuan yang saya percaya semua orang sedia maklum ialah masalah perumahan. Oleh kerana itu, kawasan Wilayah Persekutuan terlibat dengan masalah besar berkaitan dengan setinggan.

Saya penuh harapan dan sayajuga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah memberi perhatian berat di atas pembinaan rumah-rumah pangsa kos rendah ataupun rumah-rumah di atas kadar kemampuan mereka yang menjadi penduduk-penduduk di kawasan-kawasan setinggan di seluruh Wilayah Persekutuan ini.

Saya menyentuh satu perkara yang telah ditimbulkan oleh rakan saya dari Nilam Puri scmalam, terutama sekali berkaitan dengan satu insiden yang amat menyedihkan mengikut beliau, yang telah berlaku di Kampung Kcrinchi tcmpoh hari. Saya beri tarikh yang tepat—29hb. September, 1993. Insidcn tersebut berkaitan dengan tujuh keluarga setinggan di mana rumah-rumah mereka telah diroboh pada hari yang berkenaan.Untuk pengetahuan rakan-rakan semua, di Kampung Kerinchi sebelum pembangunan dijalankan, ada lingkungan 2,500 keluarga-keluarga setinggan. Pada hari ini 1,600 keluarga setinggan sudah berpindah ke rumah pangsa yang telah dibina berhampiran dengan Kampung Kerinchi.

Di dalam tanah yang berkenaan, untuk pengetahuan semuajuga, diperlukan untuk pembinaan sehuah jalan raya besar yang akan mengeluarkan penduduk daripada kawasan Kampung Pantai Dalam ke Lebuhraya Persekutuan. Kawasan Pantai Dalam termasuk Kampung Kerinchi merupakan suatu kawasan perumahan bercampuran, rumah pangsa, rumah-rumah setinggan dan sebagainya dan tidak kurang daripada 20,000 kepala semuanya. Pada masa ini menggunakan Jalan Pantai Dalam untuk keluar ke bandar.

Kita seringkali mendengar bahawa ada kesesakan lalulintas dan ini di antara perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh pihak Pembangkang. Tetapi apa yang berlaku pada ketika ini ialah Pembangkang sendiri menghalang usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas di kawasan yang berkenaan, kerana tapak di mana lujuh buah rumah itu telah dirobohkan diperlukan untuk membina sebuah jalan besar untuk mengganti Jalan Pantai Dalam untuk kegunaan penduduk di sekitar kawasan tersebut.

Dakwaan pihak Pembangkang bahawa janji-janji Kerajaan ataupun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun pihak pemaju untuk berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan tidak ditepati tidak betul sama sekali. Oleh kerana pada peringkat awal lagi pada bulan Disember 1992, Persatuan Penduduk di dalam kawasan Kampung Kerinchi sudah bersetuju bersama dengan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan juga bersama-sama dengan pihak pemaju untuk mcmindahkan mereka yang menghalang pembinaan jalan di kawasan berkcnaan dengan beberapa syarat-syarat yang saya percaya saya tidak perlu menghuraikan dan ini telah dimeterikan di dalam sebuah perjanjian di antara pemaju yang berkenaan dengan Persatuan Penduduk disaksikan olch Wakil Rakyat tempatan.

Apayang berlaku pada ketika ini, hanya segelintir kccil sahaja penduduk-penduduk dikawasan Kampung Kerinchi—30 hingga 40 keluarga sahaja yang menghalang pembinaan jalan tersebut hasil daripada hasutan rakan-rakan kita yang duduk di sebelah sana.

Baru-baru ini dua orang wanita janda telah berhubung dengan pejabat saya dan dengan tangisan merayu supaya discdiakan rumah panjang untuk mereka kerana rumah-rumah yang mereka duduk pada masa ini di tepi longkang dan senantiasa dilanda olcli banjir, lumpur dan sebagainya. Dengan serta-merta pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah berusaha untuk mendapatkan rumah untuk mereka.Laporan diterima pada hari Sabtu dan pada petang hari Isnin mereka telah menerima tawaran.Pada pagi Selasa—mereka tidak mahu kerana malam Isnin ada "hantu raya" yang masuk pergi menghasut mereka supaya tidak usah pindah dan meminta berbagai-bagai jenis pampasan.

Pihak pemaju telah bersetuju untuk memberi tiap-tiap keluarga yang berpindah untuk membolehkan pembinaan jalan ilu sejumlah lingkunganRM2,000 kc RM2,500 tiap-tiap keluarga yang berpindah. Pihak pemaju telah bcrsetuju dan sudahpun mcnyediakan rumah-rumah panjang untuk kegunaan mereka sebagai satu usaha perikemanusiaan terhadap apa yang telah

dihadapi oleh penduduk-penduduk masyarakat setinggan. 30 hingga 40 orang yang menentang meminta pampasan RM20,000 hingga RM25,000 tiap-tiap satu keluarga sebelum mereka berpindah dan mereka dihasut oleh rakan-rakan daripada parti-parti Pembangkang untuk berbuat demikian.

Saya harap kepada rakan-rakan daripada Pembangkang, Pembangkang ini memang pembangkang tetapi seharusnya cara pembangkangan rakan-rakan semua secara konstruktif dan boleh diterima oleh masyarakat ataupun rakan-rakan lain daripada Barisan Nasional. Sebelum mengeluarkan kata-kata berkaitan dengan isu-isu tcmpatan, lihat dulu kawasan masing-masing. Ahli Yang Berhormat Nilam Puri, pergi balik Kelantan tengok kawasan scndiri dulu. Apa ada usaha rakan di sana untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka daripada Nilam Puri.

Masalah-masalah yang berkaitan dengan kawasan-kawasan yang dipegang oleh Barisan Nasional,boleh diatasi oleh wakil-wakil Barisan Nasional di kawasan-kawasan masing-masing dan terutama sekali kawasan saya Lembah Pantai,kerana saya amat cemburu; kerana saya berjuang sepenuh hati untuk masyarakat setinggan pada keseluruhannya, bukan sahajadi dalam Lembah Pantai ini bahkan di seluruh Wilayah Persekutuan.Sebelum rakan-rakan mengeluarkan kata-kata berkaitan kezaliman Kerajaan terhadap masyarakat setinggan, saya minta supaya rakan-rakan mengkaji maklumat sepenuhnya.

Jikalau ingin, saya ada banyak dokumen-dokumen di sini untuk membuktikan bahawa Kerajaan telah mencuba mengatasi masalah pcrumahan dan lain-lain berkaitan dengan setinggan dengan begitu serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh satu perkara lagi……

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Mohamed Kama! bin Hussain: Memandangkan bahawa rakan-rakan setinggan dan lain-lain senantiasa menghadapi masalah bencana alam dan sebagainya dan kelihatan bahawa kita tidak begitu ada kemampuan untuk mengatasi bencana alam yang berlaku dengan serta-merta seperti yang telah berlaku berkaitan dengan kondominium yang roboh baru-baru ini danjuga banjir kilat, kebakaran dan sebagainya, saya ingin mencadangkanjuga supaya Kerajaan menubuhkan dengan secara serius, dcngan secara menyeluruh dan bukan dengan secara *ad-hoc* unit-unit gerakan penyelamat bencana alam di seluruh negara kita.

Sckian, terima kasih dan saya mohon menyokong Usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kcmenterian Dalam Negeri diminta menjawab.

4.18ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya ingin menjawab satu atau dua pcrkara yang telah disentuh oleh dua orang Ahli Yang Berhormat yang berkaitan dengan Kementerian Dalam Negcri.

Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang telah mendakwa kononnya Kerajaan tidak bersungguh-sungguh untuk menarik minat kepakaran luar bagi tujuan membangunkan negara tetapi sebaliknya lebih mcnggalakkan kemasukan pekcrja-pekerja tidak mahir ke negara ini.

Sukacita saya ingin menjelaskan bahawa tuduhan itu adalah tidak benar dan sebenarnya untuk tujuan memudahkan kemasukan kepakaran luar ke negara ini,

Kerajaan telah mengamalkan dasar fleksibel dan mempermudahkan peraturan Imigresen bagi kemasukan pegawai-pegawai dagang yang dikcnal pasti dapat menyumbangkan faedah kepada negara dari segi pengetahuan dan kemahiran mereka.

Di samping itu, kemudahan scperti multiple entry visa dan visa tanpa rujukan juga boleh dinikmati oleh golongan-golongan seperti ini.

Kebanjiran pekerja asing ke negara ini adalah satu lenomena biasa yang dialami oleh sesebuah negara yang mempunyai pertumbuhan ekonomi yang pesat dan kadar pengangguran yang rendah berbanding dengan negara mereka sendiri.

Bagi mengawal kemasukan pekerja asing tidak mahir, Kerajaan telahpun mengambil tindakan membekukan kemasukan mereka. Pekerja-pekerja tidak mahir tidak lagi dibenarkan masuk,hanya pekerja asing yang mahir dan separuh mahir untuk sektor pembuatan sahaja boleh dipertimbangkan untuk dibawa masuk ke negeri ini. Memandangkan sektor tersebut sukar diisi oleh pekerja tempatan, kebenaran itupun diberi secara selektif sahaja setelah Kerajaan berpuas hati bahawa usaha-usaha untuk mengambil pekcrja tempatan telah dilakukan, tetapi tidak berhasil.

Setiap majikan yang dibenarkan menggaji pekerja asing disyaratkan membayar wang jaminan ataupun bond dengan mewajibkan mereka iaitu pekerja asing yang berkenaan dihantar pulang ke negara asalnya setelah mereka tidak lagi memainkan peranan di negara ini.

Bagi membendung kemasukan pekerja asing tanpa izin pula, agensi penguatkuasaan, khususnya Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia setelah secara berterusan menjalankan operasi untuk mengesan dan menangkap mereka termasuklah mereka yang beradadi kawasan Chow Kit scndiri, seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang.

Sejak Operasi Nyah II dilancarkan, kira-kira 65,000 orang pcndatang tanpa izin telah ditangkap untuk dihantar pulang ke negara asal mereka.

Ahli Yang Bcrhormat dari Tasek Chcnderoh sebentar tadi telah mencadangkan kcpada Kerajaan agar mengkaji scmula kesesuaian Akta Kcselamatan Dalam Negcri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang mengkaji kesesuaian sesuatu undang-undang dari semasa ke semasa dari segi kesesuaiannya mengikul perkembangan semasa. Ini adalah termasuk Akta Keselamatan Dalam Negeri, tetapi apabila Kerajaan menggubal ataupun mengkaji semula mana-mana satu undang-undang, tujuan utama Kerajaan adalah untuk memastikan keselamatan dan pcmbangunan negara yang licin itu terjamin. Walau bagaimanapun, pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh itu akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Itulah perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri. Kalau sekiranya ada teguran lain yang saya tidak jawabdengan lengkap akan diberi perhatian oleh Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Pengangkutan.

(Menteri/Timbalan Menteri Pengangkutan tiada di dalam Dewan)

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita tcrpaksa tangguh Dewan untuk menunggu.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat); Nanti dahulu, Yang Berhormat. Itu kuasa Kerusi Yang Berhormat. Kementerian Tcnaga, Telekom dan Pos.

(Menteri/Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos tiada di dalam Dewan)

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu siapa yang bertanggungjawab?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Kcrja Raya.

4.25 ptg.

Menteri Kerja Raya (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjawab sedikit sahaja perkara-perkara yang ada disentuh.yang melibatkan Kementerian Kcrja Raya.

Saya suka hendak memberi ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara dan semua perkara yang telah disentuhkan itu akan diambil perhatian oleh pihak Kementcrian.

Saya tidaklah bercadang untuk menjawab satu persatu apa yang telah dibangkitkan, cuma saya cuba hendak menerangkan satu perkara sahaja, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah mempersoalkan berhubung dengan tender bagi Lebuhraya Butterworth-Kulim dan beliau telah mempersoalkan bagaimana Syarikat Dasarmas Sdn. Bhd, yang merupakan sebuah syarikat yang dormant boleh mcngambil alih saham sebanyak 30% dari dua buah syarikat iaitu Perwik dan Jasa Putera, yang merupakan partners dengan Malaysian Mining Corporation (MMC) yang merupakan sebuah konsortium yang menawarkan harga termurah bagi tender ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dcwan yang mulia ini, suka saya memaklumkan bahawa Projck Lebuhraya Butterworth-Kulim telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keenam ini dan projek ini melibatkan pembinaan jalan dari Butterworth ke Titi Karangan. Pelaksanaan projek ini dibahagikan kepada 4 pakej:

Pakej I, pembinaan jalan sepanjang 12.4 kilometer dari Titi Karangan ke Lunas secara design and built yang dibiayai oleh Kerajaan dengan kos berjumlah RM20.7 juta. Pakej ini telah siap dibina pada 21hb. Julai 1993.

Pakej II, pembinaan lebuhraya dua lorong, dua hala sepanjang 16.8 kilometer dari Lunas ke persimpangan bcrtingkat Lebuhraya Utara-Selatan di Seberang Jaya yang dilaksanakan secara penswastaan.

Pakej III, pembinaan lebuhraya sepanjang 3 kilometer dari persimpangan bertingkat Lebuhraya Utara-Selatan ke Butterworth yang akan dibiayai Kerajaan; dan

Pakej IV, pcmbinaan jambatan menyeberangi Sungai Perai yang akan dibiayai oleh Kerajaan.

Tender bagi pakej II, III dan IV telah diiklankan pada 30hb. Jun 1992 dan ditutup pada 30hb. September 1992.

Mengikut syarat tender, penender-penender diwajibkan inengemukakan tender untuk kedua-dua bahagian iaitu yang diswastakan dan yang dibiayai ofeh Kerajaan kerana tender bagi kedua bahagian ini dinilaikan bersama dan akan ditawarkan kepada satu penender yang berjaya sebagai satu pakej.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 7 konsortium seperti berikut telah mengemukakan tender bagi projek ini.

(i) Bridgecon-Pindahneka Joint-Venture yang metibatkan Bridgecon Engineering Sdn. Bhd. dan Pindahneka Bhd.

(ii) Perangsang Muhibbah Konsortium yang mclibatkan Perangsang International Sdn. Bhd. dan Muhibbah Engineering (M) Sdn. Bhd.

(iii) KLBK Konsortium yang melibatkan Malaysian Mining Corporation, Perwik Sdn. Bhd, Kumpulan Jaya Putera Sdn. Bhd.

(iv) Ho Hup Construction.

(v) JV-KGN Joint-Venturc yang melibatkan Gammuda Bhd. dan KGN Investments Sdn. Bhd.

(vi) Peremba Joint-Venture yang melibatkan Peremba Developmcnt Sdn. Bhd. dan Peremba Construction Sdn. Bhd.

(vii) Konsortium yang terdiri dari Syarikat Hasbuddin Sdn. Bhd., Syarikat Bina dan Kuari Kedah Sdn. Bhd. dan Sesama Management Sdn. Bhd.

Berkaitan dengan pakej II, sebanyak 20 cadangan yang terdiri dari 7 conforming bids dan 13 cadangan alternalif telah diterima manakala pakej III dan V sebanyak 16 cadangan yang terdiri dari 7 conforming dan 9 cadangan alternatif telah pun diterima.

Sebuah Jawatankuasa Pemandu yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya telah ditubuhkan untuk menilai semua cadangan-cadangan yang diterima. Ahli-ahli dalam Jawatankuasa ini terdiri dari wakil-wakil dari Kementerian Kewangan, Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Kerja Raya dan Lembaga Lebuh-raya Malaysia. Dan untuk membantu Jawatankuasa Pemandu dua jawatankuasa kerja, satu teknikal yang berurusetia di JKR dan satu Kewangan yang berurusetia di Kementerian Kewangan telah pun ditubuhkan.

Selain daripada penentuan level of technical acceptability, faktor-faktor lain yang diberi pertimbangan dalam penilaian tender termasuk kriteria-kriteria seperti bcrikul:

(i) beban kewangan kepada Kerajaan seperti pinjaman, jika ada dan perkongsian hasil kutipan tol jika ada;

(il) risiko kepada Kerajaan seperti keperluan jaminan lalulintas; dan

(iii) kesan ke atas pengguna seperti kadar tol dan tempoh konsesi.

Hasil penilaian tender tclah pun dibentangkan kepada Mcsyuarat Jemaah Mentcri yang bersidang pada 16hb. Jun, 1993. Jemaah Menteri pada tarikh yang sama juga telah membuat keputusan supaya perundingan diadakan dcngan penender Konsortium Lebuhraya Butterworth-Kulim berkenaan dengan syarat-syarat konsesi memandangkan syarikat itu telah menawarkan tawaran paling menarik kepada Kerajaan iaitu "lowest evaluated bid". Buatmasa ini rundingan dengan pihak konsortium tersebut masih diteruskan. Hasil rundingan akan dikemukakan untuk pertimbangan Jemaah Menteri sebelum perjanjian konsesi ditandatangani.

Pada 9hb. November, 1993 pihak Konsortium KLBK telah pun mengemukakan joint venture agreement kepada Kementerian Kerja Raya di mana telah diperhatikan dua rakan kongsi asal (partners) iaitu Perwik Sdn. Bhd. dan Kumpulan Jaya Putra Sdn. Bhd. telah pun assigned all its rights and obligations dalam konsortium itu kepada Syarikat Dasarmas Sdn. Bhd. dengan pegangan ekuiti mengikut Joint Venture Agreement, MMC 70% dan Syarikat Dasarmas 30%. Perkara assignment oleh pihak Perwik Sdn. Bhd. dan Kumpulan Jaya Putera Sdn. Bhd. kepada Syarikat Dasarmas serta dokumen Joint Venture Agreement sedang dalam perhatian dan penelitian Penasihat Undang-undang Kementerian Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua, tohmahan bahawa tender projck ini diberi kepada pihak Konsortium Lebuhraya Butterworth-Kulirn olch kerana ada dari ahli konsortium tersebut ialah sahabat saya sendiri. Nampaknya ini ada berunsur "mischievous" sedikit. Memang benar saya kenal dengan beberapa orang yang terlibat dalam konsortium

tersebut termasuk juga Tuan Haji Kamaruddin Nordin.Seperti juga saya kenal dengan beberapa ahli-ahli dari syarikal-syarikat konsortium yang lain. Walau bagaimanapun, penilaian dan penawaran projek tender ini adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang disebutkan tadi dan konsortium tersebut telah mengemukakan cadangan yang paling baik jika dibandingkan dengan cadangan yang dikemukakan oleh konsortium-konsortium yang lain. Berasaskan penilaian tersebut, pihak Jemaah Menteri berpuas hati, perundingan diadakan dengan pihak konsortium tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, demikian sahajalah penjelasan saya mengenai perkara-perkara tcrscbul.

Tuan Lim Kit Siang: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Okay.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bukankah dalam penilaian satu kontrak tender untuk penswastaan lebuh raya baik pun Butterworth-Kulim atau mana-mana sektor, satu daripada kriterianya ialah mengenai keupayaan teknikal dan kewangan syarikat-syarikat yang ada menender dan dalam perkara ini Konsortium Lebuhraya Butterworth-Kulim ialah tiga syarikat yang berkongsi untuk mengadakan konsortium ini, di mana dua syarikat yang mempunyai 30% saham dalam konsortium ini telah "assign"kan hak-hak mereka kepada satu syarikat yang bukan sahaja tidak ada track record, tidak ada kewangan, menjadi "dormant", jadi, bukankah ini perlu menjadi satu unsur yang mustahak untuk menilai semula pemberian "Letter of Intent" ini khasnya apa yang ada disebut dalam ucapan saya bahawa sekarang Syarikat Dasarmas mahu meng"assign"kan atau menjualkan saham-saham sepenuhnya kepada Ekovest oleh kerana tidak mampu untuk mengadakan RM1.5 juta sebagai pembayaran "earnest money", yang diperlukan dalam perjanjian ini.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, sebagai penjelasan suka saya menerangkan bahawa"earnest money" itu tidak timbul lagi kerana saya dilahamkan pihak konsortium tersebut telah pun mengemukakan "earnest money" tersebut.

Keduanya, adakah perkara assignment ini boleh diterima atau tidak, kita menunggu penelitian yang dibuat oleh Penasihat Undang-undang sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Bukankah satu peristiwa yang sangat tidak sihat di mana kontrak penswastaan yang diberikan dan selepas itu sebahagian kontrak itu boleh, dengan izin, mencari highest bid-der untuk di"assign"kan, untuk dijualkan. Bukankah ini menunjukkan bahawa ini bukan penswastaan tetapi untuk mendapatkan lesen untuk jual peluang untuk mendapatkan kekayaan?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah pun menjelaskan bahawa perkara "assignment" ini sedang dikaji oleh Penasihat Undang-undang. Sckiranya Kerajaan bcrpuas hati bahawa ianya tidak akan merugikan Kerajaan, tidak salah kita menimbangkan kemungkinan itu diterima. Jadi, itulah sahaja penerangan yang saya fikir perlu dijelaskan. Apa yang hendak ditegaskan, bahawa tender ini dilakukan secara adil, pilihan diadakan dan keputusan yang dibuat oleh pihak Jemaah Menteri berasaskan pcnilaian yang telah dibuat oleh beberapa agensi bersama. Tcrima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat); Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

4.38ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran, cadangan dan pandangan yang membina dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam khususnya mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Izinkan saya memberikan jawapan ke atas beberapa perkara yang tertentu yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah mencadangkan supaya Kerajaan mewujudkan sebuah Kementerian Perdagangan Antarabangsa yang khusus bagi mentadbir hal ehwal perdagangan sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat, memang benar kemajuan ekonomi Malaysia bergantung kepada perdagangan antarabangsa. Walau bagaimanapun, pergantungan ini adalah tidak sepenuhnya. Oleh itu tindakan negara-negara yang berkaitan dengan Pusingan Uruguay yang baru diselesaikan adalah bertunjangkan kepada hakikat mengenai pentingnya perdagangan antarabangsa. Namun demikian,kita hendaklah mcnyedari tentang hubung-kait yang rapat dan penting diantara perdagangan antarabangsa dan industri negara. Kita tidak dapat berdagang sekiranya tidak ada industri, kecuali kita mahu terus bergantung kepada pengeluaran bahan-bahan mentah semata-mata.

Justeru itu, Kementerian hendaklah mengetahui dan mempunyai bidang kuasa mengenai soa-soal dasar industri dan kemampuan sektor industri negara.

Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang membangkitkan isu penurunan pelaburan asing daripada negara-negara sumber utama bagi projek-projek yang telah diluluskan daripada RM 14,978.6juta dalam tahun 1992 kepada RM2,279.4 juta dalam tahun 1993.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penurunan pelaburan asing daripada sumber-sumber utama bagi projek-projek yang telah diluluskan adalah disebabkan tcrutamanya jumlah aliran pelaburan-pelaburan asing dunia telah menurun dan juga tahap pembangunan perindustrian di Malaysia yang dicapai pada masa ini.

Adalah diperhatikan bahawa jumlah pelaburan asing dunia yang telah mencatat kadar pertumbuhan yang tinggi dalam tahun-tahun 1980an telah mula merosot sejak 1991. Ini disebabkan terutamanya oleh kelcmbapan ekonomi dunia. Pemulihan ekonomi di Amerika Syarikat dan prestasi ekonomi negara-negara membangun, khususnya di negara-negara bukan OECD, daripada rantau Asia dan negara-negara Timur Tcngah tidak dapat mcnahan tren penurunan ini.

Ini disebabkan prestasi Eropah Barat, khususnya negara German, yang lembap dan kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh negara Jepun. Perkembangan ini telah menjejaskan aliran keluar FDI (FDI outflows) sedunia telah menurun daripada US$183 bilion pada tahun 1991 kepada US$ 150 bilion pada tahun 1992. Manakala aliran masuk FDI telah menurun daripada US$126 bilion kepada US$100 bilion.

Penurunan aliran pelaburan dunia telah menjejaskan aliran masuk pelaburan asing bukan sahaja ke Malaysia tetapi juga negara-negara ASEAN yang lain. Misalnya jumlah pelaburan Jepun ke negara-negara ASEAN yang merupakan sumber pelaburan utama ke negara-negara ASEAN lelah menurun daripada US$2,121.5juta dalam tahun 1991 kepada US$ 1,944.9 juta dalam tahun lalu iaitu sebanyak 8.3%.

Walau bagaimanapun, dengan peningkatan Yen pengaliran FDI daripada Jepun ke Malaysia, yang merupakan salah sebuah destinasi terpilih, dijangka akan meningkat. Berdasarkan tahap pembangunan perindustrian Malaysia yang

dicapai pada masa ini, usaha penarikan pelaburan asing tidak memberi tekanan sahajakepada kuantiti pelaburan tetapi Iebih kepada kualiti projek-projek yang akan dilaksanakan dari segi teknologi, nilai ditambah, kcmahiran dan pengetahuan serla rantaian yang diwujudkan. Tambahan lagi, oleh kerana Malaysia telah mencapai guna tenaga penuh, permohonan untuk melaksanakan projek-projek yang berintensif buruh serta yang menggunakan teknologi rendah dijangka akan berkurangan.

Usaha untuk menarik pelaburan-pelaburan asing ke Malaysia akan terus dipergiatkan melalui antara lain rombongan perdagangan dan pelaburan dan pendekatan proaktif yang termasuk usaha mengenalpasti dan mempelawa "world class companies" untuk melabur di Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang juga telah membangkitkan isu peningkatan dalam pcmilikan saham modal asing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam rancangan Malaysia Keenam telah menetapkan sasaran pelaburan bagi seluruh ekonomi ncgara sebanyak RM158 bilion. Dari jumlah ini, RM80 bilion telah dirancang diperolehi dari sektor perkilangan. Pelaburan asing dijangka menyumbang sebanyak RM33 bilion, manakala pelaburan tempatan dijangka menyumbang sebanyak RM47 bilion, iailu memberikan kadar nisbah 60:40 kepada pelaburan tempatan berbanding dengan pelaburan asing.

Sehingga bulan Oktober 1993, bilangan projek-projek pembangunan perindustrian yang diluluskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam adalah sebanyak 2,425 dengan nilai pelaburannya yang dicadangkan sebanyak RM70.23 bilion. Jumlah ini yang tidak termasuk pelaburan daripada IKS merupakan 87.78% dari jumlah sasaran Rancangan Malaysia Keenam sebanyak RM80 bilion.

Jumlah modal pelaburan asing bernilai RM40.9 bilion adalah lebih tinggi berbanding dengan jumlah modal pelaburan tempatan sebanyak RM29.3 bilion.

Walaupun kadar pertumbuhan pelaburan tempatan adalah lebih perlahan berbanding dengan pelaburan asing, namun demikian, berdasarkan prestasi sehingga bulan Oktober tahun ini jumlah modal pelaburan ternpatan telah mencapai 62.34% daripada jumlah sasaran modal pelaburan tempatan sbanyak RM47 bilion. Dengan prestasi ini, jumlah pelaburan tempatan dijangka dapat mencapai sasaran RM6 bilion dari segi absolute terms di dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang telah juga membangkitkan isu bergantung kepada teknologi import yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mempertingkatkan pembangunan perindustrian, penggunaan teknologi import yang advanced dan sofistikated adalah penting supaya industri mengekalkan keupayaan berdaya saing. Walau bagaimanapun, pembangunan teknologi indigenous tidak kurang pentingnya.

Oleh kcrana proses pembangunan teknologi ini melibatkan jangka masa panjang, penekanan perlu juga diberi kepada perolehan dan pcngubahsuaian teknologl olch industri untuk mempertingkatkan mutu dan proses pengeluaran dan produk.

Dalam hubungan ini, penekanan telah dibcri untuk mempertingkatkan keupayaan mcnerap dan mengubahsuai teknologi. Pelbagai galakan telah diberi dan beberapa langkah-langkah telah diambil di bawah Pelan Tindakan Teknologi untuk menggalakkan pembangunan dan penyelidikan serta mempertingkatkan kemahiran berkaitan.

Di samping itu, teknologi yang diimport telah dikawal melalui pelbagai perjanjian seperti Perjanjian Perlesenan, Perjanjian

Usahasama, Paten dan Cap Dagangan untuk menentukan Malaysia mendapatkan faedah daripada perjanjian-perjanjian ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang telah membangkitkan isu, dengan izin, decline in the equity ownership of bumiputera frorn 19.2%in 1990 tol 8.2% in 1992.

Walaupun terdapat penurunan dari scgi pemilikan ekuiti bumiputcra daripada I9.2%padatahun 1990 kepada 18.2% pada tahun lalu, namun demikian dari segi "absolute terms"jumlah pemilikan ini tetap meningkat iaitu dari RM20.9 bilion pada tahun 1990 kepada RM23.7 bilion pada tahun 1992.

Scpertimana yang telah dinyatakan olch Yang Amat Berhormat Perdana Mentcri semasa ucapan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam, penurunan ini adalah disebabkan oleh penjualan semula saham yang telah diperuntukkan kepada bumiputera.

Walau bagaimanapun, penglibatan bumiputera dalam sektor perkilangan adalah menggalakkan berdasarkan kepada pemilikan ekuiti dalam projek-projek perkilangan yang telah diluluskan oleh MITI dalamtempoh 1990-1992.

Pada tahun 1990, pemilikan ekuili bumiputera berjumlah RMl,593.3juta,pada tahun 1991 berjumlah RMl,490.2juta dan pada tahun 1992 berjumlah RM810.5 juta.

Bagi tempoh Januari sehingga Oktober lahun ini, sejumlah RM846.3 juta merupakan ekuiti milikan bumiputera bagi sejumlah 578 projek-projek perkilangan yang telah diluluskan oleh MITI.

Berdasarkan kepada perangkaan ini, mcnunjukkan telah terdapat penyertaan bumiputera yang menggalakkan dalam sektor perkilangan berbanding pada tahun-tahun di antara 1987 sehingga 1989 di mana ekuiti bumiputera berada di tahap yang sungguh rendah, iaitu kurang daripada RM500juta.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah telah mernbangkitkan agar pelaburan tempatan dalam perindustrian digalakkan memandangkan negara terpaksa bersaing dengan negara-negara lain. Sukacita dimaklumkan keperluan untuk menggalakkan pclaburan tempatan telah diberi perhatian yang utama. Dalam hubungan ini, dasar meningkatkan pelaburan domcstic investment initiative telah dilancarkan dalam bulan April tahun ini.

Strategi-stratcgi utama untuk meningkatkan pclaburan domestik termasuk meningkatkan kandungan domestik, memperbaiki dan memperkukuhkan pasaran kewangan dan modal tempatan, mengenalpasti, memperkukuh dan membangunkan syarikat besar domestik, mcmbangunkan IKS tempatan, meningkatkan keupayaan persatuan dan pertubuhan perindustrian kebangsaan dan pcmbangunan inirastruktur untuk industri domestik. Permohonan untuk pelaburan domestik yang dicadang, yang ditcrimadalam tempoh 1992 sehingga 1993, adalah seperti berikut:

Permohonan-permohonan yang diterima bagi menubuhkan projek-projek perkilangan:

Januari-Disember, 1992—RM10.78 bilion.

Januari-Oktober. 1993—RM8.771.7 jula.

Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar dan Telok Kemang masing-masing telah mencadangkan, yang pertama, badan penyelaras yang dianggotai oleh agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan IKS ditubuhkan untuk memastikan pernbangunannya di peringkat akar-umbi.

Yang kedua, skim vendor, payung dan franchise diperluaskan kepada masyarakat India dan kaum-kaum minoriti yang lain. Mengenai cadangan yang pertama, untuk makluman Yang Berhormat, sedang meneliti butir-butir lanjut mcngenai cadangan penubuhan sebuah agensi khusus untuk pembangunan IKS.

Mengenai cadangan yang kedua, program pembangunan vendor. Adalah terbuka juga kepada masyarakat India dan minoriti lain dengan syarat usahawan yang terlibat mempunyai pengalaman dan keupayaan bagi memenuhi spesifikasi dan kehendak pasaran yang menekankan aspek-aspek daya-saing dari segi mutu dan harga serta ketepatan masa pengedaran barangan.

Buat masaini,program"konsep payung" memberi keutamaan kepada usahawan bumiputera di bawah program masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera khas bagi pasaran kontrak Kerajaan. Bagaimanapun, masyarakat India boleh menyertai program-program ini secara usahasama dengan usahawan bumiputera mengikut kes dan projek terutamanya bagi pasaran terbuka tempatan dan eksport.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang ingin saya berikan, kepada beberapa isu penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahll Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Sayajuga ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas teguran dan pandangan yang tidak sempat dijawab buat kali ini, dan perkara tersebut akan diambil perhatian yang sewajar. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Pendidikan.

4.53 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam dengan mengemukakan isu-isu dan cadangan-cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan. Seterusnya, saya ingin menjawab isu yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Marang telah mengutarakan tentang langkah mempertingkatkan minat belajar dalam bidang sains dan teknologi dengan penekanan kepada mata pelajaran matematik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan amat prihatin tcntang kelemahan para pelajar, khususnya pelajar Melayu dalam mata pelajaran matematik dan sains di sekolah rendah dan menengah. Kementerian Pendidikan sentiasa menjalankan berbagai rancangan secarabertulis berterusan supaya dapat dimanfaatkan oleh para guru dan pelajar. Kursus dalam perkhidmatan untuk guru diadakan bagi mempertingkatkan lagi kepakaran mereka agar proses pengajaran, pembelajaran mereka menjadi lebih menarik dan mudah difahami. Di peringkat menengah pula, semua pelajar diwajibkan mengambil mata pelajaran sains dan matemalik. Selain itu, mata pelajaran—mata pclajaran elektif seperti matematik tambahan, fizik, kimia, sains tambahan biology, juga ditawarkan bagi menumbuh minat pelajar terhadap mata pelajaran berkenaan.

Cadangan Yang Berhormat dari Lumut dan Yang Berhormat dari Telok Kemang supaya Kementerian Pendidikan mengadakan lebih banyak program berkembar dengan negara-negara lain seperti Jepun, Jerman, Perancis dan Sepanyol, boleh diberi pertimbangan sekiranya permohonan tersebut mempunyai syarat-syarat yang berkuasa sekarang. Pengajaran bahasa asing seperti bahasa Jepun, Perancis dan Arab memang sudah dimulakan di beberapa buah sekolah berasrama penuh dan akan diperluaskan lagi ke sekolah-sekolah lain secara berperingkat-peringkat.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Gua Musang, sistem pendidikan yang diamalkan di negara ini tidak lemah. Malah ia diakui oleh banyak negara sebagai satu sistem yang baik. Ini adalah kerana sistem tersebut sentiasa diperbaiki dengan beberapa reformasi, khususnya dari segi kurikulum. Pendidikan yang lebih menyeluruh telah diberikan dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). la merangkumi aspek-aspek pengetahuan, kemahiran dan pembentukan sikap serta nilai yang sesuai ke arah memperkembangkan lagi potensi belajar secara menyeluruh dan bersepadu. Selaras dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju pada tahun 2020, maka sistem pendidikan dewasa ini sedang diberi penekanan kepada bidang sains dan teknologi dengan memperkukuhkan program sains dan matematik di semua peringkat persekolahan hingga ke universiti. Kementerian Pendidikan juga membuat kajian semula kurikulum sekolah menengah vokasional dan politeknik dengan kerjasama dari pihak industri di dalam berbagai bidang dan perkhidmatan yang berteknologi tinggi. Di samping itu juga, institusi-institusi luar negara seperti Jepun, Korea dan Jerman digunakan dalam pembentukan kurikulum pendidikan teknik dan vokasional.

Mengenai dakwaan peratusan yang rendah daripada pelajar sekolah yang berpeluang melanjutkan ke peringkat pendidikan tinggi,tcrtiary education dengan membuat perbandingan dengan bcberapa buah negara Asia yang lain, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di negara kita, pelajar yang dikategorikan melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi adalah mereka yang hanya mengikuti universiti dan tidak termasuk pelajar-pelajar yang memasuki institusi pendidikan di peringkatkolej, maktab perguruan, institusi latihan kemahiran dan juga politeknik.

Mengenai dakwaan bahawa wujudnya sistem insentif yang rendah terhadap tenaga akademik yang menyebabkan penghijrahan mereka yang cemerlang dengan berkhidmat di universiti-universiti tempatan, sebenarnya perkara tersebut adalah tidak benar, kerana hingga sekarang universiti-universiti tempatan masih dapat mengekalkan sebilangan besar pensyarah-pensyarah yang berpengalaman.Dan jumlah pensyarah yang meletakkan jawatan hanya di sekitar2% sahaja. Kekosongan tersebut diisi dengan perlantikan pensyarah-pensyarah baru dan pemilihan ke jawatan tersebut dibuat dengan teliti di bawah Skim Latihan Tenaga Akademik. Dibawah Skim Saraan Baru (SSB), tenaga pengajar di universiti ditawarkan insentif tertentu seperti skim gaji yang lebih flexible. Kerajaan juga memperkenalkan elaun kritikal kepada kakitangan akademik di dalam bidang-bidang penting seperti undang-undang, kejurutcraan dan perubatan. Bagi pensyarah-pensyarah di bidang perubatan, SSB menyediakan tawaran gaji permulaan lebih tinggi; mereka dibenar menjalankan kerja-kerja rundingan dengan pihak luar dan mereka dibenarkan menerima bayaran bagi kerja-kerja tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan lebih mempertingkatkan kualiti guru. Kementerian Pendidikan sentiasa mendahulukan bahawa guru-guru yang dikeluarkan di maktab-maktab dan univcrsiti tempatan adalah guru-guru yang berkualiti. Ini dilakukan dengan mengadakan beberapa tapisan dalam pemilihan calon guru. Setiap guru yang memohon untuk menyertai latihan perguruan diwajibkan menduduki ujjan bertulis. Setelah menduduki ujian tersebut, calon-calon yang layak sekali lagi ditapis melalui proses temuduga. Hanya calon-calon yang menunjukkan potensi dan prestasi yang baik bagi kedua-dua peringkat tapisan ini sahaja akan ditawarkan tempat berkursus.

Kementerian Pendidikan juga mengadakan kursus dalam perkhidmatan bagi mempertingkatkan kemahiran dan

prestasi guru-guru yang sedang berkhidmat. Dcngan ini, kualiti guru-guru yang mcngajar di semua sckolah dapal dipertingkatkan.

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Pendek sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Kementeriannya berhasrat untuk menubuhkan satu universiti pcrguruan untuk meningkatkan kualiti perguruan?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tentang cadangan universiti perguruan itu, Kcmenterian Pendidikan pada niasa sckarang masih mengkaji cadangan tcrsebut. Kita dapati bahawa pada masa sckarang ada beberapa universiti tempatan mcmpunyai fakulti pendidikan yang mengeluarkan dengan cukupnya guru-guru siswazah. Namun dcmikian, Kementerian Pcndidikan sedang mengkaji cadangan tersebut.

Mengcnai cadangan agar Kerajaan mcmbina universiti di setiap negeri, termasuk universiti perguruan bagi mengatasi masalah kekurangan guru, sebenarnya dalam hal ini Kerajaan memang mempunyai rancangan jangka panjang unluk mcnambah bilangan institusi pengajian tinggi dan universiti bcrdasarkan perminlaan dan keperluan negara serla kemampuan kewangan dan tenaga manusia. Pcrancangan yang dibuat mengainbil kira kesesuaian lokasi dan perancangan pcmbangunan yang bcrscpadu. Pada masa ini pula, sccara keseluruhannya, kesemua ncgeri tclah mcmpunyai IPT atau Institusi Pcndidikan Tinggi sama ada berupa kampus induk atau cawangan.

Mengenai pcnghantaran pelajar-pclajar "A" level ke scbcrang laut sebagaimana yang ditimbutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau, pada masa ini, Kemenlerian Pcndidikan tidak lagi bcrbuat demiklan. Sebaliknya Kementerian Pendidikan hanya menghantar pelajar-pelajar untuk kursus di peringkat ijazah dan ijazah lanjutan di luar negara.

Berhubung dengan pindaan Akta Universiti dan Universiti Kolej sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Nilam Puri, dengan memberi kebebasan kepada pelajar dan pensyarah, Kementerian Pendidikan tidak pernah mcngikat, inalah sebaliknya aktiviti berkenaan digalakkan supaya memberi faedah kepada pelajar dan universiti. Aktiviti-aktiviti pelajar yang dijalankan mclalui Majlis Perwakilan Pelajar dan Badan-badan Pclajar adalah cukup luas dan dapat membantu perkcmbangan intelek pelajar.

Mengenai bantuan seperti biasiswa. terus diberikan kepada golongan yang kurang berada dalam usaha Kerajaan mcnjadikan pendidikan sebagai induslri. Selama ini pun Kerajaan memberikan bantuan terhadap mereka yang kurang berkemampuan khususnya mercka yang menunjukkan kecemerlangan.

Kemcnterian Pendidikan juga telah memastikan agar kursus-kursus yang bcrcorak vokasional, teknikal dan pengurusan diberi perhatian sepertimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar dan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah. Kursus-kursus sepcrti ini diadakan khususnya di Universiti Tcknologi Malaysia iailu di bidang teknologi dan bidang pengurusan di Universiti Utara Malaysia. Di samping itu, bilangan pelajar untuk mengikuti kursus-kursus tersebut di Sekolah Mcnengah Vokasional dan Politeknik juga dipertingkatkan berdasarkan keperluan negara dan kemampuan Kementerian Pcndidikan untuk mengatasi masalah kepcrluan tenaga mahir.

Kementerian Pendidikan menyokong cadangan supaya semua pelajar yang mendapat keputusan "9A1" dalam peperiksaan SPM diberikan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran mereka di luar negara. Walau bagaimanapun, perkara ini tertakluk kepada keputusan Kabinet.

Berhubung dengan cadangan menubuhkan universiti terbuka di Malaysia pula,sebenarnya konsep universiti terbuka sudah pun ada tetapi belum dilaksanakan secara meluas dan masih dalam pcringkat perancangan dan dijangka akan dilaksanakan dengan lebih meluas dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Pada masa ini, USM telah menjalankan program jarak jauh dan ITM telah memperkenalkan pengajian luar kampus dan pendidikanjarak jauh.

Mengcnai isu disiplin dan keruntuhan moral dikalangan pelajar yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar dan Marang, seterusnya ia menjadi tanggungjawab semua pihak. Perlu ditegaskan, Kemcnterian Pendidikan memang memperuntukkan masa untuk pengajaran pendidikan Agama Islam dan pendidikan moral yang menumpukan usaha memupuk nilai-nilai murni di kalangan pelajar. Justeru itu, dakwaan bahawa Kementerian Pendidikan tidak memberi penekanan kepada pembangunan insan adalah tidak tepat.

Mengenai isu kualiti pendidikan dan perseimbangannya di antara bandar dan luar bandar yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat Teluk Kemang, Kementerian Pendidikan memang tidak memberi layanan yang berbeza dalam hal penempatan guru-guru terlatih, penyediaan kemudahan-kemudahan pengajaran, pembelajaran,pemberian kadar peruntukan yang sama serta khidmat-khidmat sokongan yang lain. Pada masa ini, di sekolah-sekolah memang telah sedia ada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Pendek sahaja, Insya-Allah. Sebenarnya saya sudah terlambat, Yang Berhormat, sebab itu saya pendekkan. Tadi Yang Bcrhormat ada menyentuh pemindahan UCCLA untuk membolehkan kampus-kampus terbuka di Malaysia sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah sebutkan dan sebagaimana yang telah disebutkan juga bahawa "twinning programme" di Malaysia ini sudah banyak sangat. Jadi, apa yang mencurigakan ialah soal kualiti yang dikeluar oleh universlti-universiti atau kolej-kolej yang membuat "twinning programme". Soalan saya, adakah Kementerian bercadang untuk membuat satu sindiket ataupun satu "monitoring body" di negara kita selaras dengan pindaan UCCLA untuk me"monitor"kan prestasi pelajar-pelajar di sekolah-sekolah yang mempunyai kampus dariluar negara dan"twinning programme" di negara ini untuk universiti-universiti luar negara? Itu soalan yang pertama.

Soalan yang kedua ialah walaupun kemasukan sebagaimana yang disebut tadi dalam Soal Jawab, mengatakan syarat kemasukan adalah tinggi untuk "twinning programme" telapi belum boleh menjaminkan yang mereka ini boleh berterusan menghabiskan pelajaran mereka. Jadi, soalan saya di sini, adakah pihak Kerajaan membuat satu monitoring yang khas untuk murid-murid kita jangan digunakan untuk komcrsil sahaja, pihak kolej buat "twinning programme" ini tetapi ada "high incidence of dropouts", dengan izin, dan juga bila sampai ke universiti mengikut kursus di peringkat tahun kedua atau tahun ketiga di universiti itu scndiri nanti banyak "failure incidence" di penghabisannya? Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, pertama tentang "monitoring body" ini, pada masa sekarang memanglah Kementerian Pendidikan menjadi

"moniloring body" tersebut yang menentukan standard atau kualiti pcndidikan yang ditawarkan. Kementerian Pendidikan memang mengambil pcrhatian berat tentang soalan ini dan kita selalunya menghantar pegawai-pegawai kita untuk "inspect", dengan izin, kursus-kursus yang ditawarkan oleh kolej-kolcj swasta supaya kita tentukan bahawa mereka memberikan pendidikan yang berkualiti tinggi. Seperti yang kita terangkan tadi, memang di sini Kementerian Pendidikan hanya memberi kelulusan kepada "twinning programme" di mana pihak swasta bekerjasama dengan universiti-universiti dari luar negeri yang ternama, mempunyai sejarah dan imej yang bagus. Jadi, di sini pun dcngan kerjasama universiti-univcrsiti terscbut, kita akan jamin pendidikan yang tinggi kepada pelajar-pelajar kita.

Di sini, dari feedback kita daripada pelajar-pelajar,kebanyakanpelajar-pelajar yang memasuki program-program "twinning" tersebut, mereka telah mendapat keputusan yang bagus dan apabila mereka memasuki ke universiti luar ncgeri, mereka selalunya dapat hadiah dan dapat perhatian pelajar-pelajar yang lain dan tidak ada complaint daripada ibu bapa bahawa ada "high incidence of dropouts", dengan izin.

Namun demikian, Kementerian Pendidikan selalunya menjaga isu ini supaya semua pelajar-pelajar kita jangan menjadi mangsa dalam proses kita menjadikan pendidikan sebagai satu industri. Kita akan jamin bahawa mereka mendapat pendidikan yang berkualiti tinggi.

Kementerian Pendidikan juga belum bercadang untuk menambah lagi bilangan kelas prasekolah yang sedia ada iaitu sebanyak 1,131 buah. Kelas-kelas prasekolah yang baru akan dibuka dan diuruskan oleh KEMAS dan Jabatan Perpaduan Negara. Pada masa ini, terdapat 6,280 kelas prasckolah yang dianjurkan oleh KEMAS dan 572 kelas prasekolah yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara.

TuanYang di-Pertua.setakat inilah yang dapat saya jelaskan dan huraikan mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan program dan aktiviti Kementerian Pendidikan. Saya sedari ada beberapa isu lagi yang tidak sempat saya jawab di sini, perkara-perkara itu akan diberi perhatian dan akan diambil tindakan yang sewajarnya.

Sekali lagi, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Kewangan.

5.10ptg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon untuk memberikan sedikit penjelasan bagi pihak Kcmenterian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat tatkala membahaskan Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam.

Laporan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Mentcri jelas membuktikan ketangkasan ekonomi Malaysia dalam menangani pelbagai persoalan ekonomi yang dihadapi dan juga menunjukkan kemampuan serta keupayaan kita mengatasi masalah tersebut.

Yang Amat Berhormat PerdanaMenteri menegaskan bahawa kita tidak harus leka merasa selesa dengan tahap pencapaian yang ada. Ini membuktikan bahawa kita masih mengambil sikap yang cukup tawaduk untuk mengaku bahawa sementara kejayaan dicapai, kila harus lebih berwaspada, bekerja lebih kuat dan menunjukkan iltizam dan dedikasi yang lebih.

Namun, tatkala membahaskan Laporan Kajian ini, Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang telah memilih untuk menggunakan ruang memberikan teguran

dan juga kccaman. Di antara lain, Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang, setelah bertahun-tahun kelu membisu di Parlimcn ini, telah mcnggunakan ruang untuk mcngatakan hahawa pcrancangan di negara kita amat lemah. Ada bcberapa projck yang dijalankan secara *ad hoc* yang tidak diteiiti dan dirancang terlcbih dahulu. Beliau mcnycbut bcbcrapa contoh. Kita ingin tegaskan, mcmang benar, tidak semua projekyang diiaksanakan itu dirancang pada pcringkat awal. Kita harus lebih proaktif, tahu perkcmbangan dan persekitaran ekonomi, politik dan sosial negara dan rantau ini.

Umpamanya, isu projek Lapangan Terbang Sepang (KLIA), walaupun tidak dimasukkan sebagai salah satu projck dalam Rancangan Malaysia Keenam scmentara Rancangan itu digubal, tetapi perkara itu dibahaskan sccara meluas sejak awal tahun 1990, kerana difikirkan perkara itu mcnclcsak. Adalah tidak munasabah unluk kita menunggu sehingga tahun 1995 untuk mcmasukkan projek itu dalam pcrancangan pada ketika itu. Kalau dibangkitkan kckurangan dan kclemahan kita, saya ingin juga mengingatkan bahawa pihak Pembangkang pun tidak ada yang mcncadangkan supaya diadakan satu lapangan terbang yang moden, yang sesuai dalam keadaan pembangunan yang lebih besar. Begitu juga bcberapa projek lain seperti projek Bakun.

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat); Yang Berhormat.....

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Projek Bakun dibangkitkan, padahal kajian-kajian mengenai projek Bakun itu dimulakan semasa Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang menjadi Mcnteri Kewangan lagi, beliau telah lupa. Oleh yang demikian, sama ada isu itu dimasukkan dalam Rancangan Keenam pada peringkat awal atau tidak, pada hemat saya bukan isu pokok. Isu pokoknya ialah sama ada projek itu mendesak bual kita, berkembang mengikut tekanan scmasa, perlu kita tunggu selama lima tahun lagi atau pcrlu kita ambil tindakan segcra,

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pcrlua, penjelasan. Adakah Yang Amat Berhormat scdar bahawa kita bcrkali-kuli mendesak mengadakan lapangan terbang yang lebih efcktif dan lebih moden yang dapat menampung aliran sekarang? Dan juga, bukan sahaja lapangan terbang, kita pun menycru bcrkali-kali untuk mengadakan bandar satelit kepada Kuala Lumpur untuk menampung kescsakan dan sebagainya. *(Disampuk)* Banyak lagilah!

Beberapa Ahli: *(Menyampitk)*

Dr. Tan Seng Giaw: Itu hulubalang sahaja! *(Disampuk)* Itu hulubalang sahaja. Jadi, jangan kita menuduh dengan melulu!

Beberapa Ahli: *(Menyampuk)*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Yang Berhormat dari Kcpong, memang kemukakan cadangan itu di Kepong dahulu, tetapi di Dewan Rakyat ini, saya tidak dapat catatan di mana-mana. Walau bagaimanapun, atas peringatan itu, saya sambut baik. Cuma lain kali, bawa dalam Dewan Rakyat, jangan di Kepong sahaja.

Mengenai kemiskinan, walaupun kita akui dan kita telah memberikan maklumat kemiskinan dan kadar kemiskinan secara terperinci, kita tidak dapatlah nafikan bahawa Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang cukup tegas dan berani. Data mengenai kcmiskinan yang terdapat dalam dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam adalah bcrasaskan pcnyiasatan pendapatan isirumah yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan bukan

perangkaan politik sepertimana yang didakwa. Malaysia adalah di antara satu-satunya negara yang sedang membangun yang memilih untuk membongkar dan memberikan pendedahan secara terbuka, keterangan tentang masalah kemiskinan di negeri-negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Tetapi kenyataan ini lebih meyakinkan kita kerana ada perubahan yang lebih positif dan kita telah mengambil tindakan-tindakan yang segera bagi mengurangkan masalah dan tekanan kepada masyarakat kita termasuklah langkah-langkah dalam bidang pendidikan dan kesihatan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat)*

Begitu juga tentang keseimbangan pembangunan dengan cadangan mewujudkan Koridor Pantai Timur dan pusat pembangunan Sabah dan Sarawak untuk memberikan keupayaan dan peluang supaya negeri-negeri ini berkembang maju. Tetapi sementara beberapa negeri di Pantai Timur, Sabah dan Sarawak yang relatif, lebih mundur dari negeri-negeri di Pantai Barat Semenanjung, tidak membuktikan bahawa kita tidak berlaku adil dalam pengagihan kekayaan ataupun pelaksanaan infrastruktur. Mana-mana negara dt dunia pun tidak dapat menjamin satu perkembangan kawasan yang sama. Tidak mungkin dalam satu daerah ataupun negeri atau negara, kita dapat catat tahap kemajuan yang sama.

Program penswastaan juga dibangkitkan. Kebijaksanaan program penswastaan dibangkitkan kerana dipertikaikan keputusan beberapa projek penswastaan yang dikatakan diberikan hanya semata-mata kepada beberapa kelompok yang mendukung parti yang memerintah. Saya ingin menjelaskan bahawa ada prosedur-prosedur yang ketat yang perlu dipatuhi dan kita melihat kejayaan penswastaan ini bukan sahaja tentang dasar, prosedur dan pelaksanaannya tetapi juga keupayaan syarikat-syarikat mengendalikan kerja dengan memuaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang telah menyoal kenapa PETRONAS telah menurunkan jumlah pengeluaran minyak mentah negara memandangkan harga pasaran minyak mentah sekarang ini sangat rendah. Sebenarnya, kadar pengeluaran sebenar minyak mentah negara mengambil kira paras harga dan keadaan pasaran minyak mentah dunia semasa. Sebagai contoh, dari bulan Mei hingga November tahun ini, apabila pasaran minyak mentah dunia mengalami permintaan yang lembab, pengeluaran minyak mentah negara telah dikurangkan kepada paras 601,000 tong sehari berbanding dengan kadar purata pengeluaran bagi tahun 1992 sebanyak kira-kira 630,000 tong sehari.

Ahli Yang Berhormat dari Lumut membangkitkan soal turun naik harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur. Sebenarnya dalam ucapan saya sebelum itu, saya telah mengingatkan, bahkan memberi amaran tentang gejala "bubble economy" sekiranya kita tidak dapat teliti dan kawal. Tetapi saya yakin bahawa pelaksanaan dan bidangkuasa Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Saham Kuala Lumpur dapat mengkaji perkembangan Bursa Saham dengan rapi. Kalau isunya ialah mengenai P:E atau nisbah harga dengan pendapatan, saya ingin jelaskan bahawa sementara harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur meningkat dengan pesat pada tahun ini, paras yang dialami sekarang jauh rendah dibandingkan dengan paras di Bursa Saham Tokyo. Dari segi nisbah P:E, harga pendapatan, nisbah purata di BSKL berada pada tahap 34, di mana nisbah P:E di Tokyo berada di tahap 60, yang jauh lebih tinggi. Itu pun, paras 60 di Tokyo ini adalah paras yang dicapai setelah berlaku penurunan yang amat besar di Bursa Saham berkenaan.

Prestasi BSKL tahun ini disokong bukan sahaja sepertimana yang diandaikan oleh pengkritik, tetapi sebenarnya oleh perkembangan ekonomi dan prestasi syarikat-syarikat yang memuaskan. Tahap kecairan juga tinggi, minat pelabur tempatan dan luar negara terhadap saham yang disenaraikan di BSKL juga meningkat. Kita tidak nafikan bahawa elemen spekulasi ini wujud. Sebab itu, pengawasan harus rapi dan masyarakat harus disedarkan tentang bahaya menjadikan Bursa Saham Kuala Lumpur sebagai tempat spekulasi.

Salah satu langkah diambil ialah meletakkan kaunter-kaunter yang harganya meningkat terlalu tinggi di bawah status Designaled Securities (Sekuriti Bertanda) seperti yang dilakukan baru-baru ini terhadap tiga kaunter iaitu Amanah Harta, Berjaya Textile Bhd. dan Gleneal Plantations (M) Bhd. Dalam keadaan ini sesiapa yang ingin membeli saham perlu mengemukakan wang semasa pembelian skrip dan semasa penjualan. Ini bermakna tiada urusniaga kontra dibenarkan.

Yang Berhormat dari Tanjong membangkitkan soal penswastaan projek Lebuhraya Kulim-Butterworth. Dakwaan Ahli Yang Berhormat ialah bahawa Syarikat Dayamas Sdn, Bhd. terrnasuk dalam konsortium yang diketuai oleh MMC.

Tuan Lim Kit Siang: Dasarmas.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Dasarmas. Nama syarikat pun bukan saya tahu sangat. Tetapi Yang Berhormat dari Tanjong ingat kita jaga semua syarikat. Ingin saya jelaskan bahawa berpandukan kepada tawaran tendcr yang dikemukakan oleh konsorlium itu, nama-nama syarikat yang menganggotai konsortium ialah Malaysian Mining Corporation (MMC), Perwik Sdn. Bhd., Kumpulan Jaya Putra Sdn. Bhd. Syarikat Dasarmas yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu tidak termasuk dalam konsortium itu semasa tender itu diluluskan. Soal apa yang berlaku selepas diluluskan dan syarikat MMC dan lain-lain mengadakan apa-apa rundingan selepas tender diluluskan oleh Kerajaan setelah projek itu diswastakan, bukan lagi urusan Perbendaharaan atau Unit Perancang Ekonomi.

Tuan Lim Kit Siang: Kontrak ini belum diberi, oleh kerana apa yang diberi ialah 'Surat Niat (Letter of Intent) dan mengikut Yang Berhormat Menteri Kerja Raya bahawa perkara ini ialah dalam proses untuk pengkajian yang terakhir. Sebab itu sungguhpun pada peringkat pemberian Letter of Intent, konsortiumnya ialah MMC, Syarikat Jaya Putera dan Perwik. Bukankah ini salu element yang sangat mustahak oleh kerana kriteria menilai keupayaan dari segi teknikal dan kedudukan kewangan syarikat-syarikat yang menender dan sekarang sungguhpun award yang terakhir bclum diberi dan kontrak belum ditandatangani, sudah ada pertukaran syarikat-syarikat yang terlibat dalam konsortium itu. lanya bukan berasaskan keupayaan teknikal atau kedudukan kewangan tetapi oleh kcrana "mysterious going on". Bukankah ini satu asas di mana perlu satu kajian semula? Oleh kerana kalau begitu inilah satu tanda penswastaan diberi bukan berasaskan keupayaan tetapi sebagai satu lesen atau satu permit untuk "shop around in the market" untuk mendapat "highest bidder"?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Tanjong jangan pusing. Dakwaannya ialah Syarikat Dasarmas tcrmasuk dalam konsortium yang diketuai oleh MMC. Jawapan saya ialah dalam konsortium yang dimaksudkan, dalam rekod yang ada pada saya, MMC, Perwik dan Jaya Putera; tidak timbul kedudukan Dasarmas sctakat ini. Jadi, penjelasan saya ialah Syarikat Dasarmas Sdn. Bhd. tidak termasuk dalam konsortium ini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak tahulah sama ada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mendapat taklimat yang cukup lengkap. Soalannya ialah sekarang "final contract" belum di "award"kan, belum ditandatangani. Sungguhpun "Letter of Intent" sudah diberi dan sekarang dalam konsortium ini ada pertukaran syarikat-syarikat yang terlibat dalam konsortium, ialah Syarikat Dasarmas menggantikan kedua-dua syarikat yang discbut. Inipun sudahdisahkan (confirmcd) oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya tadi. Kenapa Yang Berhormat Menteri Kerja Raya boleh confirm, tetapi Yang Amat Berhormat Timbalan Mcnteri tidak tahu? Apa yang berlaku dalam Kerajaan Barisan Nasional?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya jelaskan, saya nanti akan ulang. Prosedurnya ialah bahawa konsortium itu akan diketuai oleh satu syarikat besar. Syarikat besar ini ialah MMC. Semasa tender itu dikemukakan, syarikat ini mengepalai tiga syarikat yang saya sebutkan. Selalunya kita hanya bcrunding dan merujuk kepada ketua yang mengetuai syarikat ini. Ini setakat yang dirunding oleh Bahagian Kontrak Perbendaharaan dengan syarikat-syarikat berkenaan. Ada berlaku bila mana mana-manasyarikatitudiberikan.merekamemilih untuk mengadakan beberapa syarikat kecil untuk menjalankan kerja-kerja sub-kontrak. Itu urusan mereka. Setakat ini, inilah penjelasan saya dan..... *(Diganggu)* Saya jawab saya kata soal urusan konsortium itu mengambil syarikat-syarikat kecil untuk sub-kontrak, untuk joint-venture, untuk pakej, untuk sebagai syarikat payung. Ini memang berlaku. Yang saya berikan ialah rekod tentang tawaran tender yang dikemukakan oleh konsortium dan ini tidak ada perubahan lagi. Saya tidak mahu ulang tiga kali jawapan yang sama kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Bolchkah saya minta pcnjelasan?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Boleh beri penjclasan kemudian. Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar bangkitkan soal Bank Negara.

Tuan Lim Kit Siang: *(Menyampuk)*

Dato' Seri Anwar bin lbrahim: Banyak peluang lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, saya hendak memperbetulkan.....

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Banyak peluang lagi. Banyak peluang lagi. Saya sudah jawab tiga kali.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu betulkan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya sudah jawab tiga kali, Tuan Yang di-Pcrtua.

Timbatan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat minta duduk.

Tuan Lim Kit Siang:..... oleh kerana maklumat itu tidak lengkap dan tidak bclul pun, saya mahu betulkan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya sudah betulkan rekodnya. Soal syarikat itu hendak panggil siapa, tidak ada masalah dengan Menteri berkenaan. *(Disampuk).* Tidak ada masalah dengan Menteri berkenaan. Saya bagi rekod, tender, apa yang dibuat, soal MMC hendak runding dengannya, we deal wilh the MMC.

Tuan Lim Kit Siang: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin); Yang Berhormat, dia tidak mahu beri jalan.

Dato' Seri Anwar bin lbrahim: Bukan sub-kontrak. Sub-kontrak itu sebagai contoh. Jangan dikaitkan dengan soal kontrak sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Itu contoh yang salah. Contoh yang salah.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Sub-kontrak tidak.....

Tuan Lim Kit Siang: Itu bukan sub-kontrak. Ini konsortium.

Dato' Seri Anwar bin lbrahim: Contoh tidak salah, Tuan Yang di-Pertua. Conloh tidak salah. Sub-kontrak itu permissible. Joint vcnture is permissible.

Tuan Lim Kit Siang: Masalahnya ialah bukan sub-kontrak.....

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: la bukan satu leading contract yang.....

Tuan Lim Kit Siang: Ya! Tetapi masalahnya bukan sub-kontrak.....

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pcrlua, Yang Berhormat dari.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin); Yang Berhormat, minta duduk ya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Harap boleh dapatkan maklumat yang lebih lengkap pada masa depan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar bangkitkan soal Bank Negara Malaysia dan mengatakan institusi kewangan yang menekankan soal collateral,yang agak"collateral conscious". Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pun conscious juga, tctapi bukan collateral—soal lain. Faktor utama dalam pemberian pinjaman haruslah cagaran. Tetapi kitajuga telah memberikan beberapa pcraturan supaya pertimbangan-pertimbangan lain termasuklah daya maju atau viability projek diambilkira.

Cadangan Bank of China dibenarkan beroperasi di Kuala Lumpur bagi menggalakkan pelaburan, saya ingin jclaskan bahawa kita memang membenarkan institusi kewangan mengadakan ekuiti dan cawangan. Walau bagaimanapun, pegangan ekuiti mereka adalah terhad kepada 10% untuk orang perseorangan dan 20% untuk bukan perseorangan menurut Seksyen 46 Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989.

Ahli Yang Berhormat dari Lumut bangkitkan juga soal keperluan bagi bank-bank asing untuk membuka cawangan atau beroperasi. Malaysia adalah di antara negara yang paling liberal dari sudut peluang institusi kewangan memainkan peranan dalam negara ini. Oleh yang demikian, kita tidaklah berhajat untuk tergopoh-gapah mcmberikan ruang yang lebih kerana sekarang inipun 16 buah bank asing dan 15 buah bank luar pesisir asing telah beroperasi dan memainkan peranan termasuk membantu menarik pelabur asing ke negara ini. Struktur sistem kewangan negara kita cukup mantap dan moden untuk memenuhi keperluan pelabur-pelabur asing.

Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri mempertikaikan keupayaan syarikat-syarikat bumiputera yang boleh mengukuhkan perniagaan orang-orang Melayu kerana dikaitkan dengan pengagihan saham bumiputera kepada orang-orang yang tidak mampu sama sekali. Saya anggap kenyataan ini cukup mengelirukan dan menghina keupayaan orang-orang Melayu dan bumiputera di negara ini kerana sesungguhnya syarikat-syarikat bumiputera dalam bidang institusi kewangan, telekomunikasi, kontrak dan beberapa bidang lain telah menunjukkan keupayaan, bahkan telah pun meneroka ke beberapa asing seperti Papua New Guinea, Vietnam, Sri Lanka dan beberapa negara yang sedang membangun. Untuk tersorok di Nilam Puri dan tidak tahu perkembangan dunia dan membuat tuduhan begini,amatlah mengecewakan.

Yang Berhormat dari Tanjong seperti biasa mengulangi lagi lagu "rasuah" dan menghentam secara sembrono. Kita sedar bahawa gejala rasuah adalah barah, kanser dalam negara, boleh menghakis keyakinan.

boleh melemahkan jentera pentadbiran. Oleh yang demikian.kita telah memberikan ruang yang cukup luas kepada BPR untuk menyiasat dan mengambit tindakan yang sewajarnya. Kelewatan apa-apa tindakan ialah kerana BPR harus membuat penelitian dan penyiasatan yang teliti, bukan terdorong oleh nafsu Pembangkang dan DAP yang cemburu, dengki dan khianat mahu menuduh tanpa menunggu bukti-bukti. Kalau benci kepada mana-mana tokoh, tunggu biar ada penyiasatan itu diselesaikan.

Sekarang ini kenyataan-kenyataan dari BPR mengenai kes-kes ini ialah "masih diteruskan". Apa hak bagi mana-mana ahli Pembangkang menggunakan ruang dan Parlimen, dia yang membuat dakwaan, dia yang membuat tuduhan, dia yang menghukum. Inilah yang dilakukan selama ini, Tuan Yang di-Pcrtua.

Tuan Lim Kit Siang: *(Bangtm)*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Okaylah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tanya apa kcs Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebut, adakah termasuk kes MAIKA? Dalam ucapan saya semalam saya tidak sebut kes MAIKA, tetapi ini dalam psikologi ataudalam otak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Itu adalah kes relevant, kenapa sampai sekarang skandal MAIKA belum ada apa-apa outcome?

Saya mahu bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, kalau Kerajaan memberi sokongan sepenuhnya kepada Badan Pencegah Rasuah, kenapa Kerajaan menolak cadangan yangdibuat oleh Badan Pencegah Rasuah untuk rnengadakan satu undang-undang baru yang menyeluruh, di mana akan memberi lebih kuasa kepada BPR untuk memerangi rasuah termasuk memberi kuasa yang lebih besar dan boleh menyiasat penyelewcngan, korupsi dalarn penswastaan? Kenapa deraf cadangan satu undang-undang yang baru mengenai "anti-corruption" ditolak olch Kcrajaan? Adakah Kerajaan sekarang akan rncnimbang semula supaya ada satu undang-undang yang memberi kuasa yang cukup kcpada Badan Pencegah Rasuah, oleh kcrana Ketua Pengarah sendiri mengatakan bahawa sekarang ini tidak cukup kuasa, ada banyak loopholes dalam undang-undang anti-rasuah sekarang.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pertama soal kes yang dibangkitkan. Kalau ditanya mengapa siasatan belum selesai, saya akan jawab, banyak kes siasatan sudah sclesai, banyak kcs siasatan belum selesai. Saya bukan penyiasat yang boleh saya beritahu ialah bahawa kalau jawapannya penyiasalan diteruskan-diteruskan. Saya hendak memberi pengakuan lebih daripada itu tidak bolch.

Keduanya, mengcnai deraf undang-undang yang dicadangkan itu, kita tidak mcnolak, kita masih teliti dan kalau difikirkan oleh BPR bahawa ada bcberapa loopholes dan peruntukan perlu diperbaiki, saya mengambil satu sikap cukup terbuka untuk memperbaiki. Loophole ini banyak, loophole dalam peraturan mengenai "kondo"—itu kita teliti sekarang; loophole mengenai beberapa peraturan dalam undang-undang; ini kita mesti mengambil sikap yang terbuka, proaktif, perbaiki, sama ada dalam rancangan atau tidak, ini yang harus kita lakukan.

Yang Berhormatdari Tanjong dan Yang Berhormat dari Nilam Puri.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, berkenaan corruption, oleh kerana Yang Amat Bcrhormat Timbalan Perdana Menteri masyhur dalam kes tentang korupsi ini. Yang Amat Berhormat mengatakan bahawa Kerajaan tidak menolak deraf undang-undang baru yang menyeluruh, yang memberi lebih kuasa dalam peperangan

terhadap korupsi, tetapi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Ahli Yang Berhormat dari Rasah ada mengatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan sudah menolak cadangan ini. Adakah Kerajaan sekarang akan mengkaji semula cadangan deraf undang-undang rasuah yang baru supaya ACA ada kuasa yang cukup, seperti di lain-lain negara "serious fjght against corruption".

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya mengucapkan terima kasih. Saya sudah memberi penjelasan bahawa soal rasuah itu barah yang merbahaya. Beza saya dengan Yang Berhormat dari Tanjong ialah dia membuat hukuman. Saya kata peruntukan undang-undang harus diadakan untuk menghukum yang salah dan sekiranya peruntukan yang didapati itu bclum cukup kuat, saya telah memberi pengakuan bahawa mana-mana cadangan peruntukan untuk memperbaiki kelemahan dan kelonggaran yang ada harus diberi pcrtimbangan, dan Kerajaan akan terus memberi pertimbangan terhadap apa-apa cadangan yang dikemukakan untuk mengukuhkan dan memperbaiki lagi peruntukan dalam deraf yang dicadangkan atau dimaksudkan tadi.

Yang Berhormat dari Tanjong dan Yang Berhormat dari Nilam Puri serta beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain juga turut membangkitkan isu kondominium atau pangsapuri Highland Towers, di Hulu Kelang runtuh.

Saya menerima baik cadangan-cadangan yang dikemukakan, cuma saya terpaksalah melahirkan rasa kecewa, bahkan saya juga kesal dengan sikap, kalau ada, untuk menggunakan tragedi ini sebagai peluang untuk mengaut keuntungan dan faedah politik.

Kita tidak harus menggunakan tragedi yang mengaut nyawa puluhan orang unmk melepaskan geram dan menunjukkan mana-mana kesalahan. Kebetulan dalam isu ini, kalau tidak salah dengan tidak bermaksud untuk sombong, saya rasa saya jauh lebih arif dari kebanyakan Ahli Yang Berhormat, kerana saya di tempat itu, menelili dan hampir sctiap hari bukan sahaja setakat melawat, tetapi meneliti setiap laporan dengan cukup terbuka dan saya percaya ini adalah satu pengajaran kepada kita, satu iktibar, banyak langkah-langkah yang perlu diambil.

Saya juga tahu bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat ramai yang mengatakan penghargaan kepada pegawai-pegawai kita, pckerja-pekerja kita yang bekerja bertungkus-Iumus. Oleh kerana tidak ada pasukan penyelamat khas yang kcbetulan tidak kita fikirkan sebelumnya begitu mendesak, tidak bermakna kita lidak ada keupayaan atau tidak tahu apa yang akan berlaku. Beberapajam selepas kejadian itu saya sampai dan pada masa itu ada langkah yang diambil, bukan dikatakan 3 hari tidak ada siapa yang tahu buat apa.

Saya ingin hendak jclaskan bahawa yang menyelamatkan nyawa dua orang dan menyelamatkan seorang yang pertama, yang kemudian meninggal dunia di hospital ialah Pasukan Bomba kila di bawah arahan Bomba dan Polis. Soal sama ada Dato' Zaman Khan yang kebetulan sampai dahulu, oleh yang demikian dia "incharge"; kemudian Tun Haniff Omar sampai kedua, dia ambil "charge"; kemudian Pemangku (acting) IGP sampai, dia "take charge". Apa yang menjadi masalah? Apakah dengan "takecharge" itu merubah peraturan, kacau-bilau cara pengendalian masalah? Tidak. Dan ini hendak dijadikan isu kerana pertama Dato' Zaman Khan, kedua Tun Haniff Omar, ketiga Tan Sri Rahim? Mana mereka tahu perkara itu akan berlaku? Sudah berlaku, siapa sampai dahulu dia "take charge". Kebetulan saya ada di sini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di India, saya telefon, saya "take charge" sementera kes itu, takkan hendak tunggu dia balik. Begitu juga dengan kes yang mclibatkan siapa yang "incharge", tetapi untuk mengatakan bahawa seolah-olah tidak ada orang, beberapa jam yang pertama memang kelam-kabut—saya tahu. Tidak ada siapa yang ada pengalaman dalam perkara ini....

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:...saya hendak jawab sekejap. Tetapi semasa saya sampai sudah ada usaha Pasukan Bomba masuk ke dalam dengan risiko nyawa yang tinggi, sebab itu saya pandang cukup berat kes ini, kerana saya tahu benar risiko yang diambil oleh pcgawai-pegawai kita. Untuk mengatakan Pasukan Bomba yang tidak ada pengalaman khusus tentang bangunan runtuh sebeglni tidak berbuat apa-apa, ataupun tidak tahu hendak buat apa-apa—saya tidak setuju. Semua langkah-langkah diambil bahkan saya sctiap kali hadir di sana memanggil Ketua Penyelamat Jepun, Perancis, Singapura, Pasukan Bomba dan Polis, tanya pcndapat mereka supaya ada "konsensus" dalam beberapa keputusan. Sebenarnya saya tanya mereka, "Apakah ada kelengkapan (cquipmcnt) yang kurang?"Dia kata,"Semua equipment yang kita pcrlukan ada." Saya tanya, "Apakah yang perlu dibuat lagi di sana?" Dia kata "Yang perlu dibuat hanya mercka terpaksa gunakan jentera yang ada dan masuk ke kawasan itu." Jadi, kalau hendak dibangkitkan sekarang ini kita tidak ada equipment, kita tidak tahu buat apa-apa, saya tidak setuju. Ini yang saya hendak jelaskan.

Soal pangsapuri ini sebenarnya bukan sahaja soal pangsapuri runtuh. Itu saya setuju dengan Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang.Kita harus ambil pengajaran, kita harus perketatkan undang-undang, kita harus bekukan projek baru, kita harus teliti semula projek yang sedang dijalankan, kita perlu semak semula kcselamatan projek-projek yang sedia ada. Saya rasa soal keselamatan, soal kewibawaan, kredibiliti kita dalam Kerajaan dan negara ini jauh lebih pcnting daripada keuntungan mana-mana syarikat atau kepentingan mana-mana kelompok. Ini saya akui dan saya setuju. Tetapi kita baru teliti secara terperinci semua laporan-laporan yang dikemukakan. Sebenarnya tidak seperti yang diandaikan oleh banyak kalangan. Kita kena tahu bila kelulusan dibuat, bila dimulakan, apakah mematuhi semua syarat-syarat yang dikenakan. Dan ini sedang dijalankan dengan teliti. Saya percaya cadangan-cadangan yang akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri besok pagi merangkumi satu pendekatan yang cukup menyeluruh untuk menyelesaikan bukan sahaja masalah tragedi khusus ini, tctapi masalah kondominium terutamanya bukan sahaja di cerun atau di lereng bukit juga seluruh keselamatan bangunan tinggi dan kawasan bukit.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya akui bahawa tinjauan kembali memang kita boleh buat banyak dakwaan. Memang boleh. Saya mcnghargai semua pihak termasuk Yang Amat Berhormat yang bekerja bertungkus-lumus untuk menyelesaikan masalah ini. Tetapi yang penting sekali, saya sendiri sudah beberapa kali di dalam Dewan ini danjuga di dalam Dewan Undangan Negeri Selangor membangkitkan begitu pentingnya kita mengambil tindakan, "sediakan payung sebelum hujan".

Tetapi pandangan saya tidak dihiraukan dan beberapa usul saya telah pun ditolak. Ini kerana saya hendak membangkitkan bahawa kita mesti adakan persiapan untuk menghadapi krisis dan tragedi seperti ini. *(Disampuk)* Tetapi Kcrajaan tidak mcnerima, Sekarang patutlah Kerajaan menerima usul saya itu. Itu yang pertama.

Yang kedua, tanpa membuat luduhan yang tidak adil, bolehkah satu iaporan yang lengkap dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya semua Ahli Yang Berhormat dapat memahami apakah yang sebenarnya berlaku.

Seorang Ahli: Tcngok teleyisyen.

Dr. Tan Seng Giaw: Televisyen itu salah. Ada, Yang Amat Berhormat buat kenyataan. Ada Menteri dan Timbalan Menteri buat kenyataan tetapi bercanggah,

bertcntangan. Itulah televisyen dan akhbar. Inilah satu pengurusan krisis yang tidak begitu cekap.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Terima kasih. Kalaulah ada cadangan yang dikcmukakan awal oleh Yang Berhormat dari Kepong yang tahu mana-mana bangunan mahu runtuh, saya ucapkan terima kasihlah. Cadangan Yang Berhormat dari Kepong bahawa laporan ini harus dimaklumkan kepada orang ramai, itu saya setuju. Kita akan cadangkan kepada Jemaah Menteri untuk memberikan penelitian dan berikan peluang supaya bukan sahaja keluarga yang terlibat untuk mengetahui scmuaaspck-aspek yang berlaku tetapi juga kcpada masyarakat umum. Tctapi pada hemat saya yang lebih pcnting ialah cadangan sccara konkrit langkah-langkah dan tindakan susulan yang harus diambil segcra. Ini yang pertama yang di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Khas kita ialah menghalang atau menghentikan semula kelulusan buat semcntara waktu supaya diteliti semula.

Kedua, yang kita cadangkan kepada Jemaah Mcnteri itu termasuklah bagi yang sedang dibangunkan kerana ada beberapa bentuk blok kondominium yang dibangunkan secara yang agak cepat dan banyak ini dan itu menimbulkan banyak kebimbangan dan kesan. Oleh yang demikian, kita juga mcngemukakan bebcrapa cadangan supaya diambil tindakan segera.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pcrtua, saya ingin mcngetahui daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu mengenai kenyataan yang dibuat oleh Datuk Mufti Selangor. Datuk Mufti Selangor ada mengeluarkan kenyataan iaitu bahawa terdapat dalam AI-Quran iaitu bukit-bukau, terutamanya batu-batu yang terdapat dalam bukit ini merupakan pasak bumi. Oleh itu, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, apakah pandangan ini akan diambilkira supaya projek-projck untuk pembinaan kondominium diatas bukit dan dilereng bukit dijadikan dasar supaya tidak ada lagi pcmbinaan seumpama ini selain daripada apa yang ada sekarang dikaji semula. Sebab saya kira pandangan ini penting dalam konteks mengambil kira pengalaman yang berlaku di Taman Hill Vicw. Pandangan saya ini berbeza dengan DAP ataupun dengan parti Pembangkang. Kita ini positif. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya juga teliti pandangan Datuk Mufti Selangor, tctapi saya fikir yang dipcrlukan ialah satu pcrancangan yang teliti yang tidak didorong oleh keuntungan semata-mata, tetapi memikirkan implikasi kcselamatan dan jangka panjang. Tetapi kalau isu bukit itu boleh dibangunkan atau tidak, saya rasa bukit di sekitar Mekah juga banyak dibangunkan, oleh yang demikian, saya tidak menolak kemungkinan pembangunan. Yang kita tolak ialah pembangunan yang tidak terancang atau yang mengenepikan peraturan ataupun undang-undang dan masalah alam sekitar dan faktor environment yang disebutkan itu.

Yang Bcrhormat dari Arau.....

Tuan Lim Kit Siang: *(Bangun).*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya takut peluang orang lain tidak ada.....

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang ada "take part" dalam "operation" menyelamat ini menyatakan kenapa dalam masa itu satu jalan tidak difikirkan di mana keluarga-keluarga mangsa-mangsa yang lcrperangkap, pandangan mereka ditanya mengenai "approach" yang boleh diambil? Sama ada "aggresive approach" diambil lebih awal, oleh kerana kita faham bahawa salah satu sebab ialah takut boleh mcmbahayakan mangsa-mangsa yang tcrperangkap kalau satu "aggresive approach"diadakan lebih awal. Tctapi kalau

diadakan perundingan dengan keluarga-keluarga mereka, mungkin approach ini perlu diambil di masa itu. Itu yang pertama.

Kedua, oleh kerana sebab-sebab yang perlu disiasat, adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri rela untuk mencadangkan untuk mengadakan satu Suruhanjaya DiRaja *(Tepuk)* dalam mengkaji bukan sahaja keruntuhan, tetapi juga rescue operations?. Kita bukan mahu menyalahkan sesiapa tetapi supaya kita boleh sebenar-benarnya belajar daripada apa yang kita boleh belajar daripada pengalaman pahit tragedi ini.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua,saya harap Yang Bcrhormat dari Tanjong adil dalam perkara ini. Dalam menghadapi masalah ini dengan sensitiviti keluarga, dengan masalah kusut yang mereka hadapi, kita hcndak minta pandangan mereka bagaimana hendak menyelesaikan,saya rasa tidak munasabah. Tidak berlaku perkara ini. Tctapi walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan bahawa saya sendiri ada berunding, berbincang dengan keluarga-keluarga berkenaan, tidak semua. Ramai keluarga-keluarga bila saya beritahu, saya jelaskan, saya kata "kalau saudara dalam keadaan saya, apa saudara akan buat"? Kita sampai, kita panggil semua,apa pandangannya.Saya sendiri pun "impatient", saya hendakkan cepat lagi. Kalau boleh, saya hendak supaya diangkat blok-blok itu dengan cepat supaya kita boleh masuk ke bawah. Tetapi pakar dari Perancis kata, "Kalau you buat begitu, kita akan tarik diri, sebab keselamatan kita tidak terjamin dan akan membahayakan sesiapa sahaja yang hidup dan bernyawa di situ." Jepun pun kata begitu, Singapore pun kata begitu dan pakar-pakar tempatan pun kata begitu. Ada pandangan yang kecil seperti saya yang menganggap bahawa kila patut maju lebih cepat, tetapi akhirnya saya akur dan hormati pandangan kepakaran yang ada, dengan pengalaman yang ada. Oleh yang demikian, kita memilih jalan untuk mencuba sedaya-upaya dan ini kita bcrasa amat mengecewakan sekali kerana kita tidak dapat menyelamatkan nyawa sesiapa di situ. Tetapi untuk berunding lebih daripada itu dengan scmua pihak, ini tidak mungkin. Saya sendiri pun tidak berunding dengan banyak sangat pihak mclainkan kepada orang yang terlibat secara langsung dengan operasi itu, yang kenal batu-bata dan pasir dan besi yang ada di depan mereka. Dan juga target tanggungjawab mereka untuk menyelamatkan nyawa yang ada.

Soal Suruhanjaya DiRaja, saya pcrcaya Jemaah Menteri akan mcncliti kes ini csok. Tetapi saya hendak mcnjclaskan kalaulah sctiap kejadian, kita minta orang mengorbankan nyawa mereka untuk mcnyelamat, kemudian kita hendak scrahkan nasib mcreka kepada satu Suruhanjaya DiRaja, kila tidak akan dapat ramai orang yang sanggup bekerja bcrtungkus-lumus hendak menyelamatkan dan kemudian hendak menyerahkan pula tanggungjawab mereka untuk diputuskan oleh satu Suruhanjaya DiRaja.

Jadi, sebab itu saya fikir cadangan-cadangan ilu harus munasabah dan adil dan tidak rnempersulitkan kerja-kerja menyelamat. Saya telah memberi pcngakuan kepada kawan-kawan yang terlibat dalam kerja-kerja menyelamat,kita akan membcrikan scmua kerjasama dan sokongan dan bantuan dan juga mempertahankan tindakan dan kcbijaksanaan mereka dalam menghadapi apa juga masalah selepas ini, kerana kalau tanpa pengakuan dan jaminan itu, tidak ada orang yang akan bersusah payah untuk mcnyelamatkan orang lain dengan mcngambil risiko yang besar.

Ahli Yang Berhormat dari Arau membangkitkan soal yang berhubung dengan insurans dan Bank Negara. Saya mengambil maklum perkara ini supaya penduduk-pcnduduk di situ dan penghuni di pangsapuri tidak menerima bebanan yang lebih daripada yang telah mereka tanggung selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan sekali lagi ucapan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam. Tcrima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian Kesihatan.

5.52ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan ini yang telah membuat teguran-teguran yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan sepanjang perbahasan ke atas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam.

Ahli Yang Berhormat dari Sibu telah mengemukakan cadangan supaya dipertingkatkan bilangan calon-calon warganegara dilantik kejawatan jururawat tanpa mengira sama ada kaum bumiputera atau bukan bumiputera supaya semua kekosongan jawatan jururawat di negara ini dapat diisi dengan calon-calon daripada rakyat tempatan tanpa memerlukan perkhidmatan jururawat warganegara asing.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa masalah pengisian semua jawatan jururawat yang diperlukan di hospital-hospital dan klinik-klinik di negara ini bukanlah disebabkan oleh dasar keutamaan pengambilan jururawat kepada bumiputera atau bukan bumiputera, sebaliknya masalah tersebut di antara lain berpunca daripada faktor-faktor seperti berikut.

Kekurangan tempat latihan. Setakat ini Kementcrian Kesihatan mempunyai 11 buah Sekolah Latihan Jururawat di seluruh negara yang mengendalikan aktiviti-aktiviti latihan kcpada calon-calon jururawat bagi tempoh tiga tahun. Bilangan jururawat terlatih yang mampu dikeluarkan oleh sekolah-sekolah latihan tersebut pada setiap tahun ialah seramai 437 orang pada tahun 1990, 354 orang pada tahun 1991 dan 521 orang pada tahun 1992.

Selain dari itu, terdapat juga institusi-institusi latihan yang diiktiraf dan dikendalikan oleh agensi-agcnsi lain serta pihak swasta. Bilangan jururawat terlatih yang dapat dihasilkan oleh institusi-institusi latihan tersebut ialah serarnai 176 orang bagi tahun 1990, 141 orang pada tahun 1991 dan 202 orang pada tahun 1992. Jumlah pengeluaran jururawat-jururawat terlatih daripada sekolah-sekolah latihan Kementerian Kesihatan dan institusi-institusi latihan seperti di atas masih tidak dapat menampung keperluan jururawat di negara ini.

Menjelang tahun 2020, Kementerian Kesihatan dijangka memerlukan seramai 2,000 orang jururawat terlatih. Oleh itu, langkah-langkah yang lebih positif sedang dirancang dan dilaksanakan bagi memperbanyakkan kemudahan-kemudahan tempat latihan kepada calon-calon jururawat seperti memperbanyakkan sekolah latihan, mcnaikkan taraf sekolah latihan Penolong Jururawat menjadi Sekolah Latihan Jururawat dan menggalakkan agensi-agensi lain khususnya universiti-universiti tempatan dan agensi-agensi swasta yang berkenaan menganjurkan kursus dan latihan kepada calon-calon jururawat.

Yang kedua, kekurangan tenaga pengajar. Tenaga pengajar adalah merupakan keperluan asas yang sangat penling dalam proses penghasilan seseorang Jururawat terlatih yang berkelayakan dan berkemahiran. Bagi tujuan ini, setiap 20 orang pelatih memcrlukan sekurang-kurang seorang tenaga pengajar atau pelatih. Berdasarkan kepada bilangan pelatih yang ada di Sekolah-sckolah Latihan Jururawat di Kementerian ini sekarang, maka

sekurang-kurangnya seramai 165 orang tenaga pcngajar diperlukan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan hanya dapat mengadakan seramai 120 orang tenaga pengajar sahaja sckarang, memandangkan ketiadaan calon-calon yang berkelayakan.

Bagi memenuhi keperluan di atas dan sebagai persiapan untuk membekalkan tenaga pengajar yang mcncukupi menjelang tahun 2020, Kcmenterian Kesihatan telah melaksanakan program-program ke arah mempertingkatkan bilangan tenaga pengajar dengan cara mcnghantar calon-calon yang berkelayakan mengikuti kursus di luar negara seramai 30 orang setiap tahun, mengikuti kursus di Universiti Malaya seramai 10 orang setahun dan mengikuti kursus di Institusi Kesihatan Umum seramai 20 orang setahun.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada sebab-sebab scperti di atas dan sebagai langkah sementara, Kementerian ini terpaksa mendapatkan perkhidmatan Jururawat warganegara asing untuk mengisi sebilangan kecil jawatan-jawatan jururawat yang masih kosong sekarang. Kementerian Kesihatan percaya bahawa pergantungan kepada perkhidmatan jururawat asing tersebut akan berkurangan dan mungkin ditiadakan langsung pada beberapa tahun yang akan datang, apabila stratcgi-stratcgi meningkatkan bilangan pelatih-pelatih jururawat warganegara yang sedang dilaksanakan sekarang ini tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor telah menycntuh isu penswastaan di Kementerian Kesihatan khasnya penswastaan khidmat sokongan di hospital-hospital dan penswastaan Makmal Ubat dan stor. Menurutnya, penswastaan ini boleh menimbulkan kesulitan di kalangan penduduk dan kakitangan berpendapatan rendah yang akan pcrlu membeli ubat dengan harga yang tinggi serta boleh menggagalkan matlamat Kerajaan untuk memberi perkhidmatan kesihatan kepada semua rakyat menjelang tahun 2000.

Seterusnya, Ahli Yang Berhormat meminta Kerajaan mengkaji semula dengan lebih teliti rancangan penswastaan perkhidmatan-perkhidmatan di Kementerian Kesihatan. Beliau juga menyentuh perkhidmatan di Institut Jantung Negara yang mengenakan bayaran yang tinggi dan meminta Kerajaan memberi subsidi kepada rakyat berpendapatan rendah dan kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menetapkan satu dasar untuk menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan termasuk perkhidmatan yang diberi oleh Kementerian Kesihatan. Dalam menswastakan perkhidmatan di Kementerian Kesihatan, Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada keperluan dan kcsulitan anggota perkhidmatan awam dan rakyat yang berpendapatan rendah. Matlamat Kerajaan memberikan perkhidmatan kesihatan kepada semua rakyat menjelang tahun 2000 tidak akan terjejas. Penswastaan khidmat sokongan di hospital-hospital dan penswastaan Makmal Ubat dan Stor tidak akan menimbulkan bayaran caj yang lebih tinggi kepada rakyat dan anggota perkhidmatan awam kerana kadar caj yang dikenakan telah ditetapkan di bawah peraturan-peraturan tertentu seperti dalam Perintah Fee (Perubatan) 1982 untuk orang awam dan Perintah Am Bab F untuk anggota perkhidmatan awam. Kerajaan belum bercadang untuk meminda kadar caj berkenaan. IJN telah dikorporatkan mulai dari September 1992 dan kadar caj yang telah ditetapkan adalah berpandukan kepada prinsip mendapatkan balikperbelanjaan bagi mengadakan sesuatu perkhidmatan itu. Kadarnya adalah berbeza dari kadar yang telah ditetapkan dalam Perintah Fee (Perubatan) 1982.

Walau bagaimanapun, Kerajaan tclah menyediakan satu peruntukan bagi menanggung perbelanjaan rawatan anggota perkhidmatan awam dan juga pesakit-pesakit miskin yang mendapat rawatan di IJN.

Bagi tempoh September, 1992 hingga September 1993, Kerajaan telah menanggung perbelanjaan rawatan di IJN sebanyak RM23 juta untuk anggota perkhidmatan awam dan RMl 1 juta untuk pesakit miskin.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan adalah komited untuk memberi perkhidmatan perubatan kepada semua rakyat, dan sebarang rancangan yang diadakan termasuk pens wastaan tidak akan menjejaskan perkhidmatan yang akan diberikan kepada anggota perkhidmatan awam serta rakyat miskin dan tidak akan menyulitkan golongan-golongan berkenaan untuk mendapat perkhidmatan yang disediakan. Sekian, terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua,saya mohon mencadangkan iaitu,

> Menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam, dan selepas daripada itu Dewan ini hendaklah ditangguhkan sehingga esok, Hari Rabu, 22hb. Disember, 1993, jam 2.30 petang.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa Dewan ini tidak akan ditangguhkan seperti yang dicadangkan hcndaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputus, dan disetujukan.

Diputuskan,

> Menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam, dan selepas daripada itu Dewan ini hendaklah ditangguhkan sehingga esok, Hari Rabu 22hb. Disember, 1993 jam 2.30 petang.

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEENAM

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

6.03ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pcrtua, terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan di bawah tajuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai rancangan rumah kos rendah, khususnya mengapa pencapaian sasaran pembinaannya kurang memuaskan. Sebagaimana kita tahu, strategi Kerajaan adalah memberi peranan yang terbesar kepada sektor swasta untuk pembinaan rumah, termasuk rumah kos rcndah. Walau bagaimanapun, prestasi sektor swasta dari segi rumah kos rendah adalah kurang memuaskan. Untuk menggalakkan mereka membina rumah kos rendah, Kerajaan lelah

memperkenalkan pakej khas termasuk tabung khas khusus untuk memberi kemudahan kewangan kepada sektor swasta membina rumah kos rendah.

Kerajaan Persekutuan juga telah menycdiakan peruntukan besar sebagai pinjaman kepada Kcrajaan-kerajaan Negeri untuk membina rumah kos rcndah. Walau bagaimanapun, keputusan menggunakan pinjaman ini bergantung kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan tidak boleh memaksa mereka menggunakan pinjaman ini sekiranya mereka tidak bersedia. Sebagai alternatit', Kerajaan Persekutuan kini sedang menyediakan rancangan bagi agensi Kerajaan Persekutuan sendiri mengambil inisiatif melaksanakan projek perumahan kos rendah dan tidak bergantung scmata-mata kepada inisiatif Kerajaan Negeri. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang giat mengadakan perbincangan dcngan agensi-agensi Pusat menghalusi cara pelaksanaan yang lebih berkesan bagi rumah kos rendah.

Berkaitan perumahan juga, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai kebijaksanaan membenarkan rumah pangsa dan kondominium yang tinggi dibinakan. Kebimbangan mereka adalah berekoran kejadian kondominium runtuh di Hulu Kelang. Dalam hal ini, sebagaimana kita semua telah tahu, satu Jawatankuasa Khas Kabinct telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk mengkaji dan menangani perkara ini. Semua isu-isu yang dibangkit telah pun dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebentar tadi, dan saya percaya segala perkara, termasuklah cadangan menubuhkan pasukan penyelamat khas yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, telah pun dijawab.

Ada juga Ahli Yang Berhormat yang menycntuh mengenai tangki air pecah di scbuah rumah pangsa awam di Johor Bahru. Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah pun membangkitkan perkara sama semasa sesi Soal-Jawab, dan penjelasan mengenainya telah pun diberi dalam sesi tersebut.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai penswastaan pembetungan seluruh negara, menyatakan bahawa ini adalah suatu langkah yang tidak dirancang. Sebenarnya, penswastaan secara umum adalah pendekatan yang telah lama menjadi dasar Kerajaan. Kerajaan senantiasa mengkaji projek-projek yang sesuai diswastakan. Kerajaan juga sedia menerima cadangan dari pihak swasta bila-bila masa mengenai perkhidmatan yang merekasedia ambil alih. Oleh itu, dari masa ke scmasa akan terdapat projek yang sesuai diswastakan walaupun pada suatu masa dahulu tidak dirancang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian Luar Negeri, tidak ada jawapan. Adakah Kementerian-kementerian lain yang hendak menjawab? Kalau tidak ada, saya akan kemukakan Usul.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa Usul di atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, iaitu:

"Bahawa Dewan yang mulia ini,

menyedari pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan dan kcjayaan yang ketara pencapaian matlamat sosio-ekonomi dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam.

mengambil maklum dan mengesahkan usaha berterusan Kerajaan dalam pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan

seimbang berasaskan pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama, selaras dengan matlamat yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua.

melulus dan mengesahkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam yang dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan memenuhi tanggungjawab kita dalam Dasar Pembangunan Nasional seperti yang ditetapkan di dalam Kertas Perintah Bil. 42 Tahun 1993.

Bahawa bagi meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan yang mulia ini menyeru semua penduduk Malaysia dari pelbagai lapisan hidup berusaha lebih gigih dan dengan hasrat pencapaian yang lebih teguh, ke arah membina satu bangsa yang adil, bcrsatupadu, maju, mampu bersaing dan mempunyai tahap ketahanan yang tinggi selaras dengan cita-cita negara di bawah Wawasan 2020."

hendaklah disetujukan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan,

Diputuskan,

"Bahawa Dcwan yang mulia ini,

menyedari pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan dan kejayaan yang ketara pencapaian matlamat sosio-ekonomi dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam.

mengambil maklum dan mengesahkan usaha berterusan Kerajaan dalam pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama, selaras dengan matlamat yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua.

melulus dan mengesahkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam yang dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan memenuhi tanggungjawab kita dalam Dasar Pembangunan Nasional sepcrti yang ditetapkan di dalam Kertas Perintah Bil. 42 Tahun 1993.

Bahawa bagi meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan yang mulia ini menyeru semua penduduk Malaysia dari pelbagai lapisan hidup berusaha lebih gigih dan dengan hasrat pcncapaian yang lebih teguh, ke arah membina satu bangsa yang adil, bersatupadu, maju, mampu bersaing dan mempunyai tahap ketahanan yang tinggi selaras dengan cita-cita negara di bawah Wawasan 2020."

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan ini ditempohkan selama 10 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 6.10 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 6.24 petang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (PINDAAN) 1993

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung scmula pcrbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." *(15hb.Disember1993)*

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Mengikut rekod kita, perbahasan yang lalu, Yang Berhormat dari Kepong kena sambung ucapan. Kepong tak ada. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang hendak mengambil bahagian? Kalau tak ada, kita minta Kementerian menjawab.

Tuan Shahidan bin Kassim: Beri saya jawablah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya. Kemcnterian menjawab.

6.25 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Sclamat datang, Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)* Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat yang berucap membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Langkawi, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dan Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, antara lain membangkitkan masalah berkaitan dengan Tabung Amanah Saham Anak Langkawi atau pun ASAL. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara tujuan utama ASAL ditubuhkan ialah untuk mcmbantu pembangunan ekonomi penduduk tempatan Langkawi yang sekarang ini dianggarkan kira-kira 50,000 orang kesemuanya sekali.

Sebagai permulaan, Kementerian Kewangan telah memberi peruntukan kcwangan dalam bentuk pinjaman kewangan tanpa faedah sebanyak RM10 juta dan ini tujuannya adalah untuk dijadikan sebagai modal pusingan awal atau pun dengan izin, seed money. Pada masa ini, tabung ini berjumlah kira-kira RM11.5 juta hasil daripada pelaburan yang dibuat oleh Pemegang Amanah ASAL ini.

ASAL adalah satu entiti yang baru diwujudkan dan di antara aktivitinya ialah mengadakan usaha sama dengan penduduk-penduduk tempatan dalam bidang perniagaan dan perdagangan supaya penduduk tempatan dapat menikmati peluang yang diwujudkan hasil daripada pembangunan ekonomi di Pulau Langkawi. Pihaknya sekarang sedang mengkaji peluang-peluang ini supaya dimanfaatkan oleh penduduk tempatan. Antara usaha yang scdang dirancang pada masa ini ialah pembangunan pusat seni kraftangan yang dinamakan "Projek Perkampungan Tanamas". Projek ini dijangka memberi peluang kepada pengusaha tempatan yang berpotensi untuk melibatkan diri dalam perniagaan kraftangan. Pihak ASAL akan menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan kepada pengusaha untuk memajukan perniagaan mereka. Di samping itu, ASAL juga akan melabur dalam pasaran saham dan keuntungan dari pelaburan Jni dapat meningkatkan lagi kedudukan tabung dan seterusnya akan dapat membantu penduduk Langkawi.

Peranan ASAL adalah selaras dengan apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Bcrhormat dari Padang Terap sebagai "social engineering" iaitu daripada sudut mengenal pasti peluang ekonomi yang boleh

melibatkan masyarakat tempatan dalam arus pembangunan ekonomi dan sosial di Langkawi. Dalam hubungan ini, sepertimana yang sedia maklum, LADA bersama-sama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain seperli LPP, FELCRA dan KEMAS, bertanggungjawab untuk meningkatkan tahap kesedaran penduduk tempatan supaya mereka dapat bersedia dan menerima pembangunan pesat yang berlaku sekarang ini.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Jerai hendak minta jalan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan sedikit. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tentang aktiviti ASAL, saya memang bersetuju dengan pandangan Padang Terap iaitu "Social engineering". Jadi, dari segi pelaburan pula, adakah ASAL juga akan berusaha sama dengan anak-anak tempatan Langkawi yang mempunyai tanah-tanah di kawasan-kawasan yang strategik untuk kita bangunkan tanah-tanah ini sebagai tapak pclancongan, perniagaan dan sebagainya kerana kebanyakan tanah-tanah milik anak-anak tempatan Langkawi ini kadang-kadang dijual setelah mereka ini mendapat tawaran harga yang begitu tinggi. Jadi, bagi jangka masa yang panjang, ini akan merugikan mereka sendiri. Jadi, adakah ASAL akan melibatkan diri dalam usaha sama dengan anak-anak tempatan dari segi pembangunan ekonomi?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Di antara pertimbangan utama yang diberikan oleh ASAL dalam melibatkan dirinya dalam kegiatan-kegiatan adalah dua: yang pertama, dari sudut keuntungan. ASAL perlu memastikan bahawa kegiatan-kegiatannya menguntungkan, dan dengan itu boleh memberi pendapatan yang sewajarnya kepada ASAL.

Yang kedua, pertimbangan ialah untuk menentukan penduduk Langkawi terlibat dalam kcgiatan-kegiatan ekonomi termasuk kegiatan-kegiatan ekonomi yang strategik yang mana dinyalakan oleh Yang Berhormat dari Jerai, di mana mungkin terdapat kawasan-kawasan tcrtentu yang perlu dimajukan. Dalam hal ini, ingin dimaklumkan bahawa pihak yang menguruskan ASAL ini mengamalkan sikap tcrbuka dalam melaksanakan pelaburan berpandukan kepada dua pertimbangan asas yang dinyatakan iaitu yang pertama, untuk memastikan dana ASAL ini dapat menjanakan pulangan yang sewajarnya yang munasabah; dan yang kedua, untuk memastikan penduduk Langkawi dapat tcrlibat sama dalam industri-industri yang difikirkan bermanfaat dan strategik kcpada penduduk Langkawi.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat)*

Jadi, dengan kegiatan-kegiatan ASAL serta bantuan daripada pihak LPP,FELCRA dan KEMAS adalah diharapkan kebimbangan yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap berkaitan dengan "culture shock", dengan izin, akan dapat diringankan.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap juga membangkitkan mengenai dengan isu pengindahan kawasan perkampungan dan mengubahsuai rumah-rumah kampung di sepanjang jalan menuju ke arah tempat-tempat pelancongan.Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan yang dijalankan di Langkawi adalah secara menyeluruh iaitu daripada aspek mcningkatkan pendapatan penduduk tempatan dengan melaksanakan program-program ekonomi yang berkenaan. Sejak Langkawi diberi pengiktirafan sebagai kawasan bebas cukai dan LADA diwujudkan bagi memajukan Langkawi sebagai pulau pelancongan, penduduk Langkawi telah mencapai suatu tahap pendapatan yang memuaskan dan dengan

itu telah berjaya sedikit sebanyak kita tingkatkan taraf hidup mereka. Peningkatan pendapatan mereka adalah hasil daripada usaha untuk memajukan diri dalam bidang ekonomi seperti mendirikan challets, perniagaan pengangkutan, penyediaan perkhidmatan makanan dan restoran, pemborong kecil dan lain-lain projek yang boleh menaikkan taraf hidup mereka.Secara tidak langsung, dengan melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan ini penduduk Langkawi akan dapat meningkatkan pendapatan dan kita berharap dengan meningkatnya taraf pendapatan mereka, bolehlah penduduk Langkawi memperbaiki keadaan rumah mereka termasuk mcngindahkan kawasan rumah.

Adalah tidak termampu untuk pihak LADA bagi memperbaiki dan mengindahkan kesemua rumah yang terdapat di Langkawi.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ada yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui bahawa di dalam proses pembangunan ekonomi, mana-mana masyarakat miskin, kalau peningkatan pendapatan berlaku, satu daripada prioritas yang dibuatnya ialah membina ataupun memperbaiki rumah ataupun membuat rumah baru. Ini kila akui. Tetapi oleh sebab di Langkawi, kita perlu ada "short—term target" ataupun sasaran jangka pendek yang mana pada masa ini orang luar selalu lalu di jalan-jalan dan di tepi-tepi jalan itu, rumah yang tidak clok. Saya mencadangkan dahulu bukan subsidi tetapi saya mencadangkan kcmungkinan diadakan satu skim pinjaman untuk memperelokkan rumah-rumah itu, yang di tepi jalan sahajalah. Sebab, kalau mengikut "natural process" nya, Tuan Yang di-Pertua, dalam kajian semua ahli-ahli ekonomi didapati bahawa orang yang mendapat hasil pendapatan yang meningkat, dia akan memperbaiki rumah, meningkatkan mutu makanan dan pemakanannya. Tetapi untuk Langkawi, kita perlu jaga imej Langkawi. Kerana setengah daripada rumah-rumah ini, Tuan Yang di-Pertua, jambannya terletak di depan rumah. Jadi, nampak menjolok mata. Jadi, apakah salah kita beri pinjaman yang mana kita tahu dia akan dapat membayar balik, untuk memperelokkan rumahnya dan untuk renovate rumah itu supaya ianya menjadi lebih indah dipandang—bukan semua.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tertakluk kepada sama ada terdapat peruntukan kewangan yang mencukupi, pihak LADA akan menimbangkan cadangan Yang Berhormat dari Padang Terap agar dapat diberi pinjaman daripada mereka yang berkenaan untuk memperbaiki rumah.

Unluk makluman Ahli Yang Berhormat, saya, seperti juga Ahli Yang Berhormat dari Arau dan lain-Iain, merupakan, dengan izin,regularvisitors, kepadaLangkawi dan dalam tempoh sejak 1hb. Januari 1987, sejak Langkawi diisytiharkan sebagai pelabuhan bebas cukai, saya dapati terdapat peningkatan yang amat ketara dalam bentuk rumah. Kalau dulu dindingnya buluh, atapnya nipah, lantainya nibung, tangganya nibung, tetapi hari ini saya nampak secara perlahan-perlahan ada yang sudah ada konkrit, sudah ada papan, sudah ada bumbung yang sempurna.

Jadi, tidak dapat dinafikan bahawa kcadaan rumah-rumah di Langkawi semakin hari semakin indah, semakin baik. Memang tidak dapat menepati sepenuhnya hasrat Ahli Yang Berhormat dari Padang Tcrap. Memang mungkin ada jamban-jamban di depan rumah, ini tidak boleh dipertikaikan. Tetapi kita tidak boleh juga pertikaikan ada pelancong yang ingin melihat begitu—keadaan sebenar. *(Ketawa)* Bukan kita hendak mempersendakan, tetapi yang dimaksudkan ialah ada pelancong yang

berminat untuk melihat keadaan Langkawi semulajadi sebelum dan selepas pembangunan. Pelancong yang datang ke Malaysia ini bukan semua hendak melihat rumah-rumah yang indah-indah, rumah konkrit seperti rumah mereka di Eropah, di Jepun dan di Taiwan. Jadi, kalau itulah yang dapat kita pamerkan kepada mereka, mungkin Malaysia tidak dapat mcnarik hati mereka. Tidak boleh kitapertikaikan hakikat bahawa ada di antara pelancong yang mungkin berminat hendak melihat Langkawi pada keadaan asalnya. Jadi.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *(Bangun)*

Tuan Vang di-Pertua: Ya. Jerai bangun pula.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju juga dengan pandangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang pelancong hendak tengok rumah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak tengok jamban di depan rumah itu! *(Ketawa)*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha! *(Ketawa)* Jadi, saya berasa peliklah kalau pelancong itu datang hendak tengok jamban. Kita ini, jamban hendak bubuh di belakang. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, yang itu satu dan saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap. Fasal kalau kita hendak beri pinjaman pun, kadang-kadang orang ini hendak bayar balik pinjaman itupun tidak boleh. Jadi, sekarang ini kita ada skim PPRT. Apa salahnya kalau bagi rumah-rumah yang keadaan sebegini, skim PPRT ini diberi. Tetapi janganlah diberi macam sekarang ini RM3,000 atau RM2.000 lebih. Jadi, untuk bilik bapa dengan emak sahaja. Anak hendak tidur sudah tidak boleh. Jadi, kita beri lebih sedikit, kemudian jamban-jamban ini kita ubah. Sebab kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, mereka masuk ke Langkawi, mereka tanya, "Bendera negeri Kedah macam mana? Bendera Malaysia macam mana?" Pasal mereka gantung baju, gantung singlet, gantung "cermin mata" di tepi jalan itu. Jadi, mereka pun keliru. Mereka tanya, "Mana satu bendera Malaysia?" Jadi, yang ini kita kena ubah. "Cermin mata" itu tahu sahajalah, hak orang tua-tua punya. *(Ketawa)*

Lagi satu, Tuan Yang di-Pcrtua, rintihan daripada anak-anak Langkawi ini, jadi hari ini kita nampak banyak pelabur-pelabur masuk ke Langkawi. Alhamdulillahlah, kita bcrsetuju dan secara tidak langsungnya mereka akan dapat nikmat juga. Kadang-kadang kita tengok rumah itu kecil sahaja, tetapi di bawah rumah ada kereta Mercedes. Hari itu saya tanya, "Ini kereta Encikkah?" Dia kata, "Tidak. Saya ini pemandu". Jadi, alhamdulillah dia boleh juga memandu kereta. Tetapi masalahnya hari ini, anak-anak Langkawi terutama sekali orang-orang yang melibatkan diri dalam pemborongan ini, kontraktor-kontraktor ini, mereka merintih. Kadang-kadang bila hotel-hotel besar dibina, projek-projek besar dijalankan, jadi anak-anak tempatan ini tidak dapat kontrak-kontrak ini. Kadang-kadang mereka kata sampai hendak tanam rumput pun tidak boleh—tanam rumput dan buat parit. Jadi, yang ini saya harap kalau boleh ASAL ataupun LADA tengok ke arah ini. Kerana kita kena melibatkan, jadi kita tidak mahulah tidak lama lagi bangunan dibina merata-rata di keliling, kemudian adalah rumah hamba Allah yang seorang ini terkapit di situ. Akhir-akhirnya, rumah dia pun dijual, dia hendak duduk di situ sudah tidak boleh. Dinding sebelah sini batu, sebelah sana batu, depan batu, belakang batu, dia duduk di tengah-tengah. Angin tidak ada. Jadi, dia kena pindah. Akhir-akhirnya, tanah ini akan hilang. Jadi, terus-terang hendak cakapkan, janganlah kita jadikan Pulau Langkawi itu macam Pulau Pinang pada hari ini. Hak asal itu sudah hilang. Kalau kita pergi ke Acheh Street, semua kita tengok rumah-rumah Melayu yang lama-lama itu, tetapi hari ini sudah dengan batu-bata dan mereka ini pergi ke

Balik Pulau. Kemudian akhir-akhirnya datang ke Seberang. Sekarang ini mercka pergi pula ke Kedah. Jadi, itulah saya harap ASAL tengoklah supaya orang ASAL itu dapat nikmatnya.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Sambung.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Nanli dulu! Nanti dulu! *(Ketawa)*

Tuan Mustapa bin Mohamed: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hari Ahad lalu saya berada di Beringin Beach Resort dan Beringin Beach Resort ini ada kaitan dengan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dan Ahli Yang Berhormat dari Jerai. Jadi, Langkawi ini bukan sahaja membcri faedah dan manfaat kepada penduduk Langkawi tetapi juga Ahli Yang Bcrhormat dari Jerai dan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap mendapat faedah juga. *(Ketawa)* Ini tidak ada kaitanlah. Jadi, apa yang saya maksudkan di sini, memang antara tujuan utama penubuhan AS AL ialah untuk membolehkan rakyat tempatan mcngambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan ekonomi. Kita sentiasa dengar rintihan penduduk tempatan, apabila Langkawi mula ditubuhkan, memang Kerajaan peka dengan rintihan yang disuarakan dan akibat daripada rintihan-rintihan ini yang mengatakan bahawa penduduk Langkawi tidak mempunyai tempat dalam Langkawi.dalam perniagaan dan sebagainya. Maka itulah sebab utama kenapa Kerajaan telah menubuhkan ASAL, dan Insya-Allah, kita harap dan kita berdoa, oleh kerana ASAL ini baru dan dengan pengurusan yang baik dan cekap maka ASAL akan dapat memberi manfaat yang sewajarnya kepada penduduk Langkawi.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, selepas mendengar niat ASAL daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, saya ingin bertanya sama ada ASAL ataupun LADA ada rancangan supaya untuk kepentingan anak-anak Langkawi, sebab pembangunan Langkawi ini begitu pesat sampai orang-orang atau anak-anak Langkawi itu tidak sempat hendak "ligan" orang Kedah kata. Jadi, adakah rancangan supaya di Langkawi itu kita adakan sekolah khas, sekolah di Langkawi itu mcsti ada sukatan pendidikan atau syllabus khas supaya anak-anak Langkawi itu dapat benar-benar merasai nikmat, misalnyadi sekolah-sekolah Langkawi sama ada sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah vokasional di sana diberi pengajaran-pengajaran teknik berhubung dengan pembangunan di Langkawi, berhubung dengan perhotelan sebab banyak hotel-hotel tumbuh, tidak ada peluang anak Langkawi, orang luar boleh masuk, anak Langkawi tidak ada latihan. Jadi, kita beri peluang kepada anak-anak Langkawi, oleh itu kita adakan syllabus khas untuk kepulauan Langkawi itu, sekolah khas di Langkawi supaya Langkawi ini menjadi seperti di Hawai.

Sekarang ini orang di Langkawi kalau dia bawa teksi, dia tidak tahu cerita Langkawi. Kalau macam di Hawai, drebar teksi pun dia tahu, macam di Bali drebar teksi di Hawai boleh cerita kisah Hawai—di Langkawi tidak bolehkah perkara ini berlaku?

Selepas itu di segi bisnes, orang Langkawi sekarang ini di segi ekonominya kurang sedikit.Misalnya biasa berlaku,bila kita tanya hendak beli cempedak, tanya berapa ringgit cempedak? Dia kata RM8. Saya tanya mengapa mahal sangat, dia kata "tadi orang itu ambil tiga guni, dia tidak tawar pun". Jadi bila dia jual mahal, dia untung sebiji pun cukup. Semangat yang menggunakan "basic economy" yang salah. Jadi kita hendaklah memberi penerangan di segi pelancongan. Misalnya di sekolah-

sckolah menengah dan di sekolah-sekolah vokasional di Langkawi hendaklah diadakan matapelajaran-matapelajaran khas, seperti pelancongan, perhotelan, teknik, cara mengambil gambar dengan kamera, orang Langkawi boleh mengambil gambar. Semua siapa-siapa yang pergi, Yang Berhormat dari Arau pergi pun dia ambil gambar, dia juallah. Jadi, berilah peluang kepada anak-anak Langkawi. Untuk tujuan ini kita mesti adakan syllabus khas, sukatan pendidikan atau kurikulum khas untuk anak-anak Langkawi. Saya rasa dengan keadaan ini dapatlah kita memberi peluang, kalau tidak orang luar yang ambil, orang Padang Terap, orang Arau semua dapat peluang, sebab mereka datang ke Langkawi, maka orang Langkawi tak "dan" untuk mengejar keadaan pembangunan di Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tak "dan". *(Ketawa)*

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, panjang soalan. Pukul 9.00 malam pun tidak habis nampaknya.

Yang pertama, bcrkaitan dengan sekolah khas, kita boleh kemukakan kepada Kementerian Pendidikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, memang sekarang ini sudah ada sebuah sekolah pelancongan yang didirikan oleh pihak KUB beroperasi di Delima Resort pada masa ini saya difahamkan bahawa sekolah pelancongan ini mendapat sambutan yang begitu baik daripada rakyat Malaysia. Jadi, itu bab pelancongan.

Berkaitan dengan Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar kata orang Langkawi tidak ada peluang hendak menyertai setengah-setengah kegiatan ekonomi, sebagaimana kita maklum amat sukar sekali hendak mcndapat tenaga kerja di Langkawi. Umpamanya, sebuah hotcl iaitu Berjaya Hotel yang baru dibuka bersama LIMA '93, terpaksa mengimport 150 orang daripada Albania untuk bekcrja. Jadi, tidak benarlah tidak ada peluang pekcrjaan di Langkawi, malahan banyak sekali dan malangnya oleh kerana tidak cukup orang Langkawi, terpaksa kita import daripada luar negcri.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan anak-anak tempatan ini, saya juga biasa bila pergi sebagai Wakil Rakyat kita tanya-tanya, menyiasat juga. Mengikut laporan, anak-anak Langkawi yang bekerja di hotel-hotel, gaji mereka tidak sama dengan gaji orang-orang seperti Filipina yang ramai bekerja di hotel sana, perbezaan gaji terlalu jauh, kerja lebih kurang sama, ini yang saya minta penjelasan.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Kalau inilah berlaku, Tuan Yang di-Pertua, maka perlu kita membuat aduan kepada Kementerian Sumber Manusia kerana kalau kerja yang dibuat itu sama sahaja dan gaji berlainan, ini satu kesalahan di bawah undang-undang negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan jawapan ini……

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagikah itu?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Lagi 5 minit, 10 minitlah paling banyak—sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Kerana kita ini suntuk sangat masa ya.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Saya pendekkan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, oleh kerana Yang Berhormat dari Padang Terap tadi telah mcmbangkitkan mengenai masalah pencemaran, perkara ini akan diambil perhatian oleh Kerajaan dan pada masa ini "beach comber" digunakan untuk membersihkan pantai-pantai supaya sentiasa bersih.

Berkaitan pembuangan sampah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap, ini juga sedang diperbaiki dan kajian sedang dibuat untuk membersihkan sampah-sampah ataupun membubarkan sampah dengan menggunakan incinerator, dan jika kajian didapati sesuai, maka kita percaya keadaan alam sekitar di Langkawi akan lebih baik lagi.

Baru-baru ini kita lahu bahawa di bawah skim penswastaan sistem sewerage, kita dimaklumkan bahawa projek pertama akan dilakukan di Langkawi, dengan itu juga akan dapat memperbaiki keadaan alam sekitar di Langkawi.

SeterusnyaYang Berhormat dari Kepong membangkitkan tentang pembabitan LADA dalam perkhidmatan feri, Kerajaan berpendapat bahawa dengan penglibatan LADA dalam perkhidmatan feri ini telah membawa kepada banyak improvement, dengan izin. Dengan adanya perkhidmatan yang lebih baik, lebih teratur, lebih selesa dan tepat mengikut jadual perjalanan, kita yakin sesungguhnya pembabitan LADA dalam pcrkhidmatan feri ini telah membawa banyak perubahan kepada perkhidmatan fcri antara Kuala Perlis ke Kuah dan juga Kuala Kedah ke Kuah.

Seterusnya Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan tentang keadaan jeti di Kuah yang dikatakan tidak mencukupi untuk menampung para pelancong. Ini juga disedari oleh Kerajaan pada tahun 1989 kita belanjakan RMll.5 juta untuk membesarkan jeti ini.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam kita akan membelanjakan RM8.I6 juta untuk membesarkan lagi jeli dan baru-baru ini Kerajaan telah memberikan persetujuan supaya jeti Kuah ini diperbesarkan lagi dengan peruntukan tambahan sebanyak RM9 juta, dan dijangka bahawa jeti baru ini apabila siap kelak, Insya-Allah, pada tahun hadapan dengan perbelanjaan RM9 juta ini akan dapat menampung kira-kira 1,400 orang penumpang pada satu-satu masa. Dan jeti ini akan terus diperbesarkan sehingga dapat memberi ruang 2,500 orang dan 18 feri boleh berlabuh pada satu-satu masa menjelang tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan tentang kenaikan harga sewa bilik hotel.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua, ini saya fasal.....

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang sangat, Yang Berhormat kita tidak sempat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Pendek, sebab ini orang Langkawi suruh khabar, jadi saya kcna khabar juga ini. Masalahnya begini, di jeti ini, dia tidak ada satu sistem bila orang hendak naik feri. Jadi bila kesesakan bcrlaku pada hari-hari biasa, orang berebut hendak masuk dalam teri itu dan ada langkah yang tidak kena, dia terjun masuk dalam laut. Ini membahayakan keadaan, saya harap kalau bolch pihak LADA ataupun pihak tertentu ini dapat membuat satu saluran yang tertib dan teratur, supaya orang yang hendak naik feri keluar dan masuk ini ada satu saluran tertentu. Sekarang ini dia bercampur. Jadi inilah masalah yang kita hadapi dan saya sendiri nampak masa LIMA tempoh hari yang setengah emak pegang anak, yang anak ramai pegang kiri kanan, dengan membawa beg, dengan membawa barang, jadi kelam-kabut. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pengurusan penumpang yang mungkin lemah khususnya pada masa-masa tertentu, dengan izin, peak hours, kita akan maklumkan kepada pihak yang berkenaan supaya memperkemaskan sistem pengurusan penumpang. Saya pun beberapa kali mcnaiki feri memang mengalami keadaan yang sama. Jadi, terima kasih Yang Berhormat dari Jerai.

Yang Berhormat dari Kepong mcmbangkitkan tentang kenaikan harga sewa bilik hotel. Kita mengambil perhatian pandangan Yang Berhormat dari Kepong, tetapi ingin dimaklumkan bahawa pada masa ini terdapat kira-kira 5,000 bilik hotel di Langkawi yang mana range ataupun pilihannya amat luas. Olch hal yang demikian,bagi mereka yang kurang mampu bolehlah menginap ditempat-tempat seperti Beringin Beach Resort dan tempat-tempat lain yang murah sedikit berbanding dengan 5-star hotel. Jadi pilihannya banyak sekali dan tidak harus membimbangkan.

Baru-baru ini Kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap pengusaha-pengusaha yang mcningkatkan bayaran kadar sewa hotel semasa kita menganjurkan LIMA yang dirasmikan pada 7hb. Disember yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Ahli Yang Berhormat Kepong juga membangkitkan tentang isu kilang simen di Langkawi yang menjadi punca pencemaran. Perkara ini telah pun diambil maklum oleh Jabatan Alam Sekitar dan adalah difahamkan bahawa melalui tindakan Jabatan tersebut, langkah-langkah positif telah pun diambil untuk mengawal pelepasan habuk dan melakukan penyelenggaraan tempat berkenaan dengan lebih teratur dan dengan itu keadaan alam sekitar di kawasan Teluk Ewa di mana kilang simen terletak sedikit-sebanyak telah berubah dan keadaan ini kan sentiasa diawasi kerana jika pencernaran lebih serius berlaku, sudah tentu ia akan menjejaskan Langkawi sebagai pusat pclancong utama di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Padang Terap.Kepong dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kcdua dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disctujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kcdua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal I hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dcngan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang kctiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN) 1993

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.53 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yangdi-Pertua, saya memohon untuk mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibentangkan untuk bacaan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan kepada Akta Saraan Hakim 1971 adalah untuk memasukkan perkara mengenai Saraan Pesuruhjaya Kehakiman ke dalam Akta Saraan Hakim 1971. Pada

masa ini saraan Pesuruhjaya Kehakiman ditentukan oleh Kerajaan dalam surat perlantikan seorang Pesuruhjaya Kehakiman. Kerajaan telah meluluskan saraan baru Pesuruhjaya Kehakiman berkuatkuasa mulai 1hb.Januari, 1992.Oleh itu, adalah wajar saraan Pesuruhjaya Kehakiman juga dimasukkan dalam Akta Saraan Hakim 1971 dengan meminda scksyen 19 Akla berkenaan.

Seterusnya pindaan juga dicadang dibuat bagi membolchkan seorang Hakim yang bclum mencapai umur 50 tahun meletakkan jawatan dan menerima perlantikan lain atas kepentingan negara tanpa hilang kemudahan pencen dan lain-lain seperti yang layak ditcrima oleh seseorang pegawai dalam Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan adalah merangkumi seksyen 5 Akla tcrsebut bagi membolehkan tempoh perkhidmatan seseorang Hakim yang bcrkhidmat dalam jawatan lain atas kcpentingan ncgara boleh diambilkira sebagai tempoh perkhidmatannya sebagai Hakim.

Pindaan juga dibuat bagi mewujudkan scksyen baru 8C untuk memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong mcnghendaki seorang Hakim berkhidmat dalamjawatan lain atas kcpentingan negara. Akhir sekali pindaan dicadangkan kc atas scksyen 12 Akta bagi membolehkan seorang Hakim berkhidmat dalam jawatan lain menurut seksyen 8C yang dicadangkan itu menerima penccn dan graduitinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahdi hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

(Tidak ada perbahasan)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sckarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kcpada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa)*

Fasal I hingga 8 diperintahkan jadi scbahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO.2) 1993

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.58ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Setem 1949 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Pindaan-pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang telah dikemukakan semasa pembentangan Belanjawan 1994 baru-baru ini. Saya mohon memberi penjelasan mengenai bebcrapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undangini.

Bab I Rang Undang-undang mengandungi peruntukan-peruntukan permulaan sahaja. Bab II adalah berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 4 bertujuan meminda takrif "approved scheme" di bawah seksyen 2 Akta untuk memasukkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Tujuan pindaan ini ialah untuk membolehkan KWSP terus menikmati pengecualian cukai yang diberi kepadanya. Pengecualian cukai yang dinikmati oleh KWSP tidak dapat diteruskan setelah Akta KWSP dipinda pada tahun 1991. Pindaan ini telah menjadikan KWSP bercanggah dengan syarat-syarat untuk mendapat taraf skim diluluskan ataupun, dengan izin, approved scheme,

Oleh hal yang demikian, pindaan ini perlu untuk mengekalkan pengecualian cukai yang dinikmati oleh KWSP scbelum pindaan Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang seorang pembayar cukai yang mempunyai pendapatan bercukai RM 10,000 dan ke bawah layak mcndapat rebat sebanyak RM60 bagi dirinya sendiri dan RM30 bagi isteri.

Fasal 5 bertujuan meminda subseksyen 6A (2) untuk menambahkan rebat yang dibenarkan kepada individu kepada RM90 dan bagi isteri dinaikkan kepada RM50. Pindaan ini memberi faedah kepada golongan berpendapatan rendah dan akan menjadikan sistem cukai pendapatan individu lebih progresif lagi. Pindaan ini akan berkuatkuasadari tahun taksiran 1994.

Dalam Belanjawan 1993,kadar caruman wajib oleh majikan kepada KWSP telah dinaikkan daripada 11% kepada 12%.

Selaras dengan pindaan ini, Fasal 6 *(a)* bertujuan meminda perenggan *(a)* subseksyen 34 (4) dengan menambahkan jumlah sumbangan maksimum majikan yang dibenarkan untuk tujuan pengiraan pendapatan larasan daripada 15% kepada 16% pendapatan pekerja. Pindaan ini dijangka dapat mcnggalakkan majikan memberi sumbangan lebihan kepada KWSP dan setcrusnya meningkatkan tabungan pekcrja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan pembangunan masyarakat yang berilmu dan berbudaya membaca, Fasal 6 *(b)* bertujuan meminda subseksyen 34 (6) dengan memasukkan perenggan baru "(g)" untuk membenarkan potongan bagi perbelanjaan berhubung dengan penyediaan kemudahan Perpustakaan Awam dan sumbangan kepada Perpustakaan Awam dan perpustakaan di sekolah dan institusi pendidikan tinggi. Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah terhad kepada RM100,000.

Demi menggalakkan majikan menyediakan beberapa kemudahan untuk kebajikan pekerja-pekerjanya, Fasal 8 bertujuan meminda seksyen 44 Akta untuk memberi potongan dua kali ganda berkenaan dengan derma yang dibuat dalam tempoh 1 hb. November, 1993 hingga 31 hb. Januari, 1994 kepada Kumpulan Wang Rumah Kos Rendah Kerajaan yang diuruskan oleh Bank Negara.

Fasal ini bertujuan memasukkan organisasi yang ditubuhkan bagi pemuliharaan alam sekitar sebagai, "organisation", dengan izin, di bawah subseksyen 44 (7). Dengan pindaan ini sumbangan yang dibuat oleh organisasi ini oleh pembayar cukai dibenarkan scbagai potongan bagi tujuan cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk menggalak pengajian tinggi dalam negeri, Fasal 9 bertujuan meminda seksyen 48 untuk menambahkan pelepasan cukai berhubung dengan anak yang menerima pendidikan di universiti atau institusi pendidikan tinggi di Malaysia daripada sekali kepada empat kali ganda pelepasan biasa.

Seterusnya pelcpasan cukai berkenaan dengan anak yang menerima pendidikan di institusi yang seumpamanya di luar Malaysia, dikurangkan daripada maksimum scbanyak cmpat kali ganda kepada dua kali ganda pelepasan biasa. Fasal ini juga memperuntukkan bahawa bagi pelajar-pelajar yang telah memulakan pcndidikan sedemikian di luar Malaysia dalam tahun kalcndar 1993 atau mana-mana tahun kalendar terdahulu, potongan maksimum sebanyak empat kali ganda pelepasan biasa adalah dikekalkan.

Bagi pemastautin Malaysia Timur, pelepasan cukai sehingga cmpat kali ganda pelepasan biasa berkenaan dengan anak yang telah memulakan pendidikan di Malaysia Barat dalam tahun 1993 atau dalam mana-mana tahun kalendar terdahulu adalah diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini had maksimum pelepasan cukai bagi caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang diluluskan dan premium insurans atau takaful ialah RM3.500 setahun. Ini adalah sebagai langkah menggalakkan tabungan serta perkembangan industri insuran atau takaful.

Fasal 10 *(b)* dan *(c)* bertujuan meminda subseksyen 49 (1) dan (1A) untuk menambahkan pelepasan cukai bagi sumbangan kepada kumpulan wang simpanan yang diluluskan dan bayaran premium insurans nyawa daripada RM3,500 kepada RM5,000.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut seksyen 60D, subseksyen (5), sebuah syarikat dianggap sebagai syarikat modal teroka atau venture capital company sekiranya di antara lain syarikat tersebut melabur 100% dalam projek yang berisiko tinggi dan berteknologi baru. Syarat ini adalah terlalu kctat untuk membolehkan syarikat rnenikmati galakan yang disediakan.

Dengan itu Fasal 12 bertujuan meminda takrif "vcnture capital company" dengan mensyaratkan syarikat sedemikian melabur sekurang-kurangnya 70% daripada pelaburan dalam projek berisiko tinggi dan berteknologi baru.

Fasal 13 *(c)* bertujuan meminda takrif "qualifying services"dalam subseksyen 60E (7) untuk membenarkan suatu "approved operational hcadquarters company" mengadakan perkhidmatan pengurusan perbendaharaan dan kumpulan wang untuk syarikat yang berhubungan dengannya dan pejabatnya di luar Malaysia dan mcngadakan kemudahan kredit daripada kumpulan wang yang dipinjam dari luar Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan dibawah Fasal 15,16 dan 26 adalah selaras dengan cadangan Belanjawan untuk mengurangkan kadar cukai syarikat daripada 34% kepada 32% mulai tahun taksiran 1994.

Fasal 15 bertujuan seksyen 108 dengan memasukkan subseksyen baru (2C) yang memperuntukkan bahawa cukai pada kadar 32% akan disifalkan telah dipotong daripada dividen yang diterima oleh pemegang saham dalam tahun 1993 sementara potongan cukai berkenaan dengan dividen yang dibayar oleh syarikat-syarikat dalam tahun 1993 bagi maksud subseksyen 108 (4) hendaklah pada kadar 32%.

Fasal 16 pula bertujuan meminda scksyen 110 untuk memperuntukkan bahawa cukai yang boleh dipotong daripada

dividen dalam tahun 1993 yang dibenarkan bagi pemegang saham bagi tahun taksiran 1994 hendaklah disifatkan sebagai pada kadar 32%.

Fasal 26 bertujuan meminda perenggan 2, Bahagian I, Jadual 1 kepada Akta untuk mengurangkan kadar cukai pendapatan daripada 34% kepada 32% berkenaan dengan syarikat bukan pemastautin badan amanah, seorang pcnerima dan wasi bagi sescorang individu yang pada masa kematiannya bermastautin di luar Malaysia.

Fasal 17 hingga 25 bertujuan menambahkan penalti yang diperuntukkan dalam seksyen 112 hingga 120 untuk memastikan pematuhan yang lebih baik kepada peruntukan Akta. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini perbelanjaan oleh majikan untuk membina atau menyediakan tempat kediaman kepada pekerjanya adalah tidak layak menuntut sebarang elaun modal. Demi menjaga kebajikan pekerja dan mengatasi masalah perumahan yang dihadapi sekarang maka Fasal 27 dipinda.

Fasal 27 bertujuan mcminda Jadual 3 kepada Akta untuk mcngadakan pcruntukan bagi elaun bangunan khas untuk diberi berkenaan dengan tempat tinggal yang diadakan oleh orang yang menjalankan perniagaan pengilangan untuk pekerja bukan pengurusan, bukan pentadbiran dan bukan Kerani. Elaun bangunan khas juga akan diberi untuk kemudahan penjagaan kanak-kanak yang diadakan oleh majikan. Elaun bangunan khas ini adalah dalam bentuk potongan sebanyak 1/10 daripada perbelanjaan tersebut setiap tahun selama sepuluh tahun.

Selaras dengan usaha memperteguhkan asas pembinaan dan pengembangan proses memperkayakan jiwa bangsa, Fasal 28 *(b)* dan *(c)* bertujuan mcminda Jadual 6 Akta untuk menambahkan pengecualian berkenaan dengan pendapatan yang didapati oleh penulis dan artis kepada RM20,000. Dan berkenaan dengan pcndapatan yang didapati oleh penterjemah dan penggubah muzik kepada RM 12,000.

Fasal 28 *(d)* pula bertujuan mengecualikan pcndapatan berkenaan dengan Bon Simpanan yang dikcluarkan oleh Bank Ncgara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, galakan Elaun Pelaburan Semula (EPS) akan tamat pada 31 hb. Disember, 1995. Kadarnya ialah 40% bagi syarikat besar dan 50% bagi syarikat kecil. EPS adalah diberi kepada syarikat pengilangan yang menjalankan aktiviti pernbesaran, pemodenan dan pelbagaian. Sebagai langkah menggalakkan syarikat yang sedang beroperasi, merancang dan menambah pclaburan.

Fasal 29 bertujuan meminda Jadual 7A kepada Akta dengan menambahkan elaun pelaburan semula daripada 40% kepada 50% bagi syarikat besar dan elaun ini dilanjutkan kepada suatu tempoh yang tidak ditetapkan selepas 31hb. Disember, 1995.

Tuan Yang di-Pertua, Bab III merupakan pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Fasal 31 bertujuan memasukkan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand sebagai orang yang boleh dikenakan cukai.

Fasal 34 *(b)* pula bcrtujuan mcngurangkan kadar cukai pendapatan petroleum daripada 45% kepada 40% dan menyatakan kadar-kadar cukai tertentu berkenaan dengan pendapatan yang diperolehi daripada operasi petroleum di Kawasan Pembangunan Bersama.

Fasal 35 bertujuan mengadakan satu peruntukan baru iaitu seksyen *65B* bagi memberi kuasa kepada Menteri untuk memberi pengecualian cukai mcngenai dengan apa-apa perjanjian yang dibuat di antara Kerajaan dengan Kerajaan negara asing berhubung dengan aktiviti petroleum huluan di kawasan yang bcrtindih.

Tuan Yang di-Pertua, Bab IV ialah pindaan kepada Akta Setem 1949. Fasal 39 bertujuan meminda perenggan 9 (1) *(c)* Akta dengan menambah dua tarikh pembayaran duti yang telah dikompaun yang sedia ada kepada empat tarikh pembayaran. Tempoh untuk pembayaran ataupun melakukan liabiliti tambahan telah dilanjutkan daripada lapan hari kepada empat belas hari selepas hari pertama.

Fasal 40 bertujuan meminda seksyen 80 Akta untuk memberi kuasa kepada Menteri mcngurangkan atau meremitkan amaun tambahan yang kena dbayar sebagai akibat kegagalan atau kelewatan membayar duti yang telah dikompaun.

Fasal 41 pula bcrtujuan menghapuskan duti setem yang kena dibayar atas sijil saham dengan memotong butiran 70 Jadual Pcrtama kepada Akta. Pindaan-pindaan lain merupakan pindaan kecil atau berbangkit yang dibuat untuk melengkapkan lagi undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Bcrhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta bernama Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 1993 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Arau.

7.12 mlm.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Yang di-Perlua, yang pertama sekali kita menyokong, sebab ini merupakan penjelasan daripada Belanjawan yang telah dibentangkan baru-baru ini.

Saya hendak menyentuh dua perkara sahaja. Pertamanya Fasal 28, sumbangan Kerajaan kepada artis, penulis dan sebagainya, iaitu yang diberi RM20,000, RM 12,000 pengecualian dan sebagainya. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, kita tahu bahawa pada suatu masa dahulu terdapat seorang penulis dan ada juga beberapa orang artis yang mengadakan mogok kerana membantah di atas penguatkuasaan yang tidak begitu kuat sehingga menyebabkan berlaku cetak-rompak, pencurian penulisan dan sebagainya. Jadi, saya hendak bertanya pada Yang Berhormat, dalam masa kita menguatkuasa undang-undang ini, barang-barang itu dirampas. Tetapi apakah sesuatu dibuat untuk tujuan Cukai Pendapatan, pendapatan orang yang barangnya dirampas tadi. Orang yang barangnya dirampas tadi, Tuan Yang di-Pertua, ada bank akaun. Jadi, apakah dibuat untuk memastikan yang bank akaun mereka yang sudah pun dijual—mungkin mereka telah jual begitu banyak, lebih banyak daripada pendapatan penulis atau artis. Macam Tuan Yang di-Pertua seorang penulis yang saya cukup kagumi, mungkin besok tulisan Tuan Yang di-Pertua orang akan curi. Jadi, royalti Tuan Yang di-Pertua sudah separuh orang beli—buku Tuan Yang di-Pertua itu mungkin kulit tebal dan mahal, jadi orang beli dengan kulit lembut yang dicuri cetak. Jadi, Tuan Yang di-Pertua melepas.

Saya hendak tanya apakah dibuat kepada pendapatan orang yang telah kita rampas tadi—tidak ada! Sekarang ini pendapatan pihak penguatkuasa Kementerian menangkap barang, tetapi bank akaun tidak dicek. Tidak ada undang-undang yang hendak cek bank akaun. Jadi, sejauh mana—sebab kita tahu di bawah Cukai Pendapatan ada Akta, dia boleh menangkap penjual "kari kepala ikan" di Stadium Negara, di Kampung Pandan, di Pasar Budaya; dibolehkan tangkap. Saya ingat tiap-tiap kali berlaku rampasan, cetak-rompak dan sebagainya, kita minta supaya pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri terlibat sama untuk melihat bank akaun dan sebagainya. Dengan itu, kita rampas keduanya ataupun undang-

undang yang membolehkan dia menjelaskan di manakah dia dapat pendapatan. Kalau dia tidak boleh jelas, rampas dan bayar balik penulis, artis dan sebagainya yang terlibat dari segi penulisan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, di samping menyokong Rang Undang-undang ini, saya minta supaya pihak Cukai Pendapatan menyiasat orang lari daripada cukai, kerana perniagaan-perniagaan yang tak perlu dia isytiharkan cukai. Dia tidak payah pakai cashing machine yang boleh membuktikan dia perlu bayar cukai perkhidmatan kepada Kerajaan. Dia tidak perlu, maknanya dia bayar cash. Saya bukan mengatakan kedai kampung tak perlulah—kasihan kepada mereka. Ini bukan soal kasihan, Tuan Yang di-Pertua. Soalnya kita mesti beri pelajaran supaya orang-orang jangan anggap bahawa undang-undang ini tak kena, sebab dia tak hendak faham. Macam orang buat dosa—katanya, "masa aku buat dosa sebelum aku tahu, salah atau tidak salah?" Katalah dia melakukan satu dosa besar. Dia kata masa itu dia tak tahu, dia jahil, jadi tak berdosa. Setengah orang tidak hendak ambil tahu, sebab kalau dia tahu, nanti dia berdosa. Demikian juga undang-undang ini, dia tidak hendak ambil tahu, dia hendak beri Tok Hakim memihak padanya, kadang-kadang Tok Hakim pun simpati juga, memihak kepadanya, jadi dia kata dia tidak tahu undang-undang, dia orang kampung dan sebagainya—tak boleh. Siapa yang buka premis perniagaan, dia mesti terlibat dengan urusniaga yang berdaftar. Dan orang pergi makan pun, kaya macam mana pun, dia pasti dapat resit yang dimakannya. Dengan itu, ada timbal-balik, dan rakyat Malaysia kita boleh tingkatkan ke tahap yang dia ada kelas sedikit. Orang jual cendol dan teh tarik—dia tarik sampai pusing-pusing, sebenarnya dia boleh sara anak-isterinya di negara asalnya. Setengah orang itu boleh balik ke negaranya. Saya sendiri pun tak boleh pergi negara yang berkenaan. Dia boleh balik sebulan enam kali beri ration dan sebagainya, tetapi cukai tak kena.

Tuan Yang di-Pertua: Beri ration itu apakah dia? *(Ketawa)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Beri ration? Macam dia cakap kerling mata, Tuan Yang di-Pertua. Saya baru faham sahaja. Beri ration ini maknanya bagi orang sudah kahwin dia kenalah balik jumpa beri nafkah batin dan sebagainya. Dia tak kena cukai. Jadi, mesti dibuat supaya semua adil rakyat Malaysia sama ada dia rakyat Malaysia, pendatang luar dan scbagainya.

Akhirsekali,TuanYangdi-Pertua,yang ketiga berkenaan hakim—tidak sempat saya bercakap fasal hakim. Bagus, cukai pendapatan hakim pun kita beri, ini tak patut sebut. Tetapi saya sebut sepintas Ialu supaya Kementerian Undang-undang ambil perhatian. Ini berkenaan Tok-lok Hakim zaman moden—masa Yang di-Pertua dahulu okay, clear elok. Hakim zaman moden ini tak punctual. Kadangkala dia datang ke pejabat ikut suka hati dan sebagainya. Gaji sudah diberi naik, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat Tok Hakim mestilah datang ke pejabat mengikut waktu pejabat dan buatlah kerja dengan penuh tanggungjawab. Kita harus sedarlah baru-baru ini Ketua Hakim Negara pun sudah sebut. Banyak Hakim-hakim yang kadangkala terlewat membuat pembicaraan kerana terlewat datang ke pejabat dan sebagainya.Siapa hendak tegurTokHakim. Siapa berani tegur Tok Hakim, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua jadi Tok Hakim dahulu pun saya pun mengenepi, tak bcrani. Jadi, hendak menunjukkan bahawa oleh kerana tidak ada orang tegur, jadi Ketua Hakim Negara tegur baru-baru ini bahawa tindakan disiplin akan diambil. Kita juga hendak beritahu Tok Hakim supaya punctual sedikit, sebab kalau Tok Hakim tak punctual, lawyer pun tak punctual. Ada lawyer beritahu saya tadi katanya Tok Hakim datang lewat pun bagus juga, scbab dia tak kena buang kes dan sebagainya.

Jadi, perkara-perkara orang bercakap ini kena ambil perhatian, sebab gaji sudah naik sampai ke tahap cukup memuaskan, lebih tinggi semasa Tuan Yang di-Pertua jadi Tok Hakim dahulu. Tok Hakim baru-baru ini minta perhatikan supaya mereka punctual sedikitlah. Kalau Perdana Menteri boleh datang pukul 8, Tuan Yang di-Pertua, dia patut boleh datang pukul 8 pagi. Ini dia dalang semasa kes hendak bicara, dia keluar daripada kereta, terus tukar baju pergi bicara terus, kadangkala tak sempat tengok paper. Jadi, kita mahu supaya datang pukul 8 pagi, baca dahulu, selepas itu pakai baju elok-elok pergi bicara. Jangan keluar dari kereta terus pakai baju, tak elok. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kalau tak bercakap baguslah.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab. Tidak banyak yang diucapkan itu. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila menjawab.

Tuan Mustapa bin Mohamed; Minta maaf, saya ingat Jerai hendak bercakap tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Jerai tak bercakap.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat dari Arau kerana mengemukakan dua pandangan. Yang pertama ialah bcrkaitan dengan peniaga-peniaga yang terlibat dalam cetak-rompak dan merampas hak orang lain, di mana Arau mencadangkan agar serbuan-serbuan yang dibuat oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menguatkuasakan peraturan undang-undang itu diikut serta oleh pcgawai-pegawai daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Saya perlu menyemak perkara ini sama ada pegawai-pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri ikut serta dalam scrbuan-serbuan ini.Setahu saya,mereka tidak ikut serta dan kita akan mengambil pandangan dan perhatian.

Pandangan dari Ahli Yang Berhormat dari Arau agar pegawai-pegawai dari Jabatan Hasil Dalam Negeri ikut serta semasa Pegawai Penguatkuasa menyerbu premis-premis mereka yang mencetak-rompak atau merampas hak-cipta orang lain. Sebenarnya mengikut pcraturan cukai pendapatan,sesiapa sahaja perlu membayar cukai sama ada wang itu datang dari sumber halal—sumber penggajian biasa ataupun wang tersebut datang dari sumber-sumber, dengan izin, money laundering sepertimana yang mungkin diperolehi oleh mereka yang tcrlibat dalam kegiatan-kegiatan cetak-rompak dan merampas ini. Kita mengambil perhatian atas cadangan Yang Berhormat dan kita akan mengemukakan cadangan ini kepada pihak berkenaan, iaitu Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Cadangan kedua Yang Berhormat ialah supaya urusniaga yang berdata diperkenalkan di mana resit-resit dikeluarkan. Mereka yang menjual goreng pisang di tepi jalan mungkin, dan juga pihak-pihak lain yang bergiat dalam perniagaan kecil hendaklah dididik supaya menyimpan rekod akaun yang sistematik dan dengan itu Kerajaan dan pihak berkenaan dapat menyemak tahap pendapatan mereka sebenarnya. Selain dari memperkemaskan akaun dan rekod mereka, mungkin dengan cara itu dapat Kerajaan menguatkuasakan peraturan dengan mengenakan cukai di mana perlu, umpamanya cukai perkhidmatan ataupun cukaijualan dimana prcmis-premis tertentu mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan mengikut threshold, dengan izin. Maka jika jualannya melebihi sesuatu

angka, memang premis tersebut perlu membayar cukai. Persoalannya pada masa ini,ada yang menjalankan urusniaga berdata ataupun mengeluarkan resit dan ada yang tidak. Jadi, Yang Berhormat menyarankan agar rakyat Malaysia khususnya peniaga ini dididik supaya mereka menggunakan data dan resit dan dengan itu dapat mempertingkatkan lagi kutipan hasil. Saya ucapkan terima kasih kepada cadangan Ahli Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan.dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 dan 2—

Tuan Pengerusi: Saya rasa ada pindaan. Ada, ya?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Ada tiga pindaan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: 3 pindaan? Tolong berikan saya satu salinan. Ya, Fasal 1 dan 2. Fasal I dan 2 jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 3—

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 3(1) dan 3 (2) dipinda dengan memotong perkataan "27 *(b)'"* Pindaan ini bertujuan memulakan kuatkuasa Fasal 27 *(b)* dari tahun taksiran 1994 seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 1994 dan bukannya dari Ihb. Januari 1994.

Fasal 41 dipinda dengan menggantikan Fasal yang sedia ada dengan berikut: "Pindaan Jadual Pertama". Jadual Pertama kepada Akta Ibu adalah dipinda *(a)* dalam butiran 31 di bawah tajuk "Proper.....

Tuan Pengerusi: Nanti Yang Berhonnat, baca tentang pindaan kepada Fasal 3 dahulu. Kita belum sampai lagi Fasal 41.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Terima kasih, minta maaf. Pindaan kepada Pasal 3 adalah seperti berikut;

Fasal	Pindaan
3(1)	Potong perkataan "27 *(b).".*
3 (3)	Potong perkataan ", 27 *(b) ".*

Huraian

Pindaan kepada Pasal (3) (1) dan 3 (3) bertujuan untuk memulakan kuatkuasa fasal 27 *(b)* dari tahun taksiran 1994 dan bukannya dari Ihb. Januari 1994.

(English Translation)

Clausc	Amendment
3 (1)	Delete the words "27 *(b).".*
3 (3)	Delete the words ", 27 *(b)* ".

Explanatory Statement

The amendment to Clauses 3(1) and 3 (3) is to bring into force Clause 27 *(b)* as from the year of assessment 1994 instead of from the Ist. January 1994.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan yang telah pun dikemukakan tadi, dikemukakan untuk dibahas.

(Tiada Perbahasan)

Fasal 3 sepertimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 4 hingga 40 diperintahkan jadi sebahagiandaripadaRangUndang-undang.

Fasal 41—

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 41 dipinda dengan menggantikan Pasal yang sedia ada dengan Fasal baru 41 seperti berikut:

"Pindaan Jadual Pertama 41. JadualPertamakepada Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam butiran 31, di bawah tajuk "Proper Stamp Duty", dengan menggantikan amaun "$1.00" dengan amaun "$1.50";dan

(b) dengan memotong butiran 70.".

Huraian

Pindaan kepada Fasal 41 bertujuan menaikkan kadar duti setem yang kena di bayar atas nota kontrak daripada $1.00 kepada$1.50.

(English Tmnslation):

Substitute thc existing Clause with the following:

"Amendment of First Schedule 41. The First Schedule to the principal Act is amended—

(a) in item 31, under the heading "Proper Stamp Duty", by substituting for the amount "$1.00" the amount "$1.50";and

(b) by deleting item 70.".

Explanatory Statement

The amendment to Clause 41 is to increase the rate of stamp duty payable on contract notes from $1.00 to $1.50.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan seperti yang dicadangkan itu sekarang ini terbuka untuk dibahas.

7.26 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat menerangkan dengan pindaan seperti ini dengan amaun RM1.50 menggantikan RMl, apakah jumlah amaun yang dapat dikutip oleh pihak Kerajaan di dalam setahun atas kenaikan ini? Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Pengerusi, saya tidak ada butir-butir ini. Dengan secara kasarnya, Kerajaan menjangkakan dapat meningkatkan hasil sebanyak 50% daripada apa yang dikutip pada masa ini.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan seperti dicadangkan itu dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Fasal 41 sepertimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 42 dan 43 diperintahkan jadi sebahagiandaripadaRangUndang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) 1993

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.30 mlm.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967 dibaca bagi kali yang kedua.

Di sini saya mohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini. Akta Kastam l967 ialah undang-undang yang mentadbir dan mengawal pungutan cukai kastam di mana perlaksanaan Akta ini dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja.

Tujuan utama Akta ini ialah untuk memungut hasil untuk Kerajaan dan dalam perlaksanaan fungsi ini, Akta tersebut mengenakan kawalan-kawalan tertentu dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Oleh itu, adalah penling supaya peruntukan-peruntukan Akta ini dipinda dari masa ke semasa untuk melaksanakan langkah-langkah terbaru yang diperkenalkan bagi maksud untuk memudahkan perlaksanaan kegiatan perdagangan dan perindustrian serta untuk mengatasi apa-apa kelemahan yang terdapat di dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkembangan baru yang penting dalam bidang perdagangan dan perindustrian di negara ini ialah keputusan Kerajaan untuk melaksanakan Aligned Documentation System/Electronic Data Interchange ataupun ADS/EDI di negara ini. Sehubungan dengan ini, keputusan telah dibuat supaya projek sistem maklumat kastam iaitu projek untuk memkomputerisasikan kegiatan-kegiatan Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja dihubungkan secara eksklusif dengan rangkaian pertukaran data elektronik (EDI Network) yang akan diadakan di bawah projek ADS/EDI negara. Dengan cara ini, maka satu perhubungan melalui komputer akan diwujudkan di antara pihak Jabatan dengan clientalnya. Di bawah sistem ini kelak, semua urusan di antara pihak cliental dan Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja rnengenai pengimportan, pengeksportan, kawalan, pelepasan dan bayaran cukai ke atas barang-barang serta perkhidmatan boleh diuruskan melalui perhubungan komputer tersebut sahaja. Sistem ini adalah lebih cekap berbanding dengan sistem tradisional yang dipakai sekarang di mana setiap urusan itu memerlukan pihak cliental bertemu secara fizikal dengan pegawai kastam.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu, Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja telah merancang serta mengambil langkah ke arah mewujudkan di antara sistem maklumat kastam dengan rangkaian pertukaran data elektronik. Dalam hal ini, untuk membolehkan urusan di bawah Akta Kastam 1967 dikendalikan melalui perhubungan komputer kelak, maka Akta ini perlulah dipinda.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta Kastam 1967 untuk memasukkan takrif perkataan-perkataan "dokumen", "komputer" dan "pertukaran data elektronik". Takrif ini diperlukan kerana ianya merupakan perkara asas yang digunakan dalam pcrlaksanaan ADS/EDI.

Fasal 6 pula bertujuan meminda proviso kepada seksyen 145 Akta Kastam 1967 untuk membolehkan borang-borang yang dikemukakan melalui sistem pertukaran data elektronik digunakan dalam urusan-urusan di bawah Akta tersebut.

Akta Duti Tambalbalas dan Anti Lambakan 1993 telah pun diluluskan oleh Parlimen dan Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja adalah dipertanggungjawabkan untuk memungut duti tersebut.Sehubungan dengan itu, Fasal 2 bertujuan untuk memberi kuasa kepada pegawal kastam untuk memungut duti tersebut. Di bawah Fasal ini, takrif "customs duty" di bawah seksyen 2 Akta Kastam 1967 dipinda untuk mentakrifkanjuga duti timbal balas dan duti anti lambakan sebagai salah satu komponen customs duty.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memudahkan penetapan amaun duti timbal balas atau pun duti anti lambakan oleh mahkamah dalam satu kes yang didengar mengenainya, maka Fasal 5 bertujuan memasukkan seksyen baru 122C untuk mengadakan peruntukan bagi membolehkan perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah mengenai amaun duti timbal balas atau anti lambakan yang kena dibayar sebagai bukti mencukupi bagi tujuan mahkamah. Pada masa ini, tarik balik duti diperuntukkan di bawah seksyen 93 dan seksyen 99 Akta Kastam 1967. Di bawah seksyen 93, tarik balik duti dibenarkan bagi barang-barang import yang kemudian dieksport semula dalam bentuk asalnya.

Di bawah seksyen 98 pula, tarik balik duti dibenarkan bagi bahan mentah import yang digunakan dalam pengilangan. Di bawah peruntukan semasa, terdapat masalah untuk menuntut tarik balik duti berkaitan barang-barang yang dibekalkan ke kedai bebas cukai atau pun gudang pengilangan berlesen. Semasa barang tersebut dibekalkan, tarik balik tidak boleh dituntut oleh pembekalnya atas duti import yang telah dibayar kerana barang itu masih belum dieksport. Bagi barang-barang yang dibekalkan ke kedai bebas cukai, tarik balik hanya dapat dituntut apabila barang-barang ini dibeli dan dibawa keluar oleh pelancong-pelancong.

Mengenai bahan mentah yang dibekalkan ke gudang pengilangan berlesen pula, tarik balik dapat dituntut apabila bahan-bahan berkenaan diperkilangkan untuk dijadikan barang siap dan seterusnya dieksport. Memandangkan pengeksportan ini dibuat oleh operator kedai bebas cukai ataupun pengilang, mengikut peruntukan semasa.mereka adalah layak menuntut tarik balik itu kerana pengeksportan sebenar dilakukan oleh mereka, walaupun duti import ke atas barang tersebut dahulunya adalah dibayar oleh pembekal. Dengan itu, disebabkan masalah teknik ini, seorang pembekal tidak boleh menuntut tarik balik ke atas duti import yang telah dibayar olehnyajika barang-barang dibekalkan terus kepada kedai bebas cukai atau pun gudang pengilangan berlesen.

Untuk mengatasi masalah ini, Fasal 3 bertujuan meminda Akta Kastam 1967 untuk memasukkan peruntukan baru ke dalamnya, iaitu seksyen 92A bagi tujuan mentakrifkan pergerakan barang-barang ke dalam kedai bebas cukai atau pun gudang pengilangan berlesen sebagai "eksport semula", atau, dengan izin, "re-export". Dengan pentakrifan ini, maka seorang yang membekalkan barang-barang yang telah dibayar duti kepada kedai bebas cukai ataupun gudang pengilangan berlesen akan dibolehkan menuntut tarik balik atas duti yang telah dibayar olehnya atas barang itu.

Pada masa ini juga, seksyen 99 Akta tersebut hanya membenarkan tarik balik duti diberi ke atas bahan mentah yang telah dijadikan barang siap melalui pengilangan, tetapi tidak membenarkan juga tarik balik ke atas bahan mentah yang menjadi sisa pengilangan. Ini adalah tidak wajar memandangkan duti import juga telah

dibayar atas bahan sisa itu. Dengan itu, Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 99 Akta Kastam 1967 untuk membolehkan tarik balik juga diberi ke atas bahan sisa pengilangan.

Pindaan ini dicadangkan mulai satu peruntukan baru, iaitu di bawah subseksyen (1A) kepada seksyen ini. Selain dari itu, subseksyen (2) kepada seksyen 99 juga perlu dipinda bagi maksud pembetulan di mana perkataan "manufacture" digantikan dengan perkataan "manufacturer".

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan apa-apa perbelanjaan tambahan kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas, Padang Terap.

7.38 mlm.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengalu-alukan pindaan Rang Undang-undang ini, iaitu meminda Akta Kastam 1967 yang sebahagian besar darinya adalah untuk menyesuaikan Akta ini dengan penggunaan sistem ADI Network yang mana saya mengambil peluang di sini untuk memberi tahniah kepada pihak Kerajaan yang tclah membolchkan pihak Jabatan Kastam yang merupakan satu Jabatan yang penting di dalam pentadbiran negara, khususnya di mana pada masa ini kita perlu mempertingkatkan kebolehan Kerajaan untuk mengutip cukai-cukai kerana yang penting pada masa ini ialah pendapatan ataupun revenuc Kerajaan perlu didapati sebanyak-banyaknya untuk membayar ongkos pembangunan ke arah penubuhan satu masyarakat ataupun satu sistem ekonomi yang berasaskan perdagangan antarabangsa dan juga perindustrian.

Saya harap dengan adanya inovasi dari segi pentadbiran ini akan mempercekapkan lagi Jabatan Kastam, khususnya di dalam pengutipan cukai dan eksais yang pada masa ini kita ada "sales and service tax" dan kemungkinan ada "value added tax" di hari muka nanti. Kerana mengikut trend sekarang, kita ke arah itu dan kita harap apabila masanya datang nanti, pihak Jabatan Kastam akan dapat menangani cabaran untuk memperkemas dan mempcrkuatkan lagi kebolehannya untuk mengutip cukai, dan pindaan-pindaan ini adalah penting.

Berekoran dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit mengenai dengan Jabatan Kastam yang mana perkara ini tidak dipercakapkan oleh rakyat ataupun Wakil-wakil Rakyat dahulu kerana ianya melibatkan imej Jabatan Kastam sendiri; iaitu peristiwa kehilangan barang-barang peribadi (personal) yang datang dari luar negeri yang mana telah saya bangkitkan apabila kita membahaskan Kementerian Pengangkutan baru-baru ini. Saya bukanlah bertujuan di sini untuk menuduh Jabatan Kastam ataupun pegawai-pegawai kastam mengambilnya. Kerana dipercakapkan di kalangan masyarakat bahawa ini adalah satu daripada tanggungjawab pihak Kastam dan pihak keselamatan di dalam gudang penerimaan kargo dan selalunya dituduh pihak Kastam. Saya tidak menuduh di sini, tetapi tujuan saya bercakap di sini ialah kerana saya dua kali mengalami peristiwa ini.

Pada tahun 1971, apabila pengajian saya habis di Amerika Syarikat, saya pulang dengan membawa banyak barang-barang yang dibeli di Amerika Syarikat dan barang-barang ini dibubuh di dalam kotak yang

besar dan diuruskan oleh satu syarikat forwarding (forwarding company), iaitu KC Dat dari Pulau Pinang. Apabila barang-barang saya sampai di rumah, satu pertiga daripada barang-barang yang saya beli di Amerika Syarikat itu hilang. Bila saya membuat komplen kepada forwarding agent, dia kata, "Sorry, benda ini Kastam yang ambil". Dia kata, bukan saya kata. Tetapi oleh sebab pada masa itu kerana disebabkan saya terlalu seronok dapat balik ke lanah air selepas lima tahun berada di luar negeri, saya tidak peduli sangatlah satu pertiga barang-barang yang mahal telah hilang seperti Corningware, termasuk sweater, T-shirt dan lain-Iain lagi yang saya bawa balik untuk diberi hadiah kepada saudara-mara.

Tiga minggu yang lalu, sekali lagi berlaku yang mana empat dozen bunga kristal yang saya pesan, yang dibawa balik oleh sahabal saya, juga hilang dan apabila mereka membuat komplen kepada forwarding agent, agen itu kata, "Kastam ambil". Dan apabila kita dengar cerita-ccrita lain—banyak—ianya berlaku kepada everybody, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Ini didakwa dalam percakapan. Bukan saya hendak tuduh Kastam di sini tetapi didakwa dan dituduh pihak kastam. Jadi, tidak ada orang yang bercakap, tidak ada orang yang mahu menjadikan isu perkara ini, tidak ada orang tulis di dalam mimbar pembaca, tidak ada siapa yang komplen secara public. Tetapi ianya berlaku dan jari ditunjuk kepada pihak Kastam. Bukan saya yang menunjuk. Saya walaupun mengalami kecurian, tetapi saya tidak tunjuk. Ditunjuk oleh orang-orang di lapangan terbang.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan di dalam jawapannya dulu, dia kata seoalah-olah tidak boleh buat apa kerana di dalam itu banyak kumpulan dan Yang Berhormat mengatakan bahawa pihak "security" sekarang di bawah Malaysia Airport Bhd. pun mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawainya. Seorang pegawai yang mengambil satu barang kecil sahaja dibuang kerja. Telapi di sini, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kastam dalam "debate" ini dan pihak Airport Security serta juga pihak Malaysia Airport Bhd. supaya diadakan satu sistem yang mana perkara "pilfering" ini—dalam bahasa Inggerisnya "pilfcring"—ataupun mengambil ataupun mencuri secara sedikit-sedikit ini dihakiskan, dibuangkan daripada kita mendedahkan pegawai-pegawai kita kepada tuduhan. Benda ini berlaku! Apabila ianya berlaku, wallahhualam, siapa yang ambil. Tetapi ianya mendedahkan pihak-pihak yang berkuasa itu termasuk Kastam kepada tuduhan.

Jadi, satu tindakan sewajarnya perlu diambil. Kita tidak boleh merasa ataupun bersikap "helpless" kerana ini di bawah kawalan kita. Jadi, di sini saya mengharapkan pihak "internal affairs" kalau adapun di dalam Jabatan Kastam memikirkan tentang hakikat ini. Saya tahu di hotel-hotel besar ada orang yang menjual barang-barang ini. Kalau dulu dijualnya jam yang tiruan. Jam Rolex yang dibuat di Taiwan, tetapi sekarang jam Rolex yang dijualnya adalah jam Rolex yang betul-betul. Kalau jam Rolex itu harganya RM2,000, Tuan Yang di-Pertua, dia jual hanya RM 1,000 sahaja. Tuan Yang di-Pertua boleh pergi ke "coffee house" hotel yang besar-besar. Saya pun hendak beli. Tetapi saya tanya barang-barang itu diambil dimana. Dia seludupkah atau smuggle? Dia kata "tidak", dia ambil daripada kawan-kawan daripada "airport", daripada pelabuhan dan lain-lain lagi yang "menolak" kepadanya dan barang-barang itu "genuine". Charles Jourdan, Dunhill, Rolex, Pierre Cardin—barang-barang yang mahal. Kalau tidak percaya, pergilah ke hotel- holel di antara pukul 8.30 malam hingga pukul 11.00 malam—di "coffee house" Hotel Pan Pacific, di Hotel Hilton, di Hotel Istana, di Hotel Shangri-La dan hotel-holel besar yang lain yang mana barang-barang ini dijual. Saya bukan berasa sakit hati kepada Kastam,

saya kasihan kerana jari dituding kepada Pegawai-pegawai Kastam. Satu "exercise" yang sepatutnya diambil oleh pihak "internal affairs" Kastam untuk menghapuskan perkara ini.

Dari segi akhlak, Tuan Yang di-Pertua, tidak baik. Kerana kalau pegawai kastam ambil, kalau dijualnya pun berdosa, kalau diambilnya berdosa, digunanya sendiri pun berdosa. Empat dozen bunga kristal yang dibeli di London itu mahal. Kalau diambil dan dibubuh di rumah pun, itu berdosa. Ini akhlak. Asasnya akhlak pegawai-pegawai. Kalau ia tidak ada akhlak, ini perlu dicari jalan selain daripada "control", kita kena membinalah akhlak pegawai-pegawai bukan sahaja Kastam, yang mana orang yang bertanggungjawab di situ. Sekarang kita bahaskan pasal Kastam, saya sebut Kastamlah, Tuan Yang di-Pertua. Hari itu saya sebut tentang "security" di airport dan di pelabuhan.

Orang yang kena curi, Tuan Yang di-Pertua, dia tidak halalkan. Saya pada masa itu ialah seorang pegawai yang baru balik daripada belajar, bukan ada duit banyak sangat. Barang yang saya beli adalah daripada "savings" saya. Daripada "savings" saya bekerja di sana sebagai pengutip epal, "savings" saya bekerja di sana sebagai tukang mandi kuda—habis diambil. Jadi dari segi saya, apabila barang saya kena curi, saya kata, "Saya tidak halalkan dari dunia hingga ke akhirat". Itu sumpahan saya. Orang-orang Islam, apabila seorang itu tidak menghalalkan dari dunia sehingga akhirat, dia kena jawab di akhirat nanti dan dia kena cari dan kalaulah ini dipakai oleh anak-anak orang yang mencuri—T-shirt yang saya beli untuk anak-anak saudara saya, untuk anak-anak sahabat saya, dipakai oleh anak orang yang mencuri; anak itupun berdosajuga, kerana pakai benda yang dicuri. Jadi, soal ini bukan soal mengambil secara fizikal tetapi soalnya adalah akhlak. Soal mengambil barangyang dicuri, menjual barang yang dicuri dan mengguna barang yang dicuri. Jadi, saya tidak menuduh. Tuan Yang di-Pertua, saya membuat "qualification" disini, saya sekali-kali tidak menuduh Kastam tetapi apa yang saya ceritakan di sini adalah peristiwa "phenomenon" yang sedang berlaku bertahun-tahun, peristiwa "pilfering" yang manajari ditunjuk kepada pegawai-pegawai Kastam yang ada di situ.

Jadi, orang-orang yang membawa masuk barang-barang ini dia tidak ada masalah untuk membayar cukai. Kalau cukai dibayar, pergi kepada Kerajaan. Hendak bayar cukai tetapi apabila dia ambil, saya tidak kena bayar cukai pada masa itu. Agen K. C. Dat di Pulau Pinang mengatakan saya tidak payah bayar cukailah, kerana depa sudah ambillah. Cuma saya bayar caj servis untuk K. C. Dat. Saya tanya, "Tidak ada taxkah"? Dia kata, "Tidak adalah, depa sudah ambil". Jadi, soal ambil cukai kepada Kerajaan, tidak apa. Tetapi cukai diambil daripada barang yang kita beli itu adalah satu perkara yang cukup tidak bermorat, Tuan Yang di-Pertua.

Saya lagi sekali, saya tidak menuduh sesiapa tetapi saya mintalah kalau Kastam mengawal kawasan itu, saya mintalah diwujudkan kalau tidak ada unit "internal affairs" sekalipun, wujudkan satu-satu unit untuk mencari jalan membasmikan perbuatan ini dan untuk mempastikan bahawa perkara yang tidak diingini oleh Allah S.W.T. mahupun masyarakat sendiri tidak dilakukan oleh pegawai-pegawai kita dari mana jabatan sekalipun, yang mana birokrasi ataupun Jabatan-jabatan Kerajaan Malaysia adalah dikenali sebagai jabatan-jabatan yang cekap, yang beramanah dan yang bersih dari segi pentadbirannya.

Dengan itu, saya menyokong dan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat); Kepong, selepas ilu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen diminta jawab.

7.50 *mlm.*

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong); Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap itu betul, saya pun kadangkala menghadapi masalah yang serupa juga.

Tuan Yang di-Pertua, adalah usahayang perlu untuk mengemaskinikan sistem pungutan cukai disemua bahagian Kastam di seluruh negara. Dan di dalam usaha untuk mengemaskini, untuk memodenkan itu mungkin beberapa perkara hendaklah kita fikirkan dengan semasak-masaknya.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya mengenai ADS dan Electronic Data Interchange (EDI). Sukalah saya minta penerangan dari Yang Berhormat siapakah yang akan bertanggungjawab untuk ADS dan EDI ini? Adakah badan-badan swasta ataupun satu syarikat swasta yang diberi kontrak untuk mengadakan ADS dan EDI ini yang canggih dan rumit? Walhal masalah pungutan atau duti di Kastam ini memang satu masalah yang rumit, yang wujud bertahun-tahun lamanya.Dan sehingga satu kebudayaan sendiri yang wujud, sama ada kebudayaan yang baik atau kebudayaan yang buruk, sama-samalah berjalan berdekad-dekad. Dengan adanya ADS dan EDI besar kemungkinan yang canggih untuk memoden dan memudahkan kerja adalah juga canggih untuk menyeleweng. Bukan sahaja pilfering yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap, ini boleh disifatkan rompakan besar-besaran boleh berlaku dengan menekan butang sahaja kita tahu macam mana boieh dibuat untuk menyeleweng, untuk menipu pihak Kerajaan ataupun bersubahat dengan segelintir orang di dalam Kastam. Saya bukan sebutkan semua pegawai Kastam, semua pegawai yang berkhidmat adalah menyeleweng. Saya percaya kebanyakannya itu adalah orang baik, ikhlas, komited, beriltizam dan bersih. Bagi semua yang bersih ini saya menghormati, cuma segelintir, "setitik nila sahaja, rosak susu sebelanga." Itu sahaja saya tumpukan perhatian.

Yang Berhormat patutlah menerangkan bagaimana kita boleh mengelakkan daripada berlakunya aktiviti-aktiviti yang tidak baik, dengan menggunakan ADS dan EDI. Sistem ini kita tidak ada pengalaman, memang Singapura dan negara-negara yang lain mempunyai sistem serupa daripada manakah sistem ini kita perolehi untuk negara ini? Sama ada daripada Eropah, United Kingdom ataupun daripada Amerika Syarikat?

Saya mencadangkan mungkin pihak Kementerian dapat mempertimbangkan, mewujudkan satu badan kawalan ke atas semua ini, kerana bukan sahaja ini dikomputerkan, kalau tidak ada badan seperti ini, memang perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi akan berlaku. Cuba lihat, Tuan Yang di-Pertua, di Bank Negara yang mempunyai kawalan dalaman dan dengan kawalan inipun tidak cukup untuk mengelakkan dari berlakunya segelintir kakitangan yang menggunakan kecanggihan komputer untuk menipu bank, dengan melesapkan wang berjuta-juta ringgit. Dan dengan adanya Kastam di seluruh negara sama ada diutara.diselatan, di Sarawak, di Sabah, di Melaka, di seluruh negara, bagaimana kita dapat mengawal semua sistem ADS dan EDI ini. Saya boleh fikir, kita boleh anggap segelintir syarikat-syarikat mungkin mempunyai orang yang canggih, yang boleh membuat rancangan melalui komputer-komputer ini bagaimana kita boleh mengelakkan duti.

Saya percaya ada orang seperti ini boleh menggunakan sistem ini untuk menipu Kerajaan, sama ada dengan bantuan daripada segelintir pegawai ataupun tidak.

Perkara yang kedua ialah mengenai barang-barang yang mengelak duti dan eksais.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan perkara yang baru, satu perkara yang lumrah. Di Kuala Lumpur sendiri ada kedai-kcdai, kita boleh pergi bukan sahaja di hotel-hotel; di

kedai-kedai. Ada kedai-kedai khas yang diketahui umum di mana kita boleh dapat barang-barang yang lebih murah, bukan sahaja dari aktiviti penyeludupan, bahkan juga dari aktiviti melalui Kastam.

Kalau segelintir pegawai tidak bersubahat dengan pihak luar, macam mana barang-barang seperti ini boleh wujud? Itu mustahil. Dengan sebab itulah memang kaedah kawalseliaan ke atas penyelewcngan seperti ini mesti diadakan untuk mengelakkan daripada berlakunya dengan berleluasa penyelewengan dan terdapatnya barang-barang yang tidak dibayar cukai yang dapat dijual di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara ialah mcngenai takrif "re-export" ini yang lebih luas di dalam seksyen 93, 94 dan 99.

Saya tidak begitu faham walaupun ada penjelasan sedikit tadi ungkapan dari eksport dalam peruntukan-peruntukan ini akan meliputi pergerakan barang-barang gudang yang dilesenkan di bawah seksyen 65A dan juga pergerakan ke kedai bebas cukai yang dilesen di bawah seksyen 65D.

Di sinilah saya tidak begitu faham di aniara gudang yang dilesenkan dan kedai bebas cukai.

Sebenarnya di antara ini memang ada banyak perkara yang unik boleh berlaku. Saya pun tidak faham macam mana mereka dapat menguruskan semua ini di antara gudang dengan kedai bebas cukai, walhal kedai-kedai bebas cukai sudah banyak sekarang, bukan sahaja di Subang, Langkawi dan banyak tempat lagi ada kedai-kedai seperti ini. Adakah kedai-kedai ini benar-benar mengikut peraturan ataupun mcrnpunyai jalan dan saluran yang lain untuk menguruskan semua ini?

Satu perkara lagi mengenai kuasa Ketua Pengarah untuk menyatakan amaun duti tirnbal-balas atau anti-larnbakan yang kena dibayar. Di sini, masalah duti timbal-balas dan anti-lambakan ini adalah masalah yang saya tidak begitu faham kerana ini memang rumit. Saya tidak mahu menyaksikan lambakan tetapi bagaimanakah di sebalik kita tidak mahu lambakan tetapi kalau ada bayar duti, kita boleh membenarkan lambakan. Adakah ini maksudnya?

Mengenai pemulangan balik duti di seksyen 99, iaitu untuk membolehkan pemulangan balik duti kastam atas pembuangan sampah-sarap hasil daripada pengilangan barang-barang. Bolehkah Yang Berhormat terangkan macam mana pemulangan balik atau tarik balik ini dapat dibuat dan memang sampah-sarap ini satu technical terminology. Apakah yang dimaksudkan?

Itulah sahaja dan saya berharap supaya cadangan saya untuk mengadakan badan kawalan ke atas sistem ADS dan EDI ini dapat diadakan supaya kita boleh benar-benar mencegah segala aktiviti penyelewengan yang boleh berlaku.

Kedua, mengenai penyeludupan dan penyelewengan yang dilakukan oleh segelintir pegawai yang mewujudkan barang-barang yang lebih murah. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Padang Terap bahawa barang-barang ini adalah barang tulen yang memang boleh didapati di setengah-setengah tempat dengan birokrasi dan red-tape yang ada sekarang. Kalau kita dapat mengurangkan red-tape dan birokrasi ini, mungkin masalah-masalah tersebut dapat diselesaikan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dijemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dan Kepong kerana mengambil bahagian membahaskan pindaan kepada Rang

Undang-undang Kastam ini. Perkara-perkara yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan penyelewengan dan cara-cara bagaimana sistem ADS dan EDI yang dicadang diperkenalkan ini dapat memperbaiki pentadbiran Kastam dan dengan itu mungkin dapat mengalasi bcberapa masalah yang dihadapi sekarang ini.

Antara tujuan utama mengapa Rang Undang-undang ini dibentangkan ialah untuk memperkemaskan lagi pentadbiran Kastam dan dengan itu kita berharap tahap efficiency keberkesanan Jabatan Kastam akan meningkat. Kitajuga berharap dengan pelaksanaan sistem ini, penyelewengan yang mungkin sedikit sebanyak berlaku pada hari ini dapat dikurangkan. Itulah spirit Rang Undang-undang ini dan kita berharap dengan lulusnya Rang Undang-undang ini pihak Kastam akan dapat melaksanakan tugasnya dengan lcbih baik, dcngan lebih berkesan dan lebih cekap.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap membangkitkan tentang masalah "pilfering" yang antara lain dikatakan merupakan satu masalah yang dihadapi oleh beliau sendiri sebanyak dua kali sekurang-kurangnya. Yang pertama semasa membawa balik barang selcpas belajar di luar negeri dan yang keduanya 4 dozen bunga kristal yang datang dari London.

Pihak Kerajaan memang tidak menafikan perkara-perkara seperti ini berlaku. Kadang-kadang Kerajaan mungkin bersikap defcnsif, dalam erti kata tidak ingin mengakui bahawa satu kelemahan itu berlaku. Dalam hal ini, oleh kerana ia berlaku kepada Yang Berhormat, sudah pasti ianya berlaku. Cuma punca masalah ini, adakah perkara ini bcrlaku dalam transit, adakah perkara ini berlaku scmasa dalam simpanan Kastam ataupun ia berlaku semasa disimpan oleh pihak "forwarding agent". Itu kalau kita hendak jawab sccara defensif. Tetapi kalau kita hendak jawab secara positif, kita memandang scrius perkara seperti ini. la tidak harus berlaku sama sekali dan Kerajaan mengambil perhatian yang berat atas aduan yang dibuat oleh Yang Berhormat dan kita akan menjalankan tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk memastikan perkara-perkara seperti ini tidak berulang.

Memang benar mereka yang melakukannya mungkin mempunyai akhlak yang kurang membanggakan dan jika mereka berakhlak murni sudah pasti mereka tidak sanggup hendak "pilfer" barang-barang yang dibawa masuk daripada luar negeri. Memang sistem yang ada sekarang membolehkan melalui transitnya, melalui storagenya dan beberapa peringkat sebelum barang-barang dapat diterima oleh pemilik asalnya. Memang sistem yang ada boleh membawa kepada masalah piifering. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Terap kerana membangkitkan masalah kehilangan barang-barang peribadi ini yang dibawa daripada luar ncgeri.

Keduanya, YangBerhormat dari Kepong membangkitkan beberapa persoalan berkaitan dengan ADS dan EDI. Soalan yang pcrtama ditanya ialah,adakah perkara ini hendak diswastakan? Di segi kawalan siapa yang akan melakukannya? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyelarasan sistem ADS dan EDI ini akan dipertanggungjawabkan dan diselaraskan oleh Kementcrian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Akan terdapat bebcrapa agensi lain selain daripada Kastam yang terlibat oleh kerana ia melibatkan perdagangan antarabangsa, iaitu eksport dan import. Maka Kerajaan memikirkan wajar bagi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk bertanggungjawab bagi menyelaraskan ADS dan EDI ini.

Yang Berhormat juga ingin tahu dari mana sistem ini akan diambil, sama ada diswastakan ataupun tidak. Untuk ini Kerajaan masih lagi dalam peringkat perbincangan, dengan izin, final stages perbincangan untuk memastikan sistetn

mana yang patut dilaksanakan. Dalam melaksanakan sistem ini sudah pasti kita akan adakan kerjasama yang rapat dengan pihak swasta. Pihak swasta pada masa ini sudah pun ada sebuah syarikat yang ditubuhkan bernama EDI yang antara tujuannya adalah untuk membantu jabatan-jabatan Kerajaan termasuk Kastam bagi membolehkan urusan ADS dan EDI ini dilaksanakan dengan lebih berkesan dan sempurna. Sama ada dengan adanya ADS dan EDI ini boleh mengelakkan daripada penyelewengan, kerana mengikut Yang Berhormat dari Kepong, semakin kita ada sistem yang canggih maka ada ruang juga untuk orang-orang tertentu yang boleh menembusi sistem yang canggih. Contoh yang diberikan ialah Bank Negara di mana walaupun sistem kawalan yang canggih diadakan tetapi ini tidak boleh mengelakkan 100% daripada penyelewengan.

Kerajaan mengakui bahawa bukan sahaja peraturan dan undang-undang yang dapat menentukan keberkesanan dan kelicinan sesuatu operasi itu tetapi yang penting juga ialah manusia. Di dalam hal yang demikian, kita sentiasa berusaha untuk menutup segala lubang-lubang yang membolehkan penyelewengan berlaku dan saya ingin memberi jaminan bahawa pihak Kerajaan akan mengambil perhatian akan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi.

Seterusnya Yang Berhormat ingin penjelasan tentang takrif mengenai tarik balik definisi yang lebih luas. Apa yang berlaku pada hari ini seorang pengilang ataupun pemilik kedai bebas cukai memang layak untuk menerima, jika kita menjalankan perniagaan bebas cukai, maka takrif bebas cukai itu bermaksud kesemua barang yang kita dapat dalam kedai itu dibebaskan daripada cukai. Apa yang berlaku kadang-kadang ada kes berlaku di mana pengimport membayar cukai tetapi dia layak menuntut balik cukai tersebut. Katakan kita bawa arak, dia beli satu souse di mana cukai dibayar tetapi dibawa ke Langkawi. Dalam kes begitu, pengimport tersebut layak menuntut balik cukai yang dibayar itu.

Jadi, apa yang berlaku hari ini di bawah sistem yang ada, proses yang diambil adalah terlalu lama. Pengusaha itu hanya boleh menuntut balik bayaran cukai apabila umpamanya dalam kes arak itu dieksport mengikut peraturan yang baru diperkenalkan ini, ianya dengan izin, almost automatic, tidak perlu menunggu barang tersebut dieksport.Bermakna tujuan Rang Undang-undang ini diperkenalkan ialah untuk memperkemaskan, untuk membolehkan, untuk memberi lebih keselesaan untuk menjadikan sistem lebih cekap lagi supaya duti yang memang layak dituntut balik oleh pemilik kedai tersebut dapat dituntut balik dalam masa yang singkat. Sekarang ini memakan masa yang lama.

Begitu juga, gudang berlesen ini bermakna seorang boleh menyimpan barang-barang dalam gudang berkenaan. Jadi, kadang-kadang sebelum menyimpan barang itu, orang berkenaan membayar cukai walaupun ia tidak perlu membayar cukai kerana ketika barang itu dieksport kembali, maka ia tidak perlu membayar cukai. Tetapi jika sekiranya cukai sudah dibayar, dimasukkan dalam gudang berlesen dan selepas itu dieksport kembali barang itu, maka pemilik gudang berlesen berkenaan kena tunggu sehingga barang itu dieksport. Dengan adanya peraturan baru ini, pemilik gudang tidak perlu menunggu lama untuk menuntut balik cukai yang memang menjadi haknya yang boleh dituntut balik.

Inilah penjelasan ringkas berkaitan dengan prosedur tarik balik.

Berkaitan dengan kuasa Ketua Pengarah duti timbal balas ini, apa yang dimaksudkan di sini ialah mengikut peraturan jika Kerajaan memikirkan suatu barangan daripadaluar negara itu dijual dengan harga yang paling rendah, yang tidak berpatutan, maka ini sudah berlaku dumping ataupun lambakan. Dalam keadaan sedemikian, maka Kerajaan mengikut undang-undang

yang telah pun diluluskan oleh Parlimen boleh mengenakan cukai ke atas barang tersebut bagi mempertahankan (protect) kedudukan barang-barang keluaran dalam negeri.

Dalam kes demikian, mengikut Rang Undang-undang ini, Ketua Pengarah Kastam boleh memastikan ataupun mengenakan cukai yang sewajarnya ke atas barang tersebut dan apa yang diputuskan oleh Ketua Pengarah Kastam itu boleh digunakan sebagai bukti dalam mahkamah. Itu sahaja yang dimaksudkan berkaitan dengan kuasa Ketua Pengarah.

Dan akhirnya, berkaitan dengan sisa, apa yang berlaku pada masa ini, ini ada kaitan dengan apa yang telah saya jelaskan tadi, yang boleh dituntut balik cukai hanyalah bahan mentah tetapi tidak bahan mentah untuk sisa. Jadi, ini hanya memperluaskan kemudahan yang ada. Pada masa ini kemudahan tarik balik itu hanya terhad kepada barangan-barangan yang digunakan sebagai bahan mentah untuk mengeluarkan barangan akhir ataupun final product.

Dengan pindaan ini apa yang dimaksudkan barang-barang yang diimport yang mana menjadi sisa juga boleh ataupun layak menuntut tarik balik duti ataupun pembayaran balik duti ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah penjelasan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dan Kepong dan saya bagi pihak Kementerian Kewangan ingin mengucapkan terima kasih di atas minat kedua-dua Ahli Yang Berhorrnat mengambil bahagian dalam perbahasan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukabagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa)*

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.16 mlm.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk suatu Akta untuk meminda Akta Eksais 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini ringkas sahaja, ia merupakan pindaan-pindaan, dengan izin, secara consequential, kc atas Rang Undang-undang Kastam yang baru diluluskan oleh Dewan ini.

Di sini saya mohon memberi sedikit penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini. Sepertimana yang telah diterangkan dalam ucapan saya bagi meminda Akta Kastam, pindaan kepada Akta Eksais juga perlu dibuat bagi mengambil kira pelaksanaan sistem pertukaran data elektronik.

Fasal 2 bertujuan meminda sub-seksyen 2 (1) Akta untuk memasukkan takrif perkataan-perkataan "dokumen", "komputer" dan "pertukaran data elektronik" dalam Akta tersebut.

Fasal 3 pula bertujuan meminda proviso kepada seksyen 48 Akta Eksais untuk membolehkan borang-borang yang dikemukakan melalui sistem pertukaran data elektronik digunakan dalam urusan-urusan di bawah Akta tersebut.

Rang Undang-undang ini tidak melibatkan apa-apa perbelanjaan tambahan kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis sekarang ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Eksais, 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kepong.

8.18 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pindaan ke atas Akta Eksais ini ialah consequential sahaja, saya tidak akan mengambil masa yang panjang kerana apa yang telah saya sebulkan mengenai pindaan Akta Kastam tadi adalah untuk Akta ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ada dokumen sebagai takrif, erti yang diberi, berkenaan "komputer" ini, memang komputer menggunakan takrif-takrif yang tertentu. Tetapi di sini ada tersebut:

> dengan memasukkan selepas takrif "botol" takrif yang berikut;
>
> dokumen mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Keterangan 1950";

Ini merujuk kepada Akta Keterangan 1950—saya tidak ada salinan itu di sini. Walau bagaimanapun, dengan sistem komputer mungkin "dokumen" ini mempunyai erti yang berlainan.

Mengenai pindaan ke atas Fasal 3 meminda proviso kepada seksyen 48 untuk membolehkan Ketua Pengarah membenar penggunaan borang-borang ini dikemukakan melalui pertukaran data elektronik. Dan dimasukkan selepas perkataan "sesuatu borang yang tidak dicetak atau dikeluarkan sedemikian" perkataan "seperti yang disebut terdahulu, atau membenarkan penggunaan apa-apa borang yang dikemukakan melalui pertukaran data elektronik".

Di sini, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat mengenai borang-borang ini siapakah akan keluarkan? Adakah dari Ketua Pengarah sendiri ataupun daripada syarikat-syarikat boleh membuat borang juga? Itu mengikut pcrtukaran data clektronik. Adakah itu yang dimaksudkan di sini? Ataupun adakah mereka terpaksa mendapat borang daripada pihak Kementerian ataupun Kastam untuk tujuan tersebut? Itu sahajalah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen diminta jawab.

8.22 *mlm.*

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Kepong. Saya tak berapa faham persoalan yang dibangkitkan oleh beliau, tetapi saya ambil maklum dan ambil perhadan pandangan dan ulasan beliau mengenai borang-borang ini. Ingin dimaklumkan bahawa borang-borang akan dikeluarkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja, bukan oleh pihak-pihak yang lain. Tetapi sebelum dikeluarkan, sudah pastilah

Jahatan Kastam akan berunding dengan clientsnya iaitu pengeksportdan pcngimport untuk memastikan bahawa borang-borang lersebut senang dan difahami dan juga borang-borang tersebut telah selaras dengan peraturan perdagangan antarabangsa yang mana terdapat defmisi dan kod-kod yang seragam. Jadi, dengan ringkasnya, untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Kepong, borang-borang akan dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kastam setelah berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Bcrhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikcmuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bcrsidang scbagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa)*

Fasal I hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN) 1993

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.25 mlm.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua,saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang berlajuk suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 dibaca bagi kali yang kedua. Saya mohon membcri penjelasan mengenai bebcrapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini. Bagi tujuan pelaksanaan sistem pertukaran data elektronik,pindaan-pindaan juga perlu dibuat kcpada Akta Cukai Jualan selain daripada pindaan-pindaan kepada Akta Kastam, Akta Eksais dan Akta Cukai Jualan.

Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 2 Akla untuk memasukkan lakrif perkataan-perkalaan "dokumen", "komputer" dan "pertukaran data clektronik" dalatn Akla tersebut. Dengan lain perkataan, ini mcrupakan pindaan-pindaan yang conscquential. Mclalui Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1990, seksyen 17 Akta tclah dipinda dan subsekysen 17 (3) telah dinomborkan semula sebagai subseksyen 17(2).

Walau bagaimanapun, pindaan-pindaan berbangkit pada perenggan 43 *(g)* lidak dibuat. Peruntukan di bawah seksycn 43 Akta Cukai Jualan 1972 ialah mengcnai penetapan kesalahan-kesalahan tertentu di bawah Akta terscbut. Dalam perenggan *(g)* seksycn ini adalah ditetapkan sebagai satu kesalahan sekiranya sescorang mengeluarkan invois yang menunjukkan jumlah cukai yang berlawanan dengan kehendak scksyen 17 (3). Walau bagaimanapun, seksyen 17 Akta ini lelah dipinda dalam tahun 1990 melalui Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1990 dcngan menombor semula subseksyen 17(3) untuk menjadi subseksyen 17 (2). Pada masa itu, subscksyen 43 *(g)* tidak dipinda bersama untuk mengambil kira pindaan tersebut. Dengan itu, Fasal 3 bertujuan meminda subscksyen 43 *(g)* untuk menukar ungkapan "17 (3)" di dalamnya kepada ungkapan " 17 (2)".

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 pula bertujuan meminda seksyen 64 Akta untuk membolehkan perakuan audit ditandatangani oleh seorang akauntan awam. Mengikut seksyen 64 Akta Cukai Jualan 1972, Ketua Pengarah Kastam boleh menghendaki seorang pelesen mengemukakan sijil audit dan sijil ini bolehlah ditandatangani oleh mana-mana akauntan berkelayakan. Walau bagaimanapun.adalah lebih wajar sekiranya kategori akauntan dibenarkan untuk menandatangani sijil audit ini dihadkan kepada kategori tertentu sahaja untuk menjamin kualiti pengauditan yang dijalankan. Dalam hal ini, adalah dicadangkan supaya sijil audit ini hanya dibenarkan untuk ditandatangani oleh seorang akaun awam sahaja. Ini adalah disebabkan bahawa akauntan awam adalah didaftarkan oleh Institut Akauntan Awam Malaysia yang mengawal kelakuan serta etika mereka. Bagi maksud ini, seksyen 64 Akta Cukai Jualan 1972 perlu dipinda untuk mensyaratkan bahawa sijil audit hanya boleh ditandatangani oleh seorang akauntan awam sahaja.

Fasal 5 bertujuan meminda proviso kepada seksycn 66 Akta untuk membolehkan borang-borang yang dikemukakan melalui sistem pertukaran data elektronik digunakan dalam urusan-urusan di bawah Akta tersebut. Rang Undang-undang ini tidak melibatkan apa-apa perbelanjaan tambahan kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mcnyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kepong.

8.28mlm.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, Akta ini juga sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat hanya consequential. Dan kita akan bahaskan juga untuk Rang Undang-undang Akta Cukai Perkhidmatan, itu pun consequential juga. Cuma dua perkara yang tidak pernah disentuh, iaitu mengenai Fasal 3 bertujuan untuk meminda Perenggan 43 *(g)* Akta untuk membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap mana-mana orang yang mengeluarkan satu invois yang menunjukkan jumlah yang berupa sebagai cukai jualan berlawanan dengan subseksyen 17 (2).

Tuan Yang di-Pertua, memang kita perlukan undang-undang yang lebih ketat untuk mencegah daripada berlakunya penyelewengan yang dibuat oleh client ataupun orang-orang lain untuk mengemukakan invois yaag tidak betul. Di dalam usaha untuk memperbetulkan keadaan ini, adakah jaminan pihak pegawai ataupun pihak Kerajaan bagi membolehkan "client" yang benar-benar tidak melakukan kesalahan tctapi kerana tindakan yang tidak betul diambil ke atasnya, mereka ada peluang untuk membela diri ataupun satu redress, tidak melalui mahkamah kerana kadangkala mungkin amaun yang terlibat itu tidak begitu besar sehingga kalau pergi ke mahkamah pun akan merugikan pihak yang tertentu. Jadi, kita mesti adakan kaedah untuk membolehkan satu redress, kalau ada tindakan yang diambil itu tidak betul. Ini perlu kerana kalau amaun tidak besar memang pihak yang terlibat tidak akan pergi ke mahkamah.

Yang kedua, mengenai akauntan awam. Bolehkah Yang Berhormat terangkan situasi di mana audit perlu diadakan untuk "clients", pengimport-pengimport atau pengeksport-pengeksport yang perlu mengadakan audit. Saya setujulah kalau adakan audit, mesti ditandatangani oleh seorang akauntan awam ataupun seorang

yang mempunyai taraf yang serupa ataupun lebih tinggi kerana orang-orang ini kita harap ada etik yang tertentu sebagai seorang profesional untuk membuat tandatangan ke atas audit yang benar-benar membayangkan keadaan yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat menerangkan situasi di mana audit ini perlu dibuat dan bagaimana semua ini diuruskan dengan cepat kerana semua pindaan ini ialah untuk mempercepatkan prosedur? Sckian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Arau.

8.33 mlm.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju. Cuma yang saya hendak sckarang ini ialah berhubung dengan akauntan awam.Macam kcs bangunan runtuh. Siapa yang kita hcndak persalahkan? Juruperunding sign, demikian juga orang hendak buat rumah di kampung sekarang ini, yang lukis plan ialah orang lain, tetapi dia pinjam arkitek untuk sign dengan bayaran RM50 atau RM100. Demikian juga ada lawyer. Bukan saya kata lawyer mana-mana. Ada lawyer yang sign sahaja. Dia sign tetapi yang buat orang lain. Jadi, yang saya hendak tanya, walaupun dia ini akauntan awam.....

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Larut.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Mengenai lawyer. Bolehkah Yang Berhormat beritahu saya lawyer mana? *(Ketawa)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tidak mahu sebut, tetapi saya bcri satu contoh. Ada satu lawyer—ini cerita pengalaman sendiri— saya buat pinjaman Bank Pertanian, tetapi saya sudah clear, sudah bayar habis. Saya lidak tahu, saya cuma dengar—nama orang ini tidak payahlah sebut, kalau sebut nama betul nanti orang kenal di Perlis ini siapa dia. Sebut sahaja nama dia "Mat", tetapi nama dia bukan "Mat". Nama dia nama lain. Orang panggil lawyer. Rupa-rupanya dia kerani lawyer kepada seorang lawyer di Penang. Saya tengok dia sign semuanya. Bila kita buat agreement, saya ingat siapa yang lawyer, dia tiru sign lawyer. Sebab tandatangan ini yang penting ialah capnya. Tandatangan siapa pun boleh buat.

Jadi, sampai ke tahap mana kita hendak katakan? Kita beri tanggungjawab ini kepada dia, jadi dia bertanggungjawab semua. Juruperunding dia bertanggungjawab kepada building tctapi yang mati lebih dari satu orang juruperunding. Kalau jurupcrunding seorang mati tidak apa. Ini 59 orang berita yang terakhir tadi. Kalau juruperunding mati, biarlah dia mati sebab dia buat tidak betul tetapi dia sign.

Demikian juga public accountant. Yang mengaudit ini bukan akauntan, tetapi kerani-kerani, mercka yang buat semua ini. Dalam proscs itu, tidak ada akauntan dalam dunia ini termasuk yang terbaik dalam dunia ini yang hendak tengok balik semua invois ini. Ada atau tidak? Tolong tunjuk pada saya, kalau adalah. Kalau ada, memang dia buat kerja bodohlah. Kalau kcrani dia 5 orang buat kerja itu seminggu, dia pula hendak buat kurang-kurang 3 minggu dia kena selak balik. Saya tahu perkara ini sebab kita semua, masing-masing ada syarikat jadi kita tahulah. Kita dengar cerita ada kawan-kawan lain buat mengatakan, "Pakat-pakatlah". Jadi, akhirnya akauntan tandatangan. Walaupun dia berdaftar dengan Persatuan Akauntan Malaysia, macam Bar Council—berdaftarjuga. Jadi, Bar Council hukum lawyer. Saya hcndak tahu sejauh mana untuk hendak membolehkan supaya akauntan ini bila dia sign, dia tahu apa yang tersirat di bawah invois yang banyak-banyak itu. Satu kaedah yang membolehkan dia tandatangan, dia puas hati apa yang dia tandatangan. Bukan tandatangan pinjarnan.

Sekarang ini kita boleh buat semua, akhirnya akauntan yang ternama sign sahaja. Scmua akauntan tcrnama pun sudah berumur, 60 tahun pun ada. Dia sign mana sempat hendak tengok. Yang membuat itu kerani-kerani dan kadang-kadang saya tahu ada syarikat-syarikat yang pakat-pakat—ini cerita betul, buat apa hendak sembunyi—dia kata ini lepas, ini masuk, ini lepas, ini masuk dan sebagainya.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah kaedah walaupun kita kata dalam hidup ini kita mesti mempercayai seseoranglah. Kalau tidak, kita hendak percaya siapa. Macam kalau kita pertikai Hakim, ada Hakim yang tidak bagus, Hakim yang pergi apa-apakah malam-malam, dia bangun lewat, pagi-pagi dia datang pejabat lewat jadi pcnghabis sekali kita tidak percaya siapalah.

Jadi, kita kena percaya kcpada Hakim. Dcmikian juga, kita kena percaya kepada akauntan tetapi saya hendak minta supaya satu kacdah yang membolchkan bila dia sign itu, dia sudah nampak semua sekali invois-invois yang beribu-ribu dan berjela-jela itu, dia tahu. Kita pun tahulah bahawa dia tahu ini okay, ini okay tctapi dia hendak pastikan sebab yang buat daripada awal, audit dari awal sampai akhir bukan dia teiapi orang lain. Itulah soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Habis ya? Silajawab.

8.38 mlm.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong, Yang Berhormat dari Arau kerana mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang ini. Ahli Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan bebcrapa pcrkara.

Yang pertama berkaitan dengan rcdrcss ataupun cara. Adakah perunlukan tertentu khususnya berkaitan dengan kes-kes mclibatkan amaun yang kecil di mana seorang pesalah itu tidak perlu dirujuk kepada mahkamah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kcpong memang diperuntukkan dalam peraturan di mana kesalahan-kesalahan kecil di bawah Akta Cukai Jualan boleh diselesaikan melalui kompaun. Tidak perlu pergi ke mahkamah. Jadi, memang ada redress. Ini adalah untuk melicinkan lagi pentadbiran.

Persoalan yang kedua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong bcrtanya apakah situasi di mana audit perlu dibuat. Jawapannya semua situasi—kesemua premis ataupun pekedai yang menjalankan perniagaan termasuk dalam threshold yang menycbabkan pekedai tersebut perlu membayar cukai, maka dalam kes tersebut setiap penyata yang dikemukakan kepada Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja perlulah mendapat tandatangan audit.

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji JuharbinHajiMahiruddin): Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bukankah ini kcrja Inland Revenue Departmcnt atau Jabatan Hasil Dalam Negeri, dan merekalah Review yang membuat auditan scperti ini, bukan Kastam. Scbab itulah saya keliru sedikit. Ini perlu dibuat oleh pihak client atau syarikat untuk Kastam, bukan untuk Jabatan Hasil Dalam Ncgeri atau audit syarikat. Jadi, itulah saya keliru scdikit.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Perlua, malam-malam ini, semua keliru dah. Sudah jam 8.40, *(Ketawa)* saya pun keliru juga.

Jadi mengikut peraturannya, seorang pekedai itu hendaklah mengemukakan rcturnnya dan return terscbut hendaklah ditandalangani oleh seorang auditor, iaitu seorang akauntan awam. Begitu ringkas jawapan Yang Berhormat dari Kepong.

Seterusnya jawapan kepada soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau, beliau antara lain menyatakan bahawa yang sebenarnya, yang mengesahkan dokumen-dokumcn bukan yangditauliahkan lawyer, akauntan, arkitck dan scbagainya, tetapi kerani-kerani di pcjabat-pejabat bcrkenaan. Memanglah ini kita scmua tahu dan kita semua berurusan dengan peguam-peguam dan dcngan lain-lain profesional, yang menjalankan kerja adalah pembantu-pcmbantu mereka. Tetapi yang pcnting dalam hal ini, akauntan awam dalam kes yang kita bincangkan hendaklah mcngesahkan kerja-kcrja yang dibuat oleh pembantu-pembantu mereka dan setelah disahkan, maka akauntan awam tersebutlah yang bertanggungjawab ke atas perakuan yang telah ditandatangani.

Berkaitan ini kita tahu, akauntan ada etika mereka dan ada Akta yang membolehkan tindakan-tindakan tertentu diambil jika mereka menyalahi peraturan. Oleh hal yang demikian, peraturan-peraturan memang ada untuk memastikan tidak ada penyelewengan.Cuma pertanyaan apakah kaedah yang membolehkan kita mengetahui bahawa yang sebenarnya sesiapa yang menandatangani itu betul-betul mengetahui apa yang tertimbun-timbun, ini kita serahkan kepada badan-badan iktisas yang berkenaan seperti akauntan dan lain-lain profesional. Jadi, masalah ini saya kira tidak harus dipertikaikan kerana bagi Kerajaan, apabila seorang akauntan awam itu setelah diaudit sesuatu urusan perniagaan itu mengesahkan kesahihannya, maka bagi Kerajaan.tertakluk kepada undang-undang Akta tertcntu, kita akan menerima pcngesahan oleh juruaudit atau akauntan awam yang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan discrahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa)*

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) 1993

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.46 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dibaca bagi kali yang kedua.

Seperti juga Rang Undang-undang sebelum ini, Rang Undang-undang ini melibatkan pindaan-pindaan yang dengan izin, consequential. Saya mohon memberi sedikit penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Seperti mana ucapan saya bagi pindaan Akta Kastam, Akta Eksais dan Akla Cukai Jualan, pindaan kepada Akta Perkhidmatan juga pcrlu dibuat bagi mengambil kira pelaksanaan sistem data elektronik.

Fasal 2 bertujuan meminda subseksyen 2 Akta untuk memasukkan takrif perkataan-perkataan "dokumen", "komputer" dan "pertukaran data elektronik" dalarn data tersebut.

Fasal 3 bertujuan meminda proviso kepada seksyen 49 Akta untuk mernbolehkan borang-borang yang dikemukakan melalui sistem pertukaran data elektronik digunakan dalam urusan-urusan di bawah Akta tersebut.

Rang Undang-undang ini tidak melibatkan sebarang tambahan perbelanjaan kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tidak ada orang hendak bahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi dipuiuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa)*

Fasal l hingga 3 diperintahkan jadi sebahagiandaripadaRangUndang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL-USUL

AKTA KASTAM 1967

(i) Perintah-perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25), (No. 28) hingga (No. 31) 1992
(ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1993 hingga (No. 15) 1993

8.50 mlm.

Menteri Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

(i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.25) 1992;

(ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.28) 1992;

(iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.29) 1992;

(iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.30) 1992;

(v) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.31) 1992;

(vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1993;

(vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 1993;

(viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 1993;

(ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.4) 1993;

(x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 1993;

(xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 1993;

(xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.7) 1993;

(xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.8) 1993;

(xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.9) 1993;

(xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.l0) 1993;

(xvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.l 1)1993;

(xvii) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.l2) 1993;

(xviii) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.l3) 1993;

(xix) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.l4) 1993;

(xx) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.l5)1993;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut bil. 183, 184,185,186,187,188,189,190,191,192, 193,194,195,196, 197, 198,199,200,201 dan 202 tahun 1993 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.25) 1992 bertujuan untuk mengwujudkan suatu kod tarif khas untuk "parabolic antennae" di mana barangan ini telah diputuskan untuk dilarang secara mutlak. Kadar duti yang sama telah ditetapkan untuk parabolic antennae seperti jenis-jenis antena yang lain di bawah kod tarif yang lama.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.28) 1992. Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.29) 1992, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.31) 1992; Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 1993, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 1993, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.7) 1993. Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.9) 1993, Pehntah Duti Kastam (Pindaan) (No.10) 1993, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.12) 1993 dan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.15) 1993 bertujuan meminda kadar duti import ke atas beberapa barangan petroleum di seluruh negara berdasarkan kepada kajian harga barangan petroleum dari semasa ke semasa.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.30) 1992. bertujuan menghapuskan kadar duti import ke atas alat-alat pengesan tachograph dan on-board trip recorder. Langkah ini adalah untuk menggalakkan pihak pengusaha kenderaan perdagangan membeli alat-alat pengesan tersebut untuk mengawasi pemandu-pemandu mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1993 adalah bertujuan untuk memansuhkan kadar duti import ke atas simen. Langkah ini telah diambil memandangkan pengeluar-pengeluar bekalan simen tempatan tidak dapat membekalkan simen dan seterusnya untuk membantu kekurangan bekalan simen yang dihadapi oleh negara pada masa ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.4) 1993. bertujuan membetulkan kadar duti import bagi nombor sub-kepala 8471.99900 daripada 5% kepada Nil.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 1993, bertujuan menaikkan kadar duti import bagi propelin chopolimus dari 2% kepada 30% dan

menurunkan kadar duti import bagi polyester chips daripada RM0.40 sekilogram dan 5% kepada 3%, Langkah ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan perlindungan tarif ke atas industri tempatan terutama ke atas bahan mentah atau barangan yang tidak dikeluarkan dalam negara.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No,6) 1993, bertujuan supaya duti import 30% ke alas tikar getah (PVC floor covering sheet) tambah dengan duti spesifik sebanyak RMl.00 semcter pcrscgi. Dcngan penambahan duti spcsifik sebanyakRM 1.00 semeter persegi,syarikat pengeluar diharap dapat meningkatkan mutu dan kos pengeluaran di samping meningkatkan daya saingannya.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.8) 1993, bertujuan menghapuskan duti import ke atas jongkong emas daripada 5% kepada Nil. Langkah ini selaras dengan keputusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 30hb. Oktober, 1992 dan 9hb. Jun, 1993 supaya duti import sebanyak 5% ke atas jongkong emas dihapuskan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) .1993, bertujuan meminda kadar duti import ke atas beberapa barangan coklat. Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan perlindungan tarifkc atas barangan ini serta menggalakkan industri tempatan berdaya maju dan berdaya saing.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1993, bertujuan meminda Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1988. Langkah ini bertujuan menyelaraskannya dengan struktur klasifikasi barangan di bawah Harmonised Comodity Description and Quality System yang ditadbirkan oleh Majlis Kerjasama Kastam.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1993, bertujuan mengurangkan duti import bagi cane and other molasscs di bawah nombor kepala tarif 1703.10000 dan 1703.00000 daripada RMO.l 1 sekilogram dan 5% kepada 2%, Langkah ini berlujuan membantu pengeluar makanan tempalan menggunakan other molasscs yang tidak dikcluarkan dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Bcrhormat, masalah sekarang tcrbuka untuk dibahas.

8.56 mlm.

Dr, Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, memang ini satu consequential daripada Belanjawan dan ada beberapa perkara daripada Perintah-perintah yang tclah pun diterangkan oleh Yang Berhormat tadi. Saya hendak mengucapkan syabas kcpada pihak Sekretariat yang dapat mencantumkan semuanya dan memudahkan saya membacanya. Inilah kali yang pertama. Tetapi Ahli Yang Berhormat dari Arau tidak tahu, kerana dia tidak ada. Memang tidak ada. Cuma dia ada ini sahaja. Tidak kena-mengena. *(Disampuk)* Mana?Mana? *(Ketawa)* Dia memang tidak ada sekarang.

Saya akan merujuk kepada Kertas Statut. Memang Yang Berhormat pun tahulah kertas-kertas tersebut. Cuma mengenai parabolic antennae. Cukai import 50%. Sebenarnya barang ini diharamkan, macam mana kita ada duti import lagi? Hairan juga saya. Ini bermakna ada orang yang mengimport kerana dikenakan duti.

Walaupun, seperti Ahli Yang Bcrhormat dari Arau setuju dengan dasar Kerajaan untuk mengharamkan semua antena parabola tetapi nampaknya ada dibenarkan inasuk. *(Disampuk)* Raja? Berapa? *(Ketawa)* Nampaknya ramai orang yang berlagak seperti Raja sekarang ini—yang mengimport benda ini. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kalau benda itu diharamkan, macam mana kita import lagi? Mengenai petroleum ada beberapa Kertas Stalut ini—saya rujukkan kepada semualah kerana saya tidak begitu faham mengenai

petroleum. Apakah tujuan misalnya nombor-nombor kepala 211, 212 dan 219 bagi nombor kcpala 2710 dengan menggantikan perkataan-perkataan "RM0.5042 satu liter" yang terdapat dalam ruang 4 dengan perkataan-perkataan "RM0.5188 satu liter". Scbab saya tidak mcmpunyai pengetahuan mengcnai perkara ini, saya hendak tanya sedikitlah. Cuma ini memang salah satu perkara yang penting kerana kita kulip cukai yang banyak ke atas bahan-bahan petroleum di negara ini.

Tuan Yang di-Perlua, mengenai tachograph, mcmang saya setuju alat-alat scperti ini kita kccualikan duti import, tctapi di sini ada sub-heading No.900, ada value 5%. Apakah yang ada mengcnai tachograph ini? Walaupun duli irnport ke atas semua barang makanan telah pun dihapuskan, tetapi saya nampak misalnya "whey cheese" ini masih dikcnakan duti import. Dan apakah sebabnya "fresh ("unripened wrapperot" cured", iaitu Kertas Statut 200, "fresh and wrapper or uncured") cheese including whey cheese", dikenakan duti import 20% sekilogram. Ini duti importnya sudah dimansuhkan, mengapa kita kenakan lagi ke alas "whey cheese" ini?

Dan satu lagi perkara yang penting iaitu mengenai simen. Saya khuatir bukan sahaja kita tidak mempunyai simen yang cukup, yang dibuai oleh pihak pengilang simen di dalam negara, termasuk di Langkawi. Kalau boleh lebih baik kita pindahkan daripada Langkawi kerana mencemarkan udara dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kilang-kilang ini saya percaya mengeluarkan amaun simen yang cukup untuk negara ini, tetapi yang hairannyadari semasa kesemasa ada kckurangan. Apakah sebabnya? Dan kita sekarang mengurangkan duti import supaya simen-simen daripada negara-negara lain, termasuk negara Thailand dapat masuk ke negara ini.

Di sini saya hendak menckankan bahawa pihak Kastam dan Kcmenterian Perdagangan Antarabangsa dan Induslri mestilah memastikan kualiti simen yang diimport, sebelum kita benarkan duti import dikecualikan ataupun dikurangkan. Kerana tragedi kondominium di Highland Towers mungkin salah satu masalahnya ialah kualiti simen yang digunakan—mungkin.

Mengenai industri pembinaan yang lain, disyaki bahawa kualiti simen yang diimport daripada negara-ncgara yang tcrtentu tidak mencapai tahap yang dikehendaki, dan dengan kualiti yang tidak baik, memang boleh berlaku kemalangan dan sebagainya, kalau simen-simen sepcrti ini digunakan untuk industri pembinaan di negara ini. Sebab itulah, saya menyeru supaya pihak Kastam dan juga Kemcnterian yang berkenaan menganggap pengecuaiian ataupun pengurangan duti import ke atas simcn ini dengan lebih berhati-hati, dengan mengambil langkah yang tertentu supaya hanya simen yang bermutu tinggi dikecualikan duti import. Itu sahajalah, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Arau.

9.06 *mlm.*

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Yang dl-Pertua, saya ingat ini yang penghabisan, kalau ada lagi saya hendak sambung.

Mengenai parabola, saya tidak faham, jadi saya tidak malu untuk bertanya, apa beza parabola untuk tujuan televisyen dan juga untuk Telekom. Tetapi dari scgi saintifiknya, saya tahu kedua-duanya menggunakan gelombang, gelombang pcndek, gelombang sederhana, gelombang panjang—gelombang. Jadi, pada pendapat saya, oleh sebab ia menggunakan gelornbang maknanya kedua-dua ini bolch diambilkira. Saya hendak tahu apa bezanya? Pada pandangan saya, saya rasa sama parabola untuk tujuan kedua-duanya tadi. Jadi, bcrapa duti import yang dikcnakan pada sebiji parabola ini, saya hendak tanya

Yang Berhormat dan mengapa.,... ."sebiji" atau "sebuah"?

Seorang Ahli: Seunit.

Tuan Shahidan bin Kassim: Satu unit, ya. Orang Perlis menggunakan "sebiji" samalah juga—ramai orang menggunakan bahasa tempatan masing-masing. Jadi, saya ingat di lewat malam ini, bahasa lernpatan dia makln meresap di kepala, bahasa standard hanya untuk pagi waktu pejabat, pada waktu malam masa di rumah bersama isteri tentulah menggunakan bahasa tempatan, dia lebih mesra sebab bahasa standard kadang-kadang tidak faham apa yang saya hendak, apa yang dia hendak.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya perbezaan berapa satu unit, orang Kelantan kata "sebiji", orang Perlis pun kata "sebiji", berapasatu unit. Kalau50% ini, sayahendak tanya Yang Berhormat berapa cukai yang dapat dikutip. Saya tanya persoalan ini sebab baru-baru ini Kerajaan membenarkan hotel-hotel menggunakan parabola untuk mendapatkan berita CNN ataupun untuk tujuan berita. Jadi, hotel-hotel dibenarkan, kalau sekiranya untuk tujuan membolehkan semua hotel yang bertaraf Six Star, Five Star, Four Star. Six Star yang saya tahu adalah Carcosa Seri Negara, yang lain Five Star. Jadi, membolehkan sampai hotel Two Star ataupun One Star. Semua hotel termasuk chalet-chalet dapat menggunakan parabola ini untuk membolehkan orang yang menumpang di hotel dapat menengok sama siaran-siaran seperti Hotel Five Star. Macam Ahli Yang Berhormat dari Kepong, dia duduk di Pantai Chenang iaitu di Hotel Pelangi, you duduk di Hotel Pelangi, saya duduk di Hotel Beringin. Di Hotel Beringin tidak dapat siaran itu, dia duduk di Hotel Pelangi— dia dapat sebab dia kapitalis, walaupun DAP sosialis. Dia dapat tengok berita CNN, berita-berita luar negeri sebab hotel itu menggunakan antenna yang dibenarkan oleh Kerajaan.....

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya,Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya duduk di Hotel Langkawi—kepunyaan TDC.

Tuan Shahidan bin Kassim: TDC Four Star. Ada star jugalah. Saya duduk di hotel tidak ada star. Jadi. hotel saya tidak ada star, maknanya chalet-chalet yang kadang-kadang ada 50 buah chalet dicantumkan, jadi kalau kita benarkan satu parabola, tidaklah hanya orang yang duduk seperti di Langkawi Hotel, di Pelangi Hotel, dapat melihat siaran CNN. Orang yang duduk di Chalet pun dapat tengok.

Seperti yang saya tahu apa yang dimaklumkan dalam Belanjawan tahun lepas, bukan tahun ini—dibenarkan hotel-hotel untuk menggunakan parabola, tetapi kalau kita kenakan duti import sebanyak 50%, jadi hotel-hotel Five Star, Six Star, Carcosa Seri Negara dan lain-lain lagi sahaja yang dapat. Jadi, hotel-hotel yang tidak ada star—tidak dapat. Jadi benarkanlah untuk membolehkan semua menikmati. Saya tidak setuju, dia kata siapa yang import parabola oleh kerana ianya diharamkan, sebab dia tidak dengar betul-betul Belanjawan, dia agak-agak, apa yang dicakapkan itu betul—tidak betul, ramai orang yang dibenarkan untuk menggunakan parabola, hotel-hotel terutamanya.

Seperti di Langkawi ada 5,000 unit bilik hotel, ada berapa buah hotel di sana Yang Berhormat termasuk chalet? Katakanlah 300 buah hotel—200lah senang, jadi ada 200 antenna, 200 parabola. Itu satu.

Yang keduanya, adakah CELCOM ini ataupun Cellular 800-900 ini pakai yang sama? Saya rasa mereka pakai yang sama scbab dia pakai gelombang. Ini saya tidak tahulah, itu sebab sayahendak tanya. Orang lain pun banyak yang tidak tahu, Kepong lagi tidak tahu. Sekurang-kurangnya saya ada niat untuk hendak mengetahui sebab benda ini bukan kita yang buat kerja, orang lain yang buat kerja dan kita beli telcfon sahaja.

Sekarang ini kita tahu CELCOM ini termasuk 900 dan juga 800 yang akan dapat, ia tidak boleh dipancar ke banyak tempal. Dahulu saya pernah bertanya orang yang bekerja dengan CELCOM ini mengapa tempat tinggi tidak boleh dapat? Dia kata sebab ia dipancarkan daripada bangunan 20 tingkat, jadi bangunan yang lebih tinggi tidak dapatlah! Tetapi sekiranya dia dapat pasang alat-alat yang berbentuk parabola ini di semua tempat, maka scmua tempat akan dapat perkhidmatan. Itu sebabnya perkhidmatan ccllular telcfon yang paling baik sekali hanya di Perlis sebab di Perlis dipasang di semua tempat, di Hutan Aji, di Padang Besar dipasang alat itu. Dia sewa RM300 sahaja bagi memasang alat itu. Apabila masuk di Perlis, clear! Jadi semua orang boleh melancong ke Perlis. Kalau yang tidak boleh pakai di Kepong atau di Janda Baik—Janda Baik Lidak boleh pakai langsung!

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah ini bermakna orang di Perlis walaupun tidak dibenarkan untuk mengguna parabola tetapi kebanyakannya menggunakan parabola yang digalakkan oleh Yang Berhormat Arau untuk menyimpan parabola yang tidak dibenarkan, diharamkan!

Tuan Shahidan bin Kassim: Mungkin saya bercakap terlampau cepat. Untuk memudahkan pemahaman Yang Berhormat, bukan saya dan bukan orang Perlis tetapi CELCOM, Syarikat Cellular Telephone 900. Mereka itulah yang pakai. Kalau harga barang itu mahal, dia tidak boleh pasang di banyak tempat, dia caj kita tinggi. Kalau barang ini murah, tidak dikenakan cukai, jadi dia boleh pasang di mcrata-rata. Dia boleh pasang di Gunung Tahan.

Sayadan Kak Rakibah ini kami duduk di Janda Baik, kita tahu tidak boleh pakai. Tetapi apabila saya pergi ke Gunung Berinchang, Cameron Haghlands iailu di antara gunung yang tersejuk di Malaysia sebab angin lerlampau kuat. Di Gunung Berinchang ada kem komando dan di Gunung Berinchang ini boleh pakai! Itu yang menariknya!

Saya tertarik hati sebab saya boleh pakai telefon. Seronok, tengah jogging saya telefon. Boleh pakai! Adakah ini antara sebab CELCOM tidak ada duit untuk beli antena sebab cukai tinggi? Saya hendak tanyalah. Kadang-kadang kita sakit hati jugasebabCELCOMinidibearkan.Sampai di tahap mana dia boleh pancarkan gelombangnya? Sekarang ini orang beli telefon tidak berhenti-henti tetapi tidak boleh pakai. Telefon yang banyak sekali "cross-line" ialah telefon inilah dan teletbn ini pula kita kena berjaga-jaga, banyak perbualan-perbualan seksi kita boleh dengar dengan menggunakan PM-108. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh tulis. Pasang FM-108 sekejap lagi boieh dengar, kadang-kadang percakapan-percakapan yang kurang menarik. Saya terdengar sekali tetapi bukan jenis radio yang ini. Ada jenis radio special yang boleh dibeli daripada Singapore. Di sini pun ada, boleh dibeli di Johor Bahru dan kita boleh dengar. Macam Ahli Yang Berhormat Kepong, kita nampak dia alim tetapi kita tidak tahu, mungkin dia bercakap bahasa-bahasa seksi dengan sesiapa; ini sebagai contoh. Bahaya! *(Ketawa)*

Saya hendak minta supaya CELCOM buat sesuatu supaya telefon ini tidak boleh didengar oleh orang lain. Sedih tahu! Saya pernah sekali—ini tidak apalah kerana ini untuk Kastam. Saya telah menolong Kastam ini, dia dengar perbualan di antara penyeludup beras di Perlis. Saya beri dia dcngar.Jadi dia dengar siapa yang bercakap. Saya menggunakan radio ini dan boleh tape balik. Kemudian dia pergi tangkap. Sekejap sahaja. Dia kata, "Maaf tok, saya tidak buat apa-apa". Buka balik tape baru dia dengar. Kita boteh pergi tangkap dekat gudang mana

dia masuk. Dia kata, "Tolong bawa 50 guni bcras masuk ke gudang ini." Sekejap itu juga kita pergi tangkap dan sckarang orang itu kcna buang daerah. Itu hendak tunjukkan baguslah, saya tolong Kastam. Tctapi saya pernah mendengar perbualan-perbualan yang kurang menarik. Apabila saya dengar, saya kata ini berdosa mendengar orang bercakap, seksi bukan main! Saya tak sangka, orang itu kcpalanya tidak lekang dengan kopiah putih. Saya dengar perbualannya dengan seorang percmpuan Siam, saya dengar, wah! Hendak tunjukkan bahawa.... ..*(Ketawa)*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua.saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Arau. Dia tidak pernah dengarkah Yang Berhormat Jelutnng berbincang dengan pengedar-pcngcdar dadah semasa dia hendak defend itu? Tak biasa dengarkah? *(Ketawa)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau Polis hendak minta perkhidmatan saya, saya boleh berilah dan radio itu masih dalam simpanan saya. Radio biasapun boleh tetapi kena buat adjustment sedikit di dalamnya. lanya boleh dibuat. Saya berasa sedih apabila mendengar perbualan itu sebab benda ini berdosa. Saya tidak hendak dengar.Saya dengar sekejap saya pun tutup. Lepas itu saya buka balik, saya dengar yang itu juga, jadi saya pun tidak seronok.

Baru-baru ini semasa Perhimpunan Agung UMNO, lagi hebat sebab semua orang pakai. Saya pun pakai sampai tiga, kiri dan kanan. Saya tahu orang dengar percakapan saya, sampai satu orang kata, "Shahidan, kalau hendak lawan kami pun, macam ini, macam ini..." Maknanya dia dengar pcrbualan saya. Saya kata betul saya cakap. Hendak bohong macam mana, bukti ada.

Walau bagaimanapun, ini bermakna akan merosakkan jiwa dan pemikiran orang yang menggunakannya. Sekarang ini orang lidak tahu tetapi saya tahu siapa yang bercakap. Kita bolch buka. Jadinya, CELCOM ini mungkin dibenarkan import lcbih banyak parabola. Ini dari segi teknikal, kita tidak tahu.Tetapi saya mendapat banyak penerangan tentang perkara ini dan saya tahu bagaimana dia hendak pancar pergi ke Singaporc. Singaporc dia pcrnah buat, dia pancar sampai ke Batu Pahat. Dia bolch dengar scmua pcrcakapan dan kadang-kadang kita boleh lawan balik, kita pancar sampai kc Burma Road. Saya tahu cerita-ccrita dalaman ini. Saya hendak menunjukkan bahawa antena ini memainkan peranan yang pcnting.

Kita pcrnah pcrgi kursus di satu tempat di Langkawi, banyak orang besar-besar, kita telefon pagi-pagi hendak tanya syer, tidak dapat. Rupanya pancaran kita telah ditolak ke tempat lain supaya kita jangan main syer tetapi mengikuti kursus yang berkcnaan. Saya hcndak beritahu bahawa parabola ini cukup penting.

Tuan Pengerusi, saya tidak tahu sama ada saya ini penghabiskah ataupun hendak sambung lagi. Akhir sekali, sebab dia gelisah, saya bersetuju. Saya hendak tanya Yang Berhormat, ini pasal simen. Sejauh mana dibenarkan kuota untuk mengimport ini? Adakah mengimport simen ini disyaratkan hanya pengedarsimen ataupun kilang-kilang simen? Saya rasa lebih tepat sekali kalau dibenarkan kilang-kilang simen mengimport simen ataupun mengimport..... Apa dia panggil saya pun lupa alat hendak buat simen. Saya pun hendak buka kilang simen tetapi saya lupa benda itu.Untuk membolehkan pengeluaran simen tempatan yang dijamin kualitinya—saya tahu ada dua jenis simen, satu simen ccpat keras dan simen lambat keras. Tetapi orang kata yang lambat keras ini dia tahan lama sebab dia mengikuti proses. Macam kita hendak membuat jambatan kita kena tuang simen yang cepat keras sebab lcpas itu air datang, scbab kita hendak buat dalam laut.

Seorang Ahli: *(Menyampuk)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah patut dibuat kuota untuk mempastikan supaya pengeluar simen di negara ini yang

mengimport simen, bukan pengedar dan sebagainya. Kita tahu walaupun simen industri sekarang melambung begitu tinggi, saya bersetujulah. Inilah kali pertama saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat Kepong, kualiti itu penting jadi kita kena pastikan sebab kita tahu Kastam, bila sebut perkataan "simen" dia cop sahaja sebab dia tidak boleh cek tcntang kualiti dan sebagainya. Kita pun tidak tahu tcntang kualiti ini.

Saya hendak bcritahu di sempadan sana, bukan ramai yang cek kualiti, orang lcbih cek tentang kuantiti. Kualiti ini terpulang kepada pengimport dan juga pengeksport. Dia yang hendak beli, dia punya hal tetapi yang hendak tanggung beban ialah rakyat Malaysia. Bukannya tugas Kastam, dia bukan ada "qualky control"—tiada. Saya tahu sangat tentang hal ini.

Pasal kcs kubis. Saya Pengerusi FAMA, saya tahu. Kubis masuk bukan hak Kastam untuk cek sama ada kubis itu ada racun yang tinggi atau tidak. Tidak ada. Yang hendak cek ialah FAMA. FAMA pun bukan cek sama ada racun itu tinggi atau tidak. Yang cek ini sepatutnya Jabatan Pertanian. Jadi, kualiti sekali lagi dipertahankan. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.silajawab.

9.20 mlm.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pcrtua, nampaknya soalan yang bcrat-berat, tak kasihan agaknya. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, Arau ini banyak sangal soalan yang berat-bcrat, saya cuba jawab sedikit.

Yang pertama, Ahli dari Kepong berkaitan dcngan parabolic antenna ini memang merupakan satu barang yang dilarang secara mutlak, lidak boleh diimport letapi sudah pun dijawab oleh Ahli dari Arau tadi, dengan keizinan Yang Berhormat Menteri Penerangan dibolehkan mengimport parabolic antenna ini untuk tujuan-tujuan tertentu seperti pelancongan, keselamatan dan memanglah sepertimana yang dikatakan tadi hotel-hotel ada yang memasangnya.

Jadi, oleh sebab itu, walaupun diharamkan ada dikenakan cukai; untuk menjawab soalan Ahli dari Arau tadi, harganya saya difahamkan satu unit adalah kira-kiraRM50,000 dan adajuga yang lebih mahal,jadi cukai 50% dikenakan bermakna RM25,000 cukai dan harga pasaran RM75.000.

Jadi, bagi Ahli dari Arau tidak mahal, bolehlah membelinya, sebab itu dia ada. *(Ketawa)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, hotel-hotel kelas 3 tidak boleh import. Saya hendak mencadangkan sepcrti Ahli Yang Berhormat dari Jerai, dia ada Bcringin Bcach Resort. Dia hendak import sebuah, tctapi kalau harganya RM75,000,jadi tidak ada peluanglah. Jadi, saya berminat ingin melihat berita-berita malam tentang berita-berita luar ncgeri, saya tidak mahu duduk di hotel dia. Saya terpaksalah ikut Kepong pergi duduk di Hotel Langkawl.

Jadi, apakah boleh perkara ini dipcrtimbangkan semula untuk mcmbolehkan hotel-hotel terutamanya untuk tujuan ini termasuk juga mereka yang terlibat dcngan communications scperti CELCOM dan lain-lain lagi supaya barangan ini dapat dipasang di merata tempat untuk membolehkan kita berhubung dengan mudah?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat, kita akan mengkaji cadangan itu, sama ada Beringin Beach Resort boleh dibekalkan dengan parabolic antenna, ini ada kepentingan peribadi. *(Ketawa)*

Yang keduanya, persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong berkaitan dengan duti ke atas

petroleum ini, cukai kc atas bahan-bahan petroleum iaitu diesel, petrol, gas dan LPG—ini di antara bahan-bahan petroleurn. Yang dimaksudkan dengan angka-angka yang digantikan itu merujuk kepada cukai-cukai.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum.kita mengkaji setiap sebulan sekali harga-harga bahan-bahan petroleum dan berdasarkan kepada kajian harga, berpandukan kepada hargadi pasaran dunia, berpandukan kepada kutipan cukai, maka Kerajaan akan membuat keputusan. Oleh hal yang demikian, maka perkara-perkara berkenaan dipinda, kadang-kadang tiap-tiap bulan. Jadi, yang dirnaksudkan dengan angka itu merupakan angka yang baru setelah diganti dengan kadar cukai yang baru. Dan angka ini berubah tiap-tiap bulan bergantung kepada harga bahan petroleum dipasaran dunia danjuga bergantung kepada setakat mana Kcrajaan boleh mengorbankan hasil dalam kcadaan di mana umpamanya harga bahan petroleum meningkat.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan tentang sejenis cheese yang dikenakan duti import 20%. Memang, walaupun Belanjawan baru ini melibatkan penurunan lebih 530 item barang-barang "consumer" tetapi Kerajaan memikirkan ada lagi barang-barang yang perlu terus dikekalkan cukainya. Dan ada di antara barang-barang yang difikirkan, dengan izin, luxurious, di mana kadar duit importnya mungkin tinggi. Dalam kes ini, cheese oleh kerana mungkin Kepong sahaja yang makan, kita kenakan 20% cukai, kalau orang kampung makan kita tidak kcnakan cukai.

Seterusnya mengenai simen, apakah caranya untuk mcmastikan simen yang diimport itu mempunyai kualiti yang minimum. Ini memang kawalan dikcnakan oleh Kerajaan melalui SIRIM dan badan-badan lain yang bertanggungjawab. Kita tidak mahu melihat di negara kita ini di mana kita mengimport simen yang kualitinya rendah ataupun interior. Oleh itu, Kerajaan mempunyai peraturan-peraturan tertentu, dan saya diiahamkan bahawa SIRIM bertanggungjawab untuk memastikan simen yang diimport itu menepati standard yang ditetapkan oleh industri pembinaan di negara kita.

Oleh kerana simen yang diimport itu telah pun dipastikan mutunya, oleh hal yang demikian masalah cukai tidak berbangkit.

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya seronok juga mendengar jawapan bahawa SIRIM yang bertanggungjawab untuk memastikan kualitinya, tetapi saya hendak bangkitkan di sini mengcnai import untuk sayur-sayuran.buah-buahan danjuga untuk daging dan sebagainya.

Setahu saya di negara ini, kita tidak mempunyai kaedah yang baik, yang cukup sempurna untuk menguji semuanya termasuk sayur-sayuran, kerana faktor-faktor yang tertentu, memang pcngimportan sayur-sayuran, daging-daging itu mungkin kita tidak dapal mengawal dengan sempurna.

Dan saya khuatir pengimportan simen ini, takkan SIRIM meletakkan scorang pegawai di tiap-tiap tempat untuk pengimportan simen itu, bagaimana ini boleh dibuat?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, memanglah sukar hendak menyemak setiap beg simen yang masuk ke dalamnegara—ini mustahil.kerana beratus-ratus ribu beg simen. Dalam mana-mana sistem sekali pun yang dibuat hanyalah melihat kepada sample dan random checks, dengan izin. Saya tidak pastilah bagaimana SIRIM melakukan semakan untuk memastikan simen itu kualitinya menepati standard kita. Saya pasti selain daripada SIRIM, tapak binaan pun dan mereka yang terlibat dalam industri pembinaan di tapak-

tapak pembinaan pun membuat ujian mereka sendiri. Oleh yang demikian, terdapat beberapa control measures, langkah-langkah kawalan bagi memastikan simen yang diimport ini adalah menepati kualiti yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Ahli dari Arau ingin tahu apakah beza parabolic antenna, TV dan Telekom, saya pun tidak tahulah, kerana ini agak teknikal dan berat dan agak susah bagi saya menjawabnya. Soalan yang berat-berat di waktu malam-malam begini susah sedikit hendak menjawabnya. Dia pun sudah lari juga, saya ingin bertanya kepadanya, mungkin dia tahu. *(Ketawa)*

Yang kedua, bcrkaitan dengan CELCOM ini pun saya tidak pasti kerana saya tidak terlibat dengan CELCOM.

Yang ketiga, berkaitan dengan import simcn sama ada yang mengimport itu pengilang ataupun pengedar, saya kira oleh kerana tidak ada duti import dikenakan, maka pengimportan itu bebas, siapa-siapa sahaja boleh mengimport.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Arau kerana mengambil bahagian dalam perbahasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Pcrintah-perintah berikut:

(i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.25) 1992;

(ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.28) 1992;

(iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.29) 1992;

(iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.30) 1992;

(v) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.31) 1992;

(vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1993;

(vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 1993;

(viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 1993;

(ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.4) 1993;

(x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 1993;

(xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 1993;

(xii) Perintah Duli Kastam (Pindaan) (No.7) 1993;

(xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.8) 1993;

(xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.9) 1993;

(xv) Pcrintah Duti Kastam (Pindaan)(No.l0) 1993;

(xvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.ll) 1993;

(xvii) Perinlah Duti Kastam (Pindaan)(No.l2)'1993;

(xviii) Perinlah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1993;

(xix) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.I4) 1993;

(xx) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.l5) 1993;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut bil. 183, 184,185,186,187, 188,189,190,191,192, 193, 194, 195,196, 197,198, 199,200,201 dan 202 tahun 1993 disahkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada dua minit lagi. Silakan, Setiausaha Parlimen.

AKTA EKSAIS 1976

(i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.I2) hingga (No.14) 1992
(ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1993 hingga (No.9) 1993

9.25 *mlm.*

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya dalam masa 1 1/2 minit mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu mcnurut kuasa-kuasa yang diletakkan kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 6 Akta Eksais 1976, Perintah-perintah berikut:

(i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 12) 1992;

(ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 13) 1992;

(iii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 14) 1992;

(iv) Pcrintah Duti Eksais(Pindaan) 1993;

(v) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) 1993;

(vi) Perintah Duti Eksais(Pindaan) (No. 3)1993;

(vii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.4) 1993;

(viii) Pcrintah Duti Eksais (Pindaan) (No.5) 1993;

(ix) Perintah Duti Eksais(Pindaan) (No.6) 1993;

(x) Pcrintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7) 1993;

(xi) Pcrintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 8)1993;

(xii) Pcrintah Duti Eksais (Pindaan) (No.9)1993;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas statut bil. 203, 204,205,206,207,208,209,210,211,212, 213, 214 tahun 1993 disahkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat,sila sambung esok,kerana masa sudah cukup.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tcrima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang csok.

Dcwan ditangguhkan pada pukul 9.30 malam.

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
ALOR SETAR
1998
PNMB